

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2004 (Halaman 14)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 2004 (Halaman 14)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
- “ Menteri Pengangkutan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- " Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- " Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- " Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
- “ kosong (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)

---

Yang Berhormat	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)

Yang Berhormat	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato' Tiong Thai King (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)  
“ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

**MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.  
“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia  
“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.  
“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.  
“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.  
“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.  
“ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman

**Penolong Setiausaha**

Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Nurziana binti Ismail  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah Mohd. Azir  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd. Izhar bin Hashim  
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
MESIN CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor

**JURUBAHASA SERENTAK**

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed

**BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman



**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT**

Isnin, 22 September 2003

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah projek pembinaan Jalan Long Teru ke Long Lama di jangkakan siap dan adakah Kementerian sedar bahawa Jalan Utama Persekutuan Beluru ke Jambatan Lapok/ Long Teru sangat perlu dinaik taraf ke jalan tar memandangkan banyak pelancong-pelancong luar negeri yang menggunakan jalan tersebut untuk melancong ke taman Negara Logan Bunut.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat perlaksanaan projek pembinaan Jalan Beluru, Long Teru, Long Lama di bahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama iaitu bahagian dari Beluru ke Batang Kijal dekat Jambatan Lapok sepanjang 6 kilometer telah diturap dan dinaik taraf ke *standard* JKR 5. Baki 30 kilometer selanjutnya berpermukaan *gravel* sekarang. Yang kedua, bahagian dari Batang Kijal ke Long Lama sepanjang 12 kilometer telah siap di bina ke tahap JKR 3, baki 14 kilometer ke Long Lama melibatkan juga pembinaan jambatan Sungai Teru adalah dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada awal tahun 2005. Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf dan menurap jalan ke kilometer 6 ke kilometer 36 di Batang Kijal dan 12 kilometer dari Batang Kijal ke Long Lama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan telah diminta pihak konsultan menyediakan pelan lakar pembinaan projek tersebut.

**Dato' Jacob Dungau Sagan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Saya nampak cukup jelas bahawa sebahagian daripada Jalan Utama Persekutuan ini iaitu mulai dari Sungai Temam, Batu 6, Pekan Beluru ke Jambatan Lapok dan terus ke Sungai Teru masih belum lagi mempunyai peruntukan untuk dinaiktarafkan pada Rancangan Malaysia Kelapan ini.

Saya rasa kecewa sekali kerana setelah membangkitkan berkenaan jalan ini di dewan yang mulia ini mulai dari tahun 1996 sampai sekarang ini saya nampak tindakan belum diambil oleh kementerian lagi. Saya ingin tahu bolehkah peruntukan diberi bagi penurapan dan naik taraf jalan ini iaitu jalan dari Batu 6, Sungai Temam ke Jambatan Lapok ini diberi bagi penurapan dan naik taraf jalan ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan dalam *Mid-Term Review* ini nanti. Dan saya juga ingin tahu apakah kriteria yang diguna oleh kementerian supaya satu jalan di Malaysia seperti jalan di Baram ini boleh dipertimbangkan untuk dinaik taraf dari jalan batu ke jalan bertar *sealed*. Sekian terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perancangan dan pelaksanaan projek-projek diikuti dengan peruntukan disediakan oleh rancangan-rancangan yang sedia ada. Jikalau kita mahu juga mengadakan projek lebih daripada itu saya percaya itu tidak boleh jadi oleh kerana kita tidak mempunyai peruntukan. Seperti apa yang saya jelas kepada Yang Berhormat tadi, peruntukan akan datang sudah ditetapkan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan, saya percaya jikalau bagi penghujung Rancangan Malaysia Kelapan jikalau Yang Berhormat memohon kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri jikalau mereka suka juga memberi kelulusan untuk satu siling baru selepas itu pelaksanaan boleh dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya.

2. **Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib [Baling]** minta Menteri Kewangan menyatakan, kenapakah kementerian memberi kontrak pembinaan makmal komputer kepada syarikat pembekal komputer dan nyatakan jumlah setiap bangunan dan kos setiap bangunan yang dibina oleh syarikat terbabit.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Baling. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Baling dan Yang Berhormat bagi Tampin yang dijadualkan dijawab pada hari ini, bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang dan Yang Berhormat bagi Kuala Krai pada 23 September 2003, soalan daripada Yang Berhormat bagi Yan pada 15 Oktober 2003, soalan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah pada 22 Oktober 2003, soalan daripada Yang Berhormat bagi Marang pada 27 Oktober 2003, soalan daripada Yang Berhormat bagi Jeli 28 Oktober 2003 dan 29 Oktober 2003 dan soalan daripada Yang Berhormat bagi Baling sendiri yang dijadualkan dijawab pada 6 November kerana menyentuh mengenai perkara dan isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, projek komputer sekolah merupakan satu projek di dalam program penswastaan dan asalnya projek ini adalah untuk program celik komputer di kalangan pelajar-pelajar sekolah yang luar Bandar. Syarikat-syarikat pembekal komputer telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan dan menyediakan projek perintis untuk mempamerkan konsep yang dicadangkan. Kerajaan telah menilai projek perintis itu dan berpuas hati iaitu melantik enam syarikat tersebut sebagai kontraktor mengikut zon yang telah ditetapkan. Maklumat mengenai syarikat-syarikat tersebut akan saya berikan secara bertulis kerana ia panjang. Pada masa itu pembekalan komputer adalah penting, oleh itu syarikat-syarikat yang dipilih adalah dimiliki oleh usahawan dan bukan kontraktor yang perlu berdaftar dengan PKK atau CIDB seperti projek-projek fizikal yang lain. Konsep asal adalah untuk membekalkan komputer, menyelenggarakan dan melatih guru. Walau bagaimanapun, dalam melaksanakan program tersebut didapati kebanyakan sekolah tidak mempunyai ruang untuk menempatkan komputer dan sehubungan itu timbul isu untuk membina makmal komputer. Bagi memenuhi keperluan yang mendesak ini, pembekal yang telah dikenal pasti, telah diarah untuk menyediakan infrastruktur tersebut memandangkan bangunan tersebut merupakan bangunan yang mudah dan tidak memerlukan kepakaran yang khusus, yang boleh diuruskan oleh kontraktor-kontraktor kelas F biasa.

Proses tawaran kepada kontraktor adalah bergantung kepada cara perolehan yang dibuat. Bagi perolehan saluran yang terus, tawaran dibuat oleh Kementerian Kewangan dan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kerajaan telah melantik pihak swasta sebagai Perunding Pengurusan Projek (PMC). Keputusan kerajaan mendapatkan perkhidmatan pihak swasta adalah kerana JKR tidak mempunyai tenaga kerja yang mencukupi untuk menguruskan projek-projek kerajaan, berikutan pembangunan ekonomi yang pesat dan banyak projek perlu dilaksanakan dengan segera pada masa itu.

Selain itu, berdasarkan kejayaan pelaksanaan projek rintis, kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan projek pembinaan makmal komputer dengan menggunakan perkhidmatan PMC yang sama. Projek pembinaan makmal komputer telah dilaksanakan pada awal tahun 2000 seiring dengan pelaksanaan Total Hospital Information System (THIS). Isu pelantikan syarikat yang gagal dalam projek THIS tidak timbul pada masa itu memandangkan kedua-dua projek sedang dalam peringkat perancangan.

Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan makmal komputer fasa satu melibatkan pembinaan 2,400 makmal mengikut tiga model dan tiap-tiap model mempunyai harga yang berlainan, iaitu model satu bernilai RM165,000, model dua bernilai RM215,000 dan model tiga bernilai RM400,000. Harga setiap model adalah meliputi harga bangunan, peralatan, komputer dan perabot. Pemilihan model adalah berdasarkan lokasi dan saiz sekolah. Anggaran JKR sebanyak RM140,000 adalah untuk pembinaan bangunan makmal sahaja dan tidak meliputi peralatan komputer dan perabot. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya difahamkan dan mengikut jawapan Yang Berhormat tadi, bahawa fasa pertama pembinaan unit makmal komputer ini berjumlah RM2,400 unit dan ditawarkan kepada lima kontraktor utama. Tarikh akhir yang diberi kepada lima kontraktor utama untuk menyiapkan 2,400 unit ini ialah pada 14 Mei 2001, dua kali dilanjutkan kerana kegagalan untuk menyiapkan sehingga 14 Ogos 2001 dan juga berakhir pada 31 Disember 2001, tetapi soalnya kenapakah sehingga Januari 2002, hanya 48 unit sahaja yang dapat disiapkan? Begitu juga saya ingin tahu bahawa, berapakah jumlah tawaran asal yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor utama untuk menyiapkan unit ini pada fasa pertama dan begitu juga, berapa tawaran yang diberikan kepada kontraktor kelas F dan kontraktor-kontraktor kecil? Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Baling. Seperti yang didakwa tadi, memang benarlah bahawa telah tertangguh beberapa kali mengikut masa Yang Berhormat sebutkan itu dan kerajaan telah memberikan peluang untuk mereka melanjutkan kerja mereka, walaupun setelah tamat setiap kali tempoh itu diberikan, iaitu sebanyak tiga kali. Namun demikian, mereka yang masih lagi gagal menyempurnakan pelaksanaan makmal-makmal komputer itu selepas tempoh *extension* dengan izin, diberikan, mereka dikenakan denda oleh kerajaan. Ertinya, kita tidak terus menerus memberikan mereka peluang dari masa ke semasa walaupun selepas diberikan *extension* itu dengan izin dan apabila mereka gagal melaksanakan, selepas tempoh *extension* itu dikenakan, maka mereka dikenakan denda di bawah LAD iaitu denda lewat kerana membina makmal-makmal ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, denda yang dikenakan kepada mereka, misalnya Pintar iaitu bahagian Zon Utara, mereka dikenakan denda sebanyak RM396,420. PRIMA yang melaksanakan projek makmal komputer di kawasan Tengah, dikenakan denda sebanyak RM3.4 juta. Bellgrand iaitu di kawasan Timur, mereka dikenakan denda sebanyak RM6.2 juta dan TimeDot Com dikenakan denda kerana lewat ini sebanyak RM2.3 juta. Ertinya, kerajaan tidaklah dengan sewenang-wenangnya memberikan peluang ini berterusan dan apabila sampai tempohnya, mereka tidak juga dapat melaksanakan, maka kita akan denda mereka dan kita sudah putuskan untuk mendenda mereka kerana sebab-sebab kelewatan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bahawa tawaran asal yang ditawarkan kepada lima syarikat besar ini untuk melaksanakan makmal komputer seperti yang saya sebutkan tadi ada tiga jenis model sekolah iaitu, model pertama RM165,000. Ini adalah siap, lengkap dengan peralatannya sekali. Bukan sahaja bangunan tetapi bangunan campur komputer dan campur peralatan yang lain seperti *air-cond* dan sebagainya. Jadi, model yang pertama RM165,000.

Model kedua RM215,000 dan ini mengikut saiz sekolah. Murid yang lebih ramai, maka dia termasuk di bawah model kedua dan makmal komputernya lebih besar dan berserta dengan *air-cond* dan sebagainya, maka harganya RM215,000.

Model ketiga, ini ialah untuk sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar yang lebih besar dan memerlukan bilik makmal yang lebih besar dan peralatan yang lebih banyak, maka ditawarkan harga RM400,000 dan selepas Fasa I tamat iaitu apabila kontrak syarikat-syarikat ini ditamatkan pada Fasa I, maka Fasa II, Fasa III akan ditawarkan kepada kontraktor Kelas 'EX' dan 'F' supaya kontraktor kecil inilah yang akan melaksanakan program ini dalam Fasa II dan III. Jadi, tawaran untuk Kelas 'F' ini akan ditentukan tetapi tidak lari daripada tawaran asal kerana kita dapati tawaran asal ini ialah kompetitif dan agak munasabah.

Cuma yang saya maksudkan, bagi Kelas 'F' mereka tidak membekalkan komputer. Mereka hanya membina makmal sahaja. Oleh kerana itu, maka tawaran lebih kurang dengan harga yang disarankan oleh JKR iaitu RM140,000 lebih kurang dan makmal untuk pembekalan komputer, kita tidak lagi serahkan kepada lima syarikat yang utama tadi tetapi kita serahkan kepada syarikat lain untuk membekalkan komputer. Jadi, dalam Fasa II, Fasa III, kita asingkan. Pembinaan orang lain buat, Kelas 'F' dan 'EX' dan pembekalan dibekalkan oleh orang lain tidak seperti fasa pertama di mana pembekalan mereka buat dan juga pembinaan juga mereka buat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan, daripada pengalaman pembinaan makmal komputer ini yang mendatangkan masalah, adakah pihak Kementerian Kewangan akan meninjau semula kaedah pelaksanaan projek-projek kerajaan seperti meninjau mana satu kaedah yang lebih baik iaitu ada yang melalui pihak JKR, ada yang melalui Project Management Consultancy (PMC), ada yang melalui tender terbuka dan ada yang melalui tender rundingan? Yang mana satu yang lebih baik untuk mengelakkan pembaziran wang rakyat?

Ini yang penting. Jangan jadi masalah, baru hendak mengambil tindakan. Kita sudah ada banyak pengalaman, mengapa tidak mempunyai keyakinan kepada pihak Kementerian Kerja Raya atas hal ini kerana ini bukan bangunan yang besar, ini cuma bangunan yang biasa dan saya tidak nampak ada masalah pihak Kementerian Kerja Raya tidak ada kemampuan untuk melaksanakan projek makmal komputer ini. Saya harap mendapat penjelasan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Sebenarnya kita bukan tidak mempunyai keyakinan terhadap JKR. Kita tahu JKR adalah satu agensi yang *qualified* untuk melaksanakan kerja-kerja teknikal seperti ini dan kita sentiasa menghormati JKR tetapi dalam konteks ini Yang Berhormat, kita menggunakan PMC pada waktu itu adalah kerana seperti yang saya sebutkan dalam jawapan asal saya, bahawa pada waktu itu JKR mempunyai kerja yang begitu banyak, projek yang begitu banyak, disebabkan kerajaan dalam proses untuk menjana ekonomi negara.

Maka kerana itu projek-projek pembinaan banyak seperti sekolah, jalan raya dan sebagainya dan projek ini mendatangkan dengan izin, *multiplier effect* ataupun kesan gandaan yang boleh merancakkan ekonomi negara kita waktu itu iaitu semasa kita sedang berusaha untuk memulihkan kegawatan ekonomi negara. Jadi oleh kerana itu, waktu itu JKR mempunyai banyak kerja dan PMC telah dilantik dengan izin, sebagai *complementary role*, iaitu memainkan peranan *complementary* – peranan melengkapkan kerja-kerja JKR pada waktu itu. Jadi kerana itulah maka kita melantik PMC untuk memudahkan lagi JKR menguruskan kerja-kerja dan projek-projek yang begitu banyak pada waktu itu.

Jadi itulah rasional, justifikasi mengapa kita menggunakan khidmat PMC waktu itu. Dan ini telah berjaya kerana banyak projek telah dapat kita atasi dan laksanakan dengan baik. Dan *shortfall* dengan izin, dalam projek-projek kerajaan juga telah dapat kita kurangkannya kerana adanya JKR dan dengan bantuan PMC lagi jadi kedua-dua ini memainkan peranan *complementary* dan akhirnya kita berjaya menjana ekonomi negara dan kerancakan projek dapat kita laksanakan, maka itulah rasional ataupun justifikasi mengapa PMC dilantik waktu itu. Bukan kerana kita tidak mempunyai keyakinan kepada JKR.

Dan sekarang ini pun apabila berlaku masalah seperti itu, kita merujuk kepada JKR. Sekarang ini JKR sedang membuat penyiasatan secara menyeluruh, apakah silapnya, di mana berlaku kesilapan dan masalah dan akhirnya kita merujuk kepada JKR. Jadi itulah sebabnya kita melantik PMC. Bukan kerana kita suka-suka hendak melantik PMC tetapi disebabkan oleh usaha menjana ekonomi negara memerlukan satu program yang pantas, cepat, berkesan dan berjaya.

Dan dari pengalaman itu, kita belajar Yang Berhormat. Dari kesilapan itu kita belajar dan kita akan cuba memperbaikinya dari masa ke semasa. Terima kasih, Tuan Yang di-Petua.

3. **Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan:-

- (a) bilangan kes perceraian mengikut pecahan bangsa semenjak tahun 2000; dan
- (b) apakah langkah-langkah untuk memastikan wanita-wanita yang bercerai dan anak-anak mereka mendapat nafkah yang telah ditentukan oleh mahkamah.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga [Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin]:** Terima kasih Tuan yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Klang. Tuan Yang di-Pertua, mengikut banci penduduk dan perumahan tahun 2000, peratus penduduk berumur 15 hingga 49 tahun bertaraf bercerai atau berpisah tetap adalah 0.7% dan jika dilihat di kalangan penduduk perempuan dalam kumpulan umur yang sama adalah 1% sahaja. Dari segi bilangan, jumlahnya adalah masing-masing 82,977 dan 62,876 orang. Rekod penceraian negara ini dikumpulkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi orang Islam dan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi orang bukan Islam.

Secara keseluruhannya, penceraian di kalangan orang Islam di negara ini menurun sebanyak 16.29% daripada 13,536 kes pada tahun 2000 kepada 11,004 kes pada tahun 2002. Sementara itu, perangkaan penceraian orang bukan Islam meningkat sebanyak 135.2% daripada 1,613 kes pada tahun 2000 kepada 3,793 kes pada tahun 2002. Buat masa ini kementerian tidak mempunyai rekod penceraian mengikut pecahan bangsa.

Mengenai langkah untuk memastikan wanita yang bercerai dan anak-anak mendapat nafkah, berdasarkan kes-kes yang dibawa ke Biro Bantuan Guaman di mana pemohon boleh memohon untuk penguatkuasaan perintah nafkah di mahkamah, jika defendan gagal, abai atau cuai untuk menyempurnakan perintah tersebut, mereka juga boleh memohon kepada mahkamah agar potongan gaji dibuat ke atas defendan jika defendan berpendapatan tetap. Jika penguasaan perintah tidak berjaya, pemohon boleh memohon kepada mahkamah untuk memenjarakan defendan untuk melaksanakan perintah yang telah ditentukan oleh mahkamah.

Sementara itu kementerian ini amat memandang berat dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh wanita bercerai, berpisah tetap. Kebanyakan wanita bercerai terpaksa menanggung beban kewangan secara persendirian untuk diri sendiri dan anak-anak termasuk kos sara hidup, pendidikan kesihatan dan sebagainya. Untuk membantu ibu tunggal yang menghadapi masalah kewangan, kerajaan telah melaksanakan pelbagai bentuk bantuan termasuklah dari segi pendidikan, latihan, kemahiran dan bantuan modal untuk memulakan perniagaan, keutamaan dalam memiliki rumah kos rendah dan sebagainya.

Kementerian juga telah mengadakan Program Literasi Undang-undang untuk menerangkan tentang tanggungjawab suami isteri dan hak-hak wanita yang perlu dituntut oleh seorang wanita semasa dan selepas perkahwinan. Program ini telah dilaksanakan hingga ke peringkat akar umbi dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Peringkat Negeri dan Kawasan Parlimen serta Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Apa yang lebih penting lagi ialah untuk mengurangkan berlakunya penceraian melalui pengukuhan institusi keluarga. Dalam hubungan ini, kempen '*Utamakan Keluarga - Semakin Hari Semakin Sayang*', akan diteruskan untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya keutuhan sebuah keluarga dalam pembangunan negara.

Semangat persefahaman perlu dipupuk semenjak daripada awal perkahwinan lagi. Ini diterangkan oleh kementerian melalui pakej '*Smart Start*'. Pakej ini merupakan satu panduan komprehensif untuk pasangan yang akan dan baru berkahwin, yang antara lain mengandungi maklumat persediaan dan pemantapan perkahwinan, kesihatan, keibubapaan dan undang-undang yang berkaitan dengan keluarga. Melalui kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya program seperti ini akan dapat membantu menyedarkan masyarakat hingga ke peringkat akar umbi.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan ramai bekas suami menghilangkan diri selepas penceraian sebab mereka tidak mahu membayar nafkah dan semasa itu saya rasa masih belum ada satu cara yang efektif untuk memaksa bekas suami itu membayar nafkah. Sebab bila mereka menghilangkan diri, mereka berpindah ke tempat yang lain dan juga bekerja di tempat yang lain. Jadi bekas isterinya tidak dapat mencarinya walaupun memang ada cara iaitu melalui mahkamah yang boleh memaksa si suami itu membayar tetapi prosesnya memang agak panjang dan susah untuk dilaksanakan sebab ia tidak dapat mencari suami tersebut.

Jadi saya ingin tahu sama ada kementerian Yang Berhormat mencadangkan supaya menubuhkan satu jabatan di bawah kementerian Yang Berhormat agar dapat membantu kes-kes seperti ini. Misalnya mengadakan satu peraturan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan memaksa bekas suami itu membayar nafkah isteri semasa dia membayar cukai pendapatan. Ataupun mengadakan satu peraturan dengan Kementerian Pengangkutan iaitu sesiapa yang tidak membayar nafkah isterinya tidak dibenarkan membayar *road tax*. Saya rasa dengan cara seperti ini, tidak ada sesiapa boleh lari daripada tanggungjawab mereka. Ini sahaja. Terima kasih.

**Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Klang atas pandangan yang begitu baik. Saya menghargai pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat dan kementerian akan sedia mengkaji pandangan-pandangan tersebut.

Saya juga ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat, memang benar terdapat isteri yang ditinggalkan begitu sahaja oleh suami kerana ketidakfahaman dan sikap yang tidak bertanggungjawab suami. Sebab itulah di pihak kementerian kami kita telah menganjurkan satu program yang terbaru iaitu Program Smart Start kerana mengikut kajian pihak kementerian, jika kita lihat tadi di bawah masyarakat Islam kita dapati penceraihan berkurangan sejak JAKIM mengadakan kursus-kursus kepada bakal-bakal pengantin yang ingin mendirikan rumah tangga. Begitu juga banyak pihak di bawah NGO yang telah pun mengambil peranan supaya kegiatan-kegiatan ataupun aktiviti-aktiviti memberi kesedaran kepada pasangan-pasangan yang belum berumah tangga. Ini sebagai satu tindakan awalan.

Walaupun saya bersetuju apa Yang Berhormat sebutkan tadi telah ada mereka yang mendirikan rumah tangga yang tidak bertanggungjawab, tetapi kita hendak mengatasi masalah ini di peringkat awalannya. Oleh yang demikian kita juga dapati bahawa di kalangan bukan Islam, kita lihat tadi angka telah pun meningkat dan kami juga mendapati bahawa kempen-kempen yang dibuat oleh kementerian untuk mengukuhkan kekeluargaan didapati ada di kalangan masyarakat bukan Islam terutamanya di luar bandar mereka tidak faham bahasa Inggeris dan mereka tidak faham bahasa Malaysia. Dengan sebab itu kementerian hari ini telah pun menubuhkan fokus untuk kaum Cina dan fokus untuk kaum India di mana kita benarkan ceramah-ceramah dan kursus-kursus menggunakan bahasa ibunda. Ini adalah sebagai program sementara kerana kita tahu Bahasa Kebangsaan adalah bahasa rasmi negara. Oleh kerana hari ini masih lagi ada mereka di peringkat akar umbi yang tidak memahami bahasa Malaysia, program sementara dianjurkan ataupun langkah sementara diambil oleh kementerian supaya mereka ini memahami hak-hak mereka.

Hari ini sebahagian daripada isteri yang ditinggalkan oleh suami dan tidak diambil tanggungjawab oleh suami dalam memberi nafkah dan sebagainya. Ada juga di antara isteri ini yang juga tidak menggunakan peraturan undang-undang yang sedia ada untuk melindungi mereka kerana mereka tidak memahami peraturan undang-undang tersebut. Jadi, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga sekarang ini mengakarumbikan semua program kita dan pandangan Yang Berhormat itu insya-Allah, akan kita bawa ke kementerian untuk dibincangkan. Terima kasih.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen, Smart Start itu merupakan rancangan jangka panjang tetapi pada masa sekarang kita ada beribu-ribu bekas isteri yang menghadapi masalah tuntutan nafkah. Saya ingin tahu adakah kerajaan akan mencontohi Singapura di mana Kerajaan Singapura telah menubuhkan satu badan untuk membayar kepada bekas isteri dan anak-anaknya nafkah dan badan ini bertanggungjawab untuk menuntut nafkah daripada suami. Kalau suami tidak bayar kerajaan akan mengambil tindakan dan bukan isteri, kerana pada masa sekarang ramai isteri tidak mampu mengambil tindakan melalui mahkamah. Saya rasa ini adalah satu langkah yang baik. Kalau boleh ini adalah langkah yang tercepat yang kita boleh menolong bekas isteri. Adakah kerajaan akan mencontohi undang-undang Singapura. Terima kasih.

**Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa sekarang ini kita tidak ada bercadang untuk melaksanakan undang-undang yang

sedemikian. Walau bagaimanapun, kita memberi perhatian yang berat kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh isteri di negara kita. Walaupun Yang Berhormat tadi menyebutkan angka agak besar, tetapi dengan peraturan yang ada di negara kita dan juga dengan *smart partnership* yang telah pun dilaksanakan di bawah dasar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, saya merasakan bahawa ini akan mampu untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh para isteri yang ada di negara kita.

Oleh kerana kami juga menyedari bahawa ramai di antara isteri, sebagaimana yang saya sebut tadi tidak tahu undang-undang yang ada yang melindungi mereka, kita mengalu-alukan supaya semua pihak, Majlis Pembangunan Wanita di peringkat negeri, peringkat Parlimen dan juga pihak NGO yang ada di negara kita supaya sama-sama memainkan peranan untuk kita membantu mereka ini. Di samping itu, pihak Kementerian juga telah mengadakan unit kaunseling di peringkat kementerian dan jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (LPPKN) dan juga Jabatan Pembangunan Wanita sekarang ini sedang berusaha untuk menambahkan kaunselor supaya mereka yang bermasalah dapat kita pertahankan.

Saya harap Ahli-ahli Parlimen daripada DAP akan dapat menyokong tindakan kita ini dan kalau dilihat di sini saya tidak tahu apa pandangan daripada Ahli-ahli Parlimen DAP, wanita-wanita kita dalam Barisan Nasional memang kita perjuangkan dan kita juga kesal kalau ada mana-mana pihak terutamanya pembangkang yang dalam peraturan-peraturan yang mereka buat tidak mengambil kira masalah wanita dan ada peraturan-peraturan yang dibuat kita rasakan bahawa menganiaya dan juga akan memusnahkan institusi kekeluargaan. Terima kasih.

4. **Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah bentuk langkah-langkah penyelamatan, pembaikan dan pemulihan ke atas perkhidmatan Kereta Api Tanah Melayu.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kereta Api Tanah Melayu Berhad telah merumuskan strategi perancangan menyeluruh, komprehensif dengan memberi tumpuan kepada kecekapan operasi, pengukuhan asas perniagaan dan peningkatan penyelenggaraan stok kereta bagi meningkatkan perkhidmatannya ke tahap yang lebih cemerlang. Strategi ini merangkumi tiga fasa seperti berikut:

Fasa pertama, pemulihan iaitu dari 2003 ke 2005 – KTMB akan menumpukan perhatian bagi memperbaiki dan mempertingkatkan tahap kecekapan kegunaan aset dan sumber-sumber syarikat. Strategi ini dirumuskan bagi menangani batasan-batasan yang terpaksa ditempuhi terutamanya dengan rintangan ataupun halangan yang ada sekarang ini lahir daripada projek pembinaan landasan berkembar Rawang-Ipoh yang dijangka siap pada penghujung tahun 2004.

Begitu juga halangan-halangan yang akan ditempuhi dengan pembinaan landasan kereta api seterusnya daripada Ipoh-Padang Besar dan daripada Seremban/Kuala Lumpur-Johor Baru.

Fasa kedua, strategi konsolidasi iaitu daripada dua tahun, tahun 2006 ke tahun 2010. Pada peringkat ini KTMB akan mengoptimumkan peluang-peluang perniagaan akan siap daripada perkhidmatan-perkhidmatan baru yang akan diperkenalkan. Sebagai contoh, perkhidmatan KTM Komuter hingga ke Tanjong Malim dan perkhidmatan kereta api laju dari Kuala Lumpur ke Ipoh dengan siapnya landasan berkembar elektrik Rawang-Ipoh.

Fasa ketiga, strategi pertumbuhan iaitu daripada tahun 2011 ke 2015, pada peringkat ini dijangka keseluruhan projek landasan berkembar elektrik Utara-Selatan akan siap sepenuhnya. Oleh itu, KTMB berupaya meningkatkan kapasiti perkhidmatannya sebanyak lima kali ganda dari kapasiti semasa yang ada sekarang ini. Keupayaan dan penambahan kapasiti ini akan memberikan peluang kepada KTMB untuk memperluaskan skop perkhidmatannya bagi perkhidmatan penumpang dan barang. Sekian.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, dalam tahun 1997 KTMB telah diambil alih oleh Renong, DRB Hicom, Voltan dan Jasa Metal di bawah satu konsortium MARA Unggul, dan didapati perjalanan KTMB pada waktu itu telah menyebabkan mengalami kerugian begitu banyak iaitu kerugian sebelum cukai, dan yang paling berat yang menjadi mangsanya ialah pegawai-pegawai dan juga kakitangan apabila syarikat-syarikat yang mengambil alih di bawah Konsortium MARA Unggul ini mendapati bahawa KTMB telah mempunyai lebihan pekerja-pekerja, kononnya jalan yang terbaik bagi mereka ialah mengurangkan kakitangan.

Jadi, sekali lagi saya ingin mendapatkan satu penjelasan daripada Yang Berhormat apakah dalam penstrukturan semula KTMB ini, kerajaan akan menyerahkan kepada syarikat-syarikat lain untuk mengendalikan KTMB ataupun kerajaan sendiri iaitu di bawah KTMB sendiri di bawah kebolehan, kecekapan dan kesetiaan pegawai-pegawai dan kakitangan KTMB ini akan mengendalikan pengurusan masa depan KTMB ini kerana timbul keresahan kononnya akan ada dalam proses penstrukturan ini bahawa KTMB akan diserahkan kepada syarikat-syarikat yang lain yang saya bimbang bahawa sekali lagi akan mengalami kerugian seterusnya dan juga yang akan menjadi mangsa ialah pekerja-pekerja.

Difahamkan bahawa kerajaan dalam proses penstrukturan semula ini .....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:**.....kerajaan akan menyerahkan kepada Syarikat Gamuda Berhad dan juga MMC ataupun Malaysian Mining Corporation. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya ada cadangan yang agak bersungguh juga untuk menstrukturkan semula KTMB dengan adanya cadangan penswastaaan penstrukturan, akan tetapi cadangan ini buat masa ini ditangguhkan buat sementara waktu.

Sebarang penswastaaan yang akan dijalankan oleh kerajaan mengenai KTMB begitu juga dengan perkara-perkara yang lain, projek-projek yang lain akan menentukan tentang kecekapan organisasi itu untuk masa akan datang, keefisienannya dan juga faedah yang akan mengalir yang akan diperolehi oleh orang ramai, penumpang dan juga faedah yang akan mengalir kepada staf ataupun kakitangan-kakitangan KTMB di masa akan datang.

Jadi, ini dia landasan dan asas penswastaaan ataupun penstrukturan yang akan dijalankan oleh kerajaan terhadap KTMB mahupun terhadap organisasi-organisasi yang lain oleh kerajaan. Jadi, tidak ada timbul di sini pada masa akan datang oleh kerana ada asas-asas yang kukuh itu, yang murni itu, tidak ada perkara yang timbul di masa akan datang tentang adanya penyelewengan dan sebagainya yang saya rasa ada tersirat di dalam hujah-hujah Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya mengenai aset-aset KTMB semasa sebelum diswastakan seperti tanah di Tanjong Pagar dan sebagainya. Apa sudah jadi dengan kedudukan tanah Keretapi Tanah Melayu di Tanjong Pagar yang dicadangkan ditukarkan dengan tanah di Shenton Way, kedudukan yang mana tanah itu mempunyai *lease* 1,000 tahun. Minta pandangan.

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** Terima kasih Yang Berhormat. Tanah Keretapi Tanah Melayu di Singapura bukan sahaja hanya di Tanjong Pagar tetapi juga di seluruh perjalanan di mana rel kereta api KTMB melalui Singapura dan semuanya dalam 170 atau lebih kurang 174 ekar kesemuanya. Ada perundingan dan perjanjian yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Singapura untuk memajukan tanah-tanah itu di mana boleh dimajukan. Sebahagian daripada tanah itu telah pun dimajukan bersama di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Singapura.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Ismail Noh.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Minta tarik balik 'pembohongan' itu. 36(6) [*Membuka buku Peraturan Mesyuarat*] Perdana Menteri ..... 'pembohongan'.

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*] Sekali lagi Yang Berhormat.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Sangkaan jahat. Dalam soalan nombor lima ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan nombor lima, ya.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Pembohongan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap. Nanti sekejap.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Agak PAS itu tahu pembongong sahaja. Lain tidak tahu ya? Tidak boleh gunakan perkataan lainkah? Pembongongan itu [*Dewan riuh*] sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua, No. 5(b) - satu pembongongan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hm!

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Adakah ini bahasa PAS bahasa baru? Itu minta ditarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nantilah. Nanti dia jawab dahulu, Yang Berhormat. Ya, ya, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 5.

5. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) jumlah sebenar siswazah menganggur yang mengikuti program Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) dan jumlah peserta yang telah mendapat pekerjaan; dan
- (b) adakah benar dakwaan mengatakan 50% peserta dari jumlah tersebut telah pun mendapat pekerjaan tetap adalah satu pembongongan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Hendak jawab soalan yang dikatakan bohong, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Ya, Yang Berhormat silakan.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Sehingga 31 Ogos 2003, terdapat seramai 37,105 siswazah yang telah ditempatkan di bawah Program Sangkut Latihan di kalangan siswazah menganggur atau SSL. Pelaksanaan program SSL merupakan pelaburan penting yang dapat memberi manfaat kepada individu, majikan dan ekonomi secara keseluruhan.

Menerusinya, para graduan Ijazah dan Diploma lepasan institusi pengajian tinggi telah diberi peluang mendapatkan latihan terutama dalam bidang ICT dan Bahasa Inggeris dan pengalaman bekerja yang akan meningkatkan *marketability*, dengan izin dan *incredibility* mereka. Maklum balas yang diterima daripada peserta SSL serta jabatan agensi pelaksana yang telah terlibat dengan program tersebut adalah positif. Selain memberi peluang kepada peserta program untuk memperolehi kemahiran tambahan, program tersebut juga telah memberi peluang kepada para peserta memperolehi pengalaman kerja yang dapat memberi keyakinan tambahan kepada para graduan untuk mencari pekerjaan.

Untuk (b) mengenai jumlah peserta program SSL yang telah mendapat pekerjaan, kerajaan telah menjalankan satu kajian pengesanan atau *tracer study* terhadap peserta-peserta yang telah menamatkan program SSL bagi mengetahui status pekerjaan di kalangan mereka.

Kajian tersebut melibatkan sejumlah 24,964 responden yang telah menamatkan program SSL sehingga bulan Jun 2002. Pengumpulan data dilakukan melalui pengedaran borang soal kaji selidik. Daripada jumlah tersebut, hanya 2,265 atau 9.1% sahaja borang soal selidik telah dikembalikan. Analisis ke atas data tersebut menunjukkan bahawa 426 (21.8%) telah berjaya mendapat pekerjaan manakala 1,530 (78.2%) masih belum memperoleh pekerjaan.

Daripada 1,530 yang belum mendapat pekerjaan, 1,324 (86.5%) aktif mencari pekerjaan manakala 97 (6.3%) telah memilih untuk melanjutkan pengajian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan saya iaitu yang berbunyi, negara yang membangun seperti Malaysia yang disebut-sebut oleh pimpinan-pimpinan negara sama dengan negara-negara lain seperti Korea, Singapura dan Taiwan, saya kira sudah tentu peluang kerja terlalu banyak yang memerlukan tenaga-tenaga kerja dan kita mempunyai tenaga kerja yang cukup.

Soalannya, apakah sebab ataupun unsur-unsur yang menyebabkan begitu ramai siswazah kita menganggur sehingga dilaporkan sampai kepada hampir 100,000 orang siswazah kita yang menganggur yang tidak mendapat pekerjaan tetap.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Apakah sebab yang menyebabkan perkara itu boleh berlaku ataupun ada di sana penyelewengan-penyelewengan yang tidak patut berlaku yang ada kaitan dengan tidak dapat kerjanya siswazah-siswazah.

Yang kedua, mengapa kerajaan tidak bersungguh-sungguh juga tidak segera, soalan saya ini tidak bersungguh-sungguh dan yang keduanya, tidak segera sehingga berlambak, sampai ke hari ini siswazah-siswazah kita menganggur yang tidak sepatutnya berlaku di dalam negara yang sedang membangun, sebagaimana yang kita lihat di negara-negara lain yang sepatutnya benda ini boleh diatasi dari semasa ke semasa sehingga ia sampai kepada angka yang begitu besar yang menjadi masalah kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:**..... saya sebut bahawa kalaulah orang kampung menganggur.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:**.....orang kampung menganggur, barangkali dia mencuri lembu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Tetapi kalau orang cerdik menganggur, kalau dia mencuri, bukan lembu, kepala kereta api dia mencuri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, PAS ini dia buat kenyataan mungkin tidak dengar fakta yang saya baca. Soalan dia pun soalan negatif, soalan tambahan pun negatif juga Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak jelaskan yang pertama, Yang Berhormat kena faham, beza pekerjaan dengan jawatan. Kalau Yang Berhormat hendak cakap soal jawatan memanglah terhad, hendak jadi wakil rakyat, hendak jadi pegawai daerah, hendak jadi kakitangan kerajaan memang terhad tetapi kalau soal pekerjaan, banyak. Kalau negara kita tidak ada

pekerjaan, masakan lebih satu juta pendatang-pendatang tanpa izin, belia-belia luar negara datang mencari pekerjaan di negara kita.

Dan juga yang kedua, dia kena berusaha tetapi kalau asyik baca *Harakah* sahaja macam mana hendak mencari peluang pekerjaan? Dalam *Harakah* mana ada ruang-ruangan iklan pekerjaan, dok cerita hentam kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, bilangan. Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat, saya hendak beritahu, kalau Yang Berhormat kata kita tidak ada kerja, ramai yang tidak ada pekerjaan tetapi saya hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat daripada 37,109 orang ini, 85.9% ialah orang Melayu, berertinya 31,870 ialah graduan Melayu, sedangkan Cina hanya 6.8% - 2,537 orang sahaja dan India hanya 2.6% - 956.

Soalnya hari ini, kalau kita buat kajian yang betul, sebenarnya pelajar bukan Melayu itu lebih ramai, graduan daripada universiti-universiti dalam negeri dengan luar negeri, soalnya hari ini mengapa hanya graduan Melayu sahaja yang begitu ramai terlibat di dalam pengangguran, sedangkan graduan bukan Melayu bilangannya adalah sedikit kalau dibandingkan dengan graduan Melayu dan juga kita ingin nyatakan bahawa kalau Ahli Yang Berhormat kata kita tidak berusaha, saya hendak menyatakan bahawa saya rasa kalau cari mana-mana kerajaan pun, tidak ada baik seperti Kerajaan Malaysia ini, kita tatang pelajar-pelajar ini daripada sekolah rendah, sekolah menengah, universiti, habis universiti pun kita beri lagi bantuan, hendak beritahu Ahli Yang Berhormat kita peruntukkan RM225.8 juta kepada graduan-graduan ini supaya mereka boleh meyakinkan diri mereka dan mereka boleh menambah pengalaman untuk mereka menghadapi pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, saya hendak beritahu dasar Barisan Nasional, kita hanya mampu beri pancing dan umpan, terpulang kepada siswazah di mana ikan yang mereka hendak kail, kalau ikan pun kita hendak beri, saya tidak tahulah, kalau PAS memerintah pun lebih cepatlah lingkup negara. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** ang Berhormat, cukuplah, cukuplah. Seorang cukuplah. Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai.

**Seorang Ahli:** Takkanlah satu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, satu sahaja, ya saya benarkan satu sahaja ya.

6. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, bilangan Pusat Rakan Muda yang telah dibina dan adakah penubuhan pusat-pusat ini telah mencapai matlamat mengupayakan persatuan-persatuan belia.

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Kompleks Rakan Muda adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan. Kemudahan bagi menampung sebahagian besar aktiviti berterusan Program Rakan Muda dan juga Program Sukan Untuk Semua di peringkat daerah. Walaupun Kementerian Belia dan Sukan menyasarkan untuk membina Kompleks Rakan Muda di semua daerah, sebagai permulaan kerajaan telah meluluskan pembinaan sebanyak 19 buah Kompleks Rakan Muda dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Dan sehingga kini, sebanyak lima buah Kompleks Rakan Muda telah pun siap dibina di Putatan Sabah, Alor Gajah Melaka, Kemaman Terengganu, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang, Maran di Pahang, manakala sebanyak 12 buah lagi Kompleks Rakan Muda masih dalam pembinaan.

Di antara kemudahan yang terdapat di kompleks berkenaan termasuklah gelanggang sukan, blok asrama, bilik kuliah, dewan, pejabat pentadbiran, ruang pejabat bagi kegunaan persatuan-persatuan NGO dan lain-lain kemudahan asas. Dan kemudahan ini disediakan berpandukan keperluan aktiviti belia dan masyarakat setempat dalam menganjurkan aktiviti dan program masing-masing.

Walau bagaimanapun, matlamat untuk mengupayakan persatuan belia tidak hanya bergantung melalui penyediaan prasarana semata-mata. Menyedari hakikat ini, Kementerian Belia dan Sukan telah memperkenalkan Program Pengupayaan Pertubuhan-pertubuhan Belia dari peringkat negeri sehinggalah ke peringkat daerah. Program Pengupayaan Pertubuhan-pertubuhan Belia ini merupakan satu tindakan atau gerakan yang sistematik, bersepadu dan menyeluruh sebagai satu penggerak kepada pertubuhan belia supaya lebih berketerampilan, cergas dan aktif secara berterusan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kementerian telah menyasarkan sebanyak 2,000 persatuan belia yang akan diaktifkan semula, manakala persatuan belia yang sedia ada akan terus diperkukuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Program Pengupayaan Pertubuhan Belia ini, tiga strategi telah ditetapkan bagi mengaktifkan semula persatuan-persatuan belia di seluruh negara.

- (i) pemantapan organisasi;
- (ii) pemantapan kepimpinan; dan
- (iii) pemantapan aktiviti.

Mulai tahun 2002, kementerian telah menyediakan peruntukan dalam bentuk bantuan pentadbiran kepada 1,236 persatuan belia, di mana 12 persatuan belia yang tidak aktif diberikan bantuan kewangan bagi membolehkan persatuan belia berkenaan bergerak semula melalui program-program yang dirancang. Bagi tujuan ini, sebanyak RM3.7 juta telah disediakan.

Kementerian Belia dan Sukan juga telah menaikkan kadar bantuan kewangan tahunan untuk pentadbiran dan juga pengurusan pertubuhan belia peringkat kebangsaan termasuklah majlis-majlis belia di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Sementara itu latihan kepimpinan serta latihan pengurusan persatuan juga diteruskan dan diperluaskan kepada persatuan-persatuan belia di peringkat akar umbi dan sasaran kementerian adalah memberi latihan kepimpinan dan pengurusan kepada 200,000 orang pemimpin belia di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui gabungan pembangunan prasarana dan juga pembangunan insan ini, adalah diharapkan matlamat untuk mengupayakan persatuan-persatuan belia dapat dicapai. Terima kasih.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah dan syabas kerana Kementerian Belia dan Sukan memang bergiat aktif dalam mengupayakan persatuan-persatuan belia dan penubuhan pusat-pusat Rakan Muda ini memang merupakan satu cara yang baik untuk memberi ruang dan tempat untuk belia-belia aktif dalam aktiviti dan program-program belia.

Saya mendapati Program Pengupayaan Pertubuhan-pertubuhan Belia ini memang satu program yang amat baik tetapi dari segi pelaksanaannya selain daripada memberi peruntukan-peruntukan kepada persatuan-persatuan di akar umbi, kita dapati bahawa persatuan belia ini dari segi pemantapan pimpinan dan pemantapan aktiviti masih tidak dapat dilihat lagi.

Saya ingin mendapat tahu daripada kementerian, sama ada adakah kementerian akan menambahkan kakitangan kementerian di peringkat daerah kerana pada masa ini memang kita tahu di peringkat daerah tidak dapatlah memantau dengan efektif ataupun membimbing persatuan-persatuan belia ini. Kita tahu bahawa persatuan-persatuan belia memerlukan banyak bimbingan, galakan dan dorongan daripada masyarakat setempat dan juga daripada kerajaan.

Adakah kerajaan bersedia untuk memberi bantuan dari segi kaunseling dan juga bimbingan terhadap persatuan-persatuan belia ini. Terima kasih.

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun membuat kajian dan beberapa masalah yang telah pun dikenal pasti yang menjadi punca

kepada sebabnya persatuan-persatuan serta sebilangan daripada persatuan belia ini tidak aktif.

Saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa sesungguhnya kelemahan dalam pengurusan dan pentadbiran persatuan dan juga masalah kepimpinan merupakan satu masalah yang perlu kita tangani bersama.

Sebenarnya usaha kementerian menambah pegawai-pegawai di peringkat akar umbi ini dalam proses, kita telah membuat cadangan-cadangan dan permintaan-permintaan kepada jabatan dan juga agensi-agensi di peringkat berkenaan dan saya akan umumkan tidak lama lagi jumlah mereka yang dapat kita tambah di peringkat daerah khususnya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, satu sahaja, hanya enam sahaja soalan yang telah dijawab ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya penat sedikit kerana baru balik dari Mexico ini...

**Seorang Ahli:** Wah!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Pergi Cancun! Soalan saya... *[Ketawa]* Soalan nombor 7.

7. **Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, keadaan keselamatan di rantau ini berikutan dengan peristiwa letupan bom di Hotel Marriot Jakarta dan Bali. Apakah bentuk kerjasama dan pemantauan negara-negara ASEAN supaya peristiwa seperti ini tidak berulang.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, secara amnya keadaan keselamatan di rantau ini boleh dikatakan aman dan stabil walaupun berlakunya peristiwa letupan bom di Bali dan Jakarta. Untuk memastikan supaya peristiwa seperti ini tidak berulang, negara-negara Asean mempunyai beberapa bentuk kerjasama di antara beberapa negara-negara anggota atau di peringkat serantau dan antarabangsa terutamanya dalam pertukaran maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini penubuhan pusat serantau Asia Tenggara untuk mencegah keganasan di Kuala Lumpur adalah sumbangan Malaysia terhadap usaha-usaha menangani keganasan. Untuk kita meningkatkan kerjasama pertukaran maklumat, Indonesia, Malaysia dan Filipina telah menandatangani satu Perjanjian Pertukaran Maklumat Dan Prosedur Komunikasi pada 7 Mei 2002. Perjanjian ini kemudiannya telah disertai oleh Cambodia dan juga Thailand. Brunei akan menyertainya pada bulan Oktober ini sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-9 di Bali.

Dalam rangka perjanjian ini negara-negara ini bersetuju untuk bekerjasama dalam bertukar-tukar maklumat terutamanya mengenai keganasan. Negara-negara ASEAN juga bekerjasama dalam rangka delegasi kerjasama untuk menangani keganasan yang dikeluarkan oleh ketua-ketua kerajaan ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-7 di Bandar Seri Begawan pada November 2001. Mengikut pelan tindakan untuk mengimplementasikan deklarasi tersebut, bentuk-bentuk kerjasama yang khusus yang dikenal pasti iaitu pertukaran maklumat, kerjasama di bidang undang-undang termasuk penguatkuasaan, latihan serta mengadakan kerjasama dengan negara-negara di luar rantau Asia.

Jadi, buat masa ini negara-negara ASEAN juga ada kerjasama dengan negara-negara lain termasuk Amerika Syarikat, China dan Kesatuan Eropah. ASEAN juga mempunyai kerjasama dalam Rangka ASEAN+3 iaitu China, Jepun dan Korea. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sipitang.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri, soalan tambahan. Hambali sudah ditangkap di Thailand, mengikut soal siasat beliau adalah perancang pengeboman di Bali dan juga di Marriott Jakarta dan juga merancang untuk mengebom di Bangkok pada persidangan APEC akan datang. Puncanya ialah kebencian terhadap keangkuhan Amerika dan yang akhir sekali semalam Amerika begitu angkuh bersama Israel, Micronesia dan Marshall Islands menolak Usul PBB yang Amerika sendiri tidak nampak yang mereka ini dibenci oleh banyak negara. Jadi, apakah peranan Malaysia supaya Amerika ini sedar melihat dirinya sendiri, apakah ia akan dibincangkan di dalam persidangan OIC yang akan datang di Kuala Lumpur pada bulan Oktober ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang kita telah dari dahulu menyatakan bahawa tindakan-tindakan mulai dari pencerobohan negara Iraq adalah akan memberi kesan-kesan yang tidak begitu baik dan negatif terhadap banyak masyarakat dunia dan akan memberikan *backlash* yang tidak akan memberikan kesan ketidakstabilan dan juga tidak ada keamanan di kawasan-kawasan Iraq dan kawasan rantau itu. Begitu juga dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi memang benar, tetapi peranan negara kita Malaysia sebagai Pengerusi NAM dan juga akan menjadi Pengerusi OIC kita akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi supaya keadaan-keadaan yang tidak menentukan ini dan juga supaya Amerika menerusi cara *bilateral* kita, dan juga multilateral kita berusaha supaya mereka dapat memahami sebenarnya apa kesan berikutan, dari tindakan-tindakan pada masa pencerobohan Iraq, dan juga kadang-kadang tindak-tanduk mereka di dalam arena politik dunia sekarang. Dengan harapan itu kita berusaha dan negara-negara ahli-ahli NAM dan juga menerusi OIC akan membangkitkan perkara ini supaya kita dapat mencapai keamanan, dan juga menyelesaikan masalah yang selama ini menjadi satu perkara yang memberi kesan yang tidak begitu baik di atas keamanan dan kestabilan yang juga menyentuh ekonomi dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

**[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2004**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 2004**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang undang-undang Perbekalan 2004 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih tiga puluh satu bilion sembilan ratus enam puluh juta ringgit (RM31,960,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2004, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2003 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan." **[18 September 2003]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat bagi Selangau menyambung ucapan, Yang Berhormat ada empat minit lagi ya.

**11.05 pagi.**

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]:** Selamat pagi dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana telah dapat diberi peluang untuk menyambung ucapan saya pada petang Khamis yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita telah mengadakan perayaan perhimpunan bagi merayakan sambutan ulang tahun ke 50 kecemerlangan dan perkongsian kuasa di mana 14 parti politik yang mewakili pelbagai kaum di Malaysia dalam Barisan Nasional. Barisan Nasional merupakan wadah untuk rakyat pelbagai kaum, agama, kebudayaan dan juga mempunyai falsafah perjuangan menekankan perpaduan bagi menjamin kesinambungan pembangunan negara kita untuk mempertahankan martabat bangsa dan maruah negara untuk diwarisi generasi masa akan datang.

Kami dari negeri Sarawak mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah diberikan kehormatan sebagai wakil negeri Sarawak dan Sabah untuk memberi amanat beliau di perhimpunan yang bersejarah itu dan kami harap apa yang disentuh oleh Ketua menteri Sarawak dapat diambil perhatian untuk memastikan Sarawak dan Sabah yang menyertai penubuhan Malaysia tidak ketinggalan dalam semua arus kemajuan dan pembangunan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung perbahasan saya, saya tidak lupa juga merakamkan penghargaan terima kasih tentang jasa dan pengorbanan serta kecemerlangan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membawa negara Malaysia kepada negara yang maju dan dihormati oleh negara yang lain di arena antarabangsa. Oleh itu rakyat Malaysia harus berbangga termasuk juga parti pembangkang. Oleh kerana pada hari ini Kerajaan Barisan Nasional telah membawa negara kita mengekalkan dalam keadaan aman dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Amat Berhormat akan bersara pada penghujung bulan Oktober ini jasa baik beliau tetap dikenang, tidak mudah dilupakan oleh rakyat Malaysia selama-lamanya. Pemimpin akan datang dan pergi, hilang tumbuh tetap berganti, kita pemimpin Barisan Nasional tetap 100% menyokong Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai penggantinya. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab kita terus berjuang demi untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara kita pepatah Melayu menyatakan ' biar putih tulang jangan putih mata'.

Malaysia adalah tanah tumpah darah kita, kita hidup dan mati di bumi yang bertuah, berdaulat dan merdeka ini. Orang Melayu, orang bumiputera lain dan rakyat Malaysia memang patuh kepada adat dan undang-undang seperti pepatah Melayu menyatakan 'kecil di kandung ibu, besar di kandung adat, mati di kandung tanah'. Akhir sekali saya ingin memberi serangkap pantun kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

*Pisang emas dibawa belayar,  
Masak sebiji di dalam peti,  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi dibawa mati. [Tepuk]*

Kami berjuang kerana mu Malaysia. Saya berharap apa yang saya telah bentangkan di Dewan yang mulia ini dapat diambil perhatian dengan serius tentang pembangunan dan kemajuan negeri Sarawak, terutamanya..

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, masa dia sudah cukup itu, tinggal seminit lagi ya. [Ketawa]

**Joseph Mauh anak Ikeh:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya habiskan Yang Berhormat.

**Joseph Mauh anak Ikeh:** ...terutamanya kemajuan di luar bandar seperti sekolah di luar bandar, api, air di luar bandar, jalan raya, telefon, klinik, balai bomba dan juga di pekan-pekan di luar bandar. Maka saya berharap ini dapat diperhatikan dengan serius oleh kerajaan kita. Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih dan saya menyokong Bajet 2004.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Wangsa Maju.

**11.10 pagi.**

**Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Bajet 2004 di peringkat dasar. Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan syabas dan tahniah kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang baru sahaja menyambut ulang tahunnya yang ketujuh puluh pada 16 September 2003.

Selama 70 tahun ini, anggota ATM telah mencurahkan bakti, keringat dan darah sateria serta mengorbankan jasad dan nyawa kepada pembangunan negara di dalam menumpaskan komunis dan menjaga serta mempertahankan maruah agama, bangsa dan tanah air. Sebagai seorang bekas tentera saya turut berbangga dengan segala pencapaian ATM dalam memartabatkan bidang ketenteraan sebagai satu kerjaya berpotensi dan mulia di samping mendaulatkan nama Malaysia di persada antarabangsa. Pengorbanan ini sewajarnya mendapat sanjungan dan kita berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia di atas kemurahan hati dan keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap kepentingan sektor keselamatan dan pertahanan di dalam Bajet 2004 dengan peruntukan sebanyak RM6.5 bilion. Saya berdoa semoga proses pemodenan dan peningkatan kapasiti dan keupayaan ATM yang sedang giat dilaksanakan oleh kerajaan akan dapat membantu anggota ATM di dalam meningkatkan semangat juang patriotisme, memantapkan curahan tenaga dan jasa mereka di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyingkap tabir sejarah pembangunan negara untuk melihat pencapaian kita selama 46 tahun merdeka ini. Sebelum dan sejurus selepas mencapai kemerdekaan, pendapatan per kapita negara mencecah USD251, yang pada waktu itu mengatasi Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong. Akan tetapi, negara-negara ini terutama Jepun yang walaupun kalah di dalam peperangan dunia kedua dan hampir semua aspek ekonominya musnah telah merencanakan satu pelan pembangunan jitu membolehkan mereka membangun begitu pesat sekali, sehingga mengejar dunia sebagai kuasa ekonomi baru.

Di awal tahun 70-an, pendapatan per kapita Jepun, misalnya telah meningkat kepada USD634, begitu juga Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong. Semua ini berlaku semasa negara kita sedang giat memperjuangkan ancaman komunis. Menyedari hakikat ini pada penghujung tahun 60-an, Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak, pada waktu itu telah memvisi satu strategi pembangunan yang berteraskan Rancangan Malaysia dan Rancangan Buku Hijau.

Usaha beliau ini adalah perantis kepada konsep pembangunan menyeluruh iaitu kesaksamaan ataupun *equal importance* di dalam pembangunan empat teras utama iaitu ekonomi, sosial, politik dan keselamatan serta pertahanan. Keempat-empat teras ini menjadi tunjang kepada kekuatan keselamatan serta pertahanan menyeluruh.

Pertahanan menyeluruh dapat menjamin negara ini mampu untuk mencapai matlamat, dengan izin, *self-efficiency* di dalam pembangunan dan keperluan negara. Bila *self-efficiency* ini tercapai, Malaysia mampu untuk menerusi aktiviti politik, sosial dan ekonomi, biar pun jika hubungan dan bekalan luar telah terputus ekoran suatu krisis antarabangsa, sementara menanti penyelesaian diplomatik. Seraya dengan itu, kita akan tetap kekal merdeka dan berdaulat.

Tuan Yang di-Pertua, setiap bajet yang diolah, kerajaan telah menumpu perhatian kepada pencapaian matlamat utama pembangunan menyeluruh iaitu di dalam membasmi kemiskinan, menstrukturkan semula masyarakat. Persoalannya, apakah kejayaan pembangunan Malaysia pada hari ini akan dapat menjamin kesinambungan kemerdekaan dan kedaulatan negara yang berterusan. Kejayaan pembangunan sesebuah negara bergantung

kepada pelbagai faktor dan dua di antara faktor yang terpenting ialah kejituan serta kesepaduan dasar pembangunan yang diamalkan dan pengaruh luaran atau asing. Saya berpandangan, walaupun telah banyak yang kita perolehi sejak kemerdekaan menerusi kejituan serta kesepaduan dasar pembangunan negara, kita masih lagi diancam belunggu penjajah semula atau *recolonization*, yang kini sudah bertukar bentuk kepada penjajahan ekonomi, kewangan dan pemikiran.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebenarnya telah berulang kali diserang semula oleh golongan kolonialis sejak kita mula merdeka lagi. Sebagai contohnya, tahun 70-an, pasaran getah dan bijih timah dunia masih dikuasai oleh Badan Penyelaras Industri tersebut yang berpusat di London. Bermakna, biar pun kita telah mencapai kemerdekaan secara tidak langsung ekonomi negara kita masih dijajah.

Sebagai pengeluar utama, kedua bahan mentah utama ini, kita tidak ada kuasa langsung untuk menentukan harga pasarnya. Oleh kerana itu, Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak telah menyusun strategi pembangunan yang baru, yang memberi penumpuan kepada anjakan paradigma Malaysia dari sebuah negara, dengan izin, *subsistent economy* kepada sebuah negara *market economy*, untuk membebaskan kita daripada belunggu penjajahan.

Percubaan penjajahan semula ini berlaku lagi pada tahun 80-an. Pada waktu itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengorak langkah menganjukkan pembangunan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi, dengan usaha menjadikan Malaysia sebuah negara industri menerusi Dasar Pandang Ke Timur, usaha menarik pelaburan asing atau FDI dan juga pinjaman daripada negara Jepun.

Melihat kerancangan pembangunan yang mula dikecapi di rantau ini, termasuk Malaysia, dan peningkatan pengaruh Jepun di kalangan negara-negara membangun terutama di Asia, negara-negara G7 telah memaksa Jepun untuk meningkatkan nilai mata wang Yen di dalam tahun 1984. Aplikasi kepada peningkatan nilai Yen ini telah menyebabkan nilai pinjaman negara-negara membangun terutamanya di Asia Tenggara, negara Jepun meningkat dengan mendadak.

Serangan ke atas ekonomi telah membawa kepada pelbagai masalah sosial dan perpecahan rakyat termasuk di antara kaum Melayu. Walau bagaimanapun, berkat kepimpinan kerajaan kita, telah berjaya menanganinya. Kegagalan *colonize* bangsa Eropah kembali lagi pada tahun 1997, walaupun dengan taktik yang lain iaitu menerusi aktiviti penyangak mata wang Barat untuk menjatuhkan nilai mata wang, menggugat ekonomi negara Asia.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sekali lagi melihat helah Barat untuk menjajah semula ekonomi rantau ini menerusi agensinya IMF dan Bank Dunia, telah mengolah strategi ekonomi drastik dan radikal, telah berjaya melindungi ekonomi negara, sekali lagi mematahkan serangan *colonize* ini.

Kita sememangnya berterima kasih kepada sumbangan pelaburan daripada luar atau FDI, telah membuka peluang pekerjaan kepada rakyat, di samping membantu membangunkan negara ini. Akan tetapi FDI boleh disalahgunakan oleh negara asing sebagai satu bentuk penjajahan, kerana orang luarlah yang akan mengaut keuntungan yang terbesar, menentukan hala tuju pembangunan negara dalam FDI itu dilaburkan.

Ia dapat dilakukan menerusi ancaman penarikan balik FDI, dengan izin, *dumping of the FDI* ke suatu tempat, yang menyebabkan ekonomi tempat itu *over heat*, dengan izin, atau menerusi taktik menjatuhkan nilai mata wang negara yang ingin diserang. Maka, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh inti pati Bajet 2004, yang begitu menyeluruh untuk menggembleng memastikan pembangunan hakiki dalaman sebagai strategi teras. Saya yakin, ini akan dapat menjamin kedaulatan dan kemerdekaan Malaysia yang berterusan di dalam era globalisasi dan liberalisasi ini. Untuk itu kita wajar mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas semangat kental dan jiwa patriotiknya di dalam mengolah hala tuju dan strategi Bajet 2004 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa cadangan yang mungkin dapat diolah oleh kerajaan untuk memperkasa dan seterusnya memantapkan Bajet 2004, tetapi oleh sebab masa terhad saya akan tumpukan ucapan saya terutama di dalam:

- (i) Projek Perumahan Rakyat;
- (ii) mempercepatkan Proses Penstrukturan Semula Masyarakat; dan
- (iii) pembangunan usahawan, termasuk usahawan bumiputera dalam R&D dan teknologi tinggi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM558 juta di dalam Bajet 2004 untuk projek-projek pembinaan rumah kos rendah dan sederhana. Ini termasuk pembinaan 62,672 unit rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan dan bandar-bandar utama yang saya pasti akan mempercepatkan lagi pencapaian setinggan sifar. Langkah untuk menyeragamkan pembangunan perumahan rakyat menerusi pemerkasaan peranan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) dan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri yang akan memberi tanah projek secara percuma di samping meringankan beban kepada syarikat pembinaan swasta untuk memenuhi tanggungjawab sosial ini adalah bijak dan kena pada tempat dan masanya.

Saya juga mengalu-alukan usaha kerajaan mengadakan Skim Pinjaman Perumahan yang akan dikendalikan oleh MBSB, yang sudah pastinya akan dapat membantu lebih ramai lagi di kalangan, golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah, termasuk kaum bumiputera, untuk membantu mereka memiliki kediaman sendiri. Usaha ini dapat dimantapkan lagi.

Saya mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu badan khas yang akan mengawal selia pembangunan projek-projek perumahan yang dilaksanakan oleh SPNB di seluruh negara. Badan ini haruslah dianggotai oleh Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan wakil dari SPNB, dan antara lain akan menentukan jumlah unit dan juga tapak-tapak yang sesuai untuk dilaksanakan projek perumahan, di samping mempercepatkan proses pindah milik tanah di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, KWSP mempunyai dana sebanyak RM200 bilion menerusi caruman ahli-ahlinya dan merupakan antara syarikat pelaburan terbesar kerajaan negara ini. KWSP memperoleh keuntungan untuk agihan kepada pencarum menerusi strategi pelaburan yang dilaksanakan, biar pun berkesan tetapi masih berisiko tinggi, terutama sekali pelaburan di pasaran saham. Kerajaan kini telah mengusahakan skim perumahan rakyat bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah mereka. Golongan ini juga merupakan kumpulan teramai di kalangan ahli-ahli KWSP.

Saya berpendapat satu perkongsian bijak (*smart partnership*) boleh dilakukan di antara KWSP, menerusi MBSB, kerajaan dan SPNB, untuk memberi kesan yang lebih positif kepada hasrat kerajaan ini. Ini kerana saya berpendapat biar pun skim pengeluaran KWSP amatlah baik, ia terhad kepada pengeluaran maksimum 30 peratus dari jumlah caruman Akaun 'A', dan pencarum hanya boleh membuat pembayaran deposit pembelian rumah manakala mereka terpaksa pula membuat pinjaman melalui institusi perbankan atau kerajaan untuk membiayai penuh pembelian rumah mereka.

Saya berpandangan bahawa adalah lebih menguntungkan kepada KWSP, kerajaan dan pencarum, sekiranya KWSP sendiri menawarkan skim pinjaman perumahan di bawah projek ini. Ini kerana dengan pangkalan data yang lengkap tentang semua pencarumnya, dana yang begitu besar dan sebagai pemegang saham terbesar di dalam MBSB, KWSP dapat memberi khidmat pinjaman dengan lebih efektif, kurang risiko kepada projek, kerajaan dan pencarum sendiri untuk membolehkan projek ini dipercepatkan bagi kesejahteraan rakyat.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, dicadangkan supaya KWSP mewujudkan satu institusi bank pinjaman perumahan negara atau, dengan izin, National Home Financing Bank atau National Home Mortgage Bank, khusus untuk golongan berpendapatan rendah menerusi penstrukturan semula MBSB dan kerjasama dengan beberapa institusi perbankan tempatan lain yang dimiliki kerajaan. Tujuan institusi kewangan ini adalah untuk menawarkan skim pinjaman atau *end-financing*, khusus kepada pencarum KWSP dan yang berpendapatan rendah dan sederhana, untuk membiayai pembelian rumah di bawah projek ini, serta menawarkan pula, dengan izin, *bridging finance* kepada SPNB untuk melaksanakan projek perumahan di bawah skim ini.

Strategi ini bukan sahaja dapat membantu meringankan beban kewangan SPNB tetapi juga akan membantu KWSP meningkatkan pulangan daripada pelaburan di sektor ini kepada para pencarumnya, sekali gus ia adalah suatu usaha KWSP untuk memenuhi tanggungjawab sosialnya kepada pencarumnya.

Tuan Yang di-Pertua, projek perumahan kos rendah ini telah lama wujud dengan tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Mungkin kini telah tiba masanya untuk kita menukar persepsi rakyat terhadap konsep pemilikan rumah kos rendah dan sederhana ini, kerana kini pembinaannya lebih canggih, lebih cantik dan lebih selesa. Saya mencadangkan supaya nama projek perumahan rakyat ini ditukarkan kepada yang lebih dinamik dan mencerminkan tahap pembangunan negara dan kepentingan projek ini kepada kesihatan rakyat, contohnya rumah rakyat atau rumah negara.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pembangunan menyeluruh adalah untuk membasmi kemiskinan dan menstrukturkan semula masyarakat. Kita telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan kepada 5.1 peratus. Untuk itu kita wajar mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan di atas kejayaan ini. Persoalannya kini, adakah kita sudah berpuas hati dengan kejayaan ini, atau perlu kah kita menggembelng usaha yang lebih gigih untuk membantu kita mencapai tahap kemiskinan yang lebih rendah menjelang tahun 2020?

Proses penstrukturkan masyarakat juga telah mencapai kejayaan di dalam mengurangkan jurang perbezaan pendapatan dan kekayaan intra kaum dan inter kaum. Setakat ini peratusan pengagihan kekayaan kepada kaum bumiputera telah meningkat kepada 19 peratus. Saya ingin tahu apakah kekangan yang masih membantutkan usaha untuk meningkatkan pencapaian peratusan 30 peratus kekayaan kepada kaum bumiputera?

Saya mengalu-alukan usaha kerajaan seperti mengkorporatkan FELDA, memberi peluang kepada golongan peneroka dan warga luar bandar untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Tetapi usaha ini tidak akan berjaya meningkatkan peratusan ekuiti milik bumiputera sekiranya pegangan ekuiti bumiputera dan syarikat-syarikat lain dijual pula kepada bukan bumiputera dan orang asing. Contohnya, syarikat Daihatsu Corporation, Japan telah mengambil alih saham utama dan dengan itu menjadi pemilik Perodua seratus peratus.

Apakah jaminan masa panjang yang telah diberikan untuk syarikat-syarikat asing kepada kerajaan untuk memastikan operasi syarikat ini akan berterusan dan juga membabitkan saham-saham yang dahulunya dipegang syarikat bumiputera? Kerajaan sewajarnya memperkasakan lagi dasar terhadap pemilikan strategi saham atau dana di dalam syarikat-syarikat yang dipegang oleh kaum bumiputera. Dengan ini dicadangkan supaya kerajaan menetapkan satu dasar untuk menentukan pegangan ekuiti bumiputera di dalam industri strategik tidak diserahkan atau dijual atau, dengan izin, *right of first refusal*, kepada kerajaan atau institusi kerajaan dan syarikat bumiputera lain untuk membelinya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan pegangan ekuiti bumiputera kepada 30 peratus bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata. Kita juga memerlukan sumbangan daripada sektor korporat, terutama syarikat-syarikat yang dipegang oleh kerajaan seperti Petronas, Tabung Haji, PNB, syarikat-syarikat payung swasta, di dalam membantu pembangunan usahawan bumiputera. Di sini saya mohon penjelasan terhadap strategi pelaburan oleh beberapa syarikat pegangan ekuiti kerajaan yang mengadakan dasar pelaburan berbilion-bilion ringgit di luar negeri dan sama ada ia membawa pulangan positif kepada pembangunan R&D dalaman.

Pembangunan *entrepreneur* bumiputera, pada pandangan saya juga, bergantung kepada latihan dan didikan, seperti yang terdapat di dalam sistem pembangunan vendor dan *mentor-mentee*, dengan izin, oleh syarikat-syarikat besar seperti Petronas, Tabung Haji dan PNB. Setakat ini, sejauh manakah keberkesanan syarikat-syarikat ini di dalam membangunkan usahawan bumiputera, terutama di dalam pengurusan dana dan pencapaian keupayaan teknologi tinggi? Adakah benar operasi syarikat-syarikat ini juga kadangkala bersaing dengan syarikat-syarikat bumiputera, termasuk SMI? Sebagai contoh, ada dakwaan bahawa TH Travel and Tours milik Tabung Haji, sedang bersaing dengan syarikat pelancongan bumiputera memonopoli pakej haji dan umrah. Saya pohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mempertingkatkan usaha R&D, kepakaran dalaman serta pengeluaran produk berjenama Malaysia yang bertaraf global, bagi saya adalah amat bertepatan dan kena pada tempat dan masanya. Ini kerana kita tidak sewajarnya hanya bergantung kepada pelaburan terus dari luar atau FDI, yang semakin tidak menentu, ekoran persaingan dari negara-negara membangun yang lain, terutamanya China, untuk mengelakkan kita dari dijajah semula menerusi penaklukan ekonomi dengan penggunaan FDI.

Pada waktu yang sama, peningkatan di dalam aktiviti R&D dalaman dapat diguna untuk meningkatkan lagi keupayaan IKS tempatan, terutama yang dimiliki bumiputera, untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran globalisasi dan resesi dengan jayanya. Usahawan tempatan, terutama kaum bumiputera, yang mempelopori industri pertanian misalnya, mempunyai potensi untuk membangunkan industri makanan, terutama dalam penggunaan inovasi di dalam agro dan bioteknologi.

Ia juga membantu kita mengurangkan penggantungan yang berterusan kepada import makanan luar dari tahun 2002 sahaja yang dianggarkan lebih RM15,000 bilion. Aliran keluar wang negara yang begitu besar dapat dikurangkan sekiranya industri makanan tempatan dapat dibangunkan untuk menggunakan teknologi tinggi dan bio teknologi bagi meningkatkan hasil dan kualiti tanaman.

Agensi kerajaan seperti MARDI dan FAMA juga telah mengadakan kerjasama R&D, yang telah membawa kepada penemuan produk telur berkualiti tinggi dengan zat seperti Omega 3 dan rendah kolesterol tetapi pemasaran produk ini tidak pula diberi kepada syarikat bumiputera untuk dipelopori. Sudah pasti keadaan ini merugikan pengusaha telur bumiputera, membantutkan usaha meningkatkan keupayaan dan ekuiti mereka di dalam industri ini.

Saya berpendapat kerajaan wajar menetapkan satu dasar perkongsian bijak (*smart partnership*), dengan izin, yang mewajibkan agensi pertanian kerajaan seperti MARDI dan FAMA, mengadakan kerjasama dengan usahawan atau IKS, yang dimiliki bumiputera, mempercepatkan lagi proses pembangunan kualiti dan keupayaan perusahaan bumiputera, selain dari meningkatkan pembangunan ekonomi dan ekuiti mereka.

Dalam industri pemakanan halal, Malaysia dapat menerajui industri makanan halal antarabangsa dan meningkatkan usaha pemasaran produk-produk halal kita ke luar negeri. Saya ingin tahu sejauh manakah usaha kerajaan ke arah ini dan apakah strategi yang akan digunakan untuk menghadapi persaingan dari negara-negara seperti Australia yang kini adalah pengeksport utama daging lembu halal dan New Zealand, daging kambing halal yang dibekalkan kepada negara-negara Islam.

Saya juga difahamkan daging ayam halal Malaysia tidak dapat dipasarkan di Eropah kerana ianya telah dikuasai oleh pembekal dari Thailand. Apakah strategi kerajaan dalam mengatasinya dan seterusnya membantu membangunkan usahawan bumiputera berkembang maju dalam industri yang berpotensi ini?

Saya juga ingin tahu apakah dan sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh institusi R&D kerajaan seperti MARDI dan PORIM dalam meningkatkan keupayaan usahawan atau pemilik-pemilik ladang kecil bumiputera dalam meningkatkan dan mempelbagaikan hasil tanaman dan keluaran mereka. Saya difahamkan PORIM telah mengadakan satu kajian dan telah berjaya menghasilkan bahan bakar kenderaan iaitu diesel, saya ingin tahu di manakah hasil kajian ini sekarang dan mengapakah ia tidak dapat

dipasarkan sebagai satu sumber bahan api alternatif kepada, dengan izin, fosil *fuel* yang semakin berkurangan rizabnya?

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalinan jalan raya dan komunikasi mantap serta prasarana lengkap telah menjadikan Malaysia sebagai satu tarikan kepada pelabur dan syarikat asing memusatkan operasi mereka di rantau ini. Sewa yang lebih murah berbanding Singapura dan kemudahan yang mampu menyaingi kota-kota negara maju dunia juga menambah kepada tarikan Malaysia kepada pelabur asing.

Kita berbangga dengan syarikat-syarikat pembinaan tempatan terutama syarikat bumiputera yang telah bertungkus-lumus dan sanggup mengadakan kerjasama dengan kerajaan dan syarikat asing untuk menyiapkan pelbagai projek besar prasarana negara. Pencapaian teknologi tinggi dan inovasi yang mengamalkan dan memastikan teknologi dan suasana, dengan izin, *contemporary design*, dengan arca-arca keMalaysiaan telah membawa kepada pelbagai binaan unik yang bercirikan sebuah negara Islam maju dan dinamik terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada kerjasama syarikat tempatan dan asing adalah di dalam pembangunan Stesen KL Sentral, dengan izin, *State of Art*, dengan mempunyai keunikan sistem *check-in* lapangan terbang di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur. Di dalam pembinaan KL Sentral, sebuah konsortium subkontraktor asing telah dilantik oleh pemilik KL Sentral iaitu MRCB untuk membangunkan projek ini. Syarikat subkontraktor asing ini telah melantik beberapa kontraktor pembinaan tempatan termasuk syarikat kontraktor bumiputera untuk menjalankan projek pembinaan ini yang dilaksanakan di dalam beberapa fasa. Kes yang saya ingin bangkitkan ialah ketidaksanggupan subkontraktor asing ini untuk menyelesaikan hutangnya kepada kontraktor tempatan di dalam pembinaan KL Sentral.

Tuan Yang di-Pertua, Projek KL Sentral telah pun siap dan sedang diguna dan beroperasi sekian lama. Subkontraktor asing ini telah memaklumkan kepada kontraktor tempatan dan pemiutangnya bahawa dia tidak menerima bayaran terakhir yang sepatutnya dari MRCB, dengan itu tidak dapat menyelesaikan hutangnya. Lantaran dengan itu, mereka tidak mahu menyelesaikan baki pembayaran yang tertunggak kepada kontraktor tempatan dan pemiutang yang berjumlah berjuta-juta ringgit, sebaik sahaja siapnya projek ini walaupun telah dipersetujui terlebih dahulu.

Apa yang menghairankan ialah MRCB telah pun memaklumkan bahawa ia telah membayar semua bayaran sepatutnya kepada subkontraktor asing ini. Semakan telah menunjukkan bahawa modal terbayar subkontraktor asing ini hanyalah RM50 ribu, sedangkan ianya dipertanggungjawabkan untuk membina sebuah stesen yang bernilai berbilion ringgit. Walaupun semua wang daripada hasil projek ini telah dibayar kepada subkontraktor asing ini oleh MRCB tetapi ia sudah tidak beroperasi lagi dan tidak mempunyai dana untuk melangsaikan hutang mereka kepada kontraktor tempatan.

Oleh yang demikian, pemiutang-pemiutang dan kontraktor tempatan terutama kontraktor bumiputera telah kerugian berjuta-juta ringgit kerana menjadi mangsa kepada insiden ini. Apa akan terjadi kepada pegangan ekuiti bumiputera di dalam sektor ini sekiranya perkara ini dibenarkan berulang? Bolehkah kerajaan mengambil tindakan kepada subkontraktor asing ini?

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan negara memanglah menjadi tajuk utama kepada peningkatan di dalam kesejahteraan rakyat dan kekayaan negara tetapi ianya tidak wajar dilakukan dengan menjadikan kontraktor tempatan mangsa sambil menidakkan hak mereka kepada bayaran hasil kerja yang telah dilakukan. Bayangkanlah masalah kewangan yang terpaksa dihadapi oleh kontraktor pembinaan tempatan yang terpaksa menanggung kerugian berjuta-juta ringgit.

Saya memohon kepada Kementerian Kewangan dan kerajaan supaya dapatlah masalah ini diselesaikan segera untuk membantu kontraktor tempatan termasuklah kaum bumiputera yang menjadi mangsa. Saya juga ingin tahu sama ada kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula kriteria pemilihan rakan kongsi luar negeri bagi projek pembinaan tempatan dan struktur perkongsian ini dan memastikan tanggungjawab pembayaran dan

sebagainya juga ditanggung oleh semua pihak, baik dari dalam mahupun luar negeri yang menjadi anggota pengurusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia kini mempunyai peralatan canggih tetapi kebanyakannya dibekalkan dari luar. Untuk memantapkan lagi kewibawaan kita, negara sekurang-kurangnya mestilah mempunyai keupayaan untuk menyelenggarakan aset-aset ini dengan betul dan ekonomik supaya keselamatan negara akan lebih terjamin. Kita memang menyokong kerajaan untuk membangunkan keupayaan, pembaikpulihan dan selenggaraan atau dengan izin, *maintenance, repair and overhaul* di dalam negeri melalui beberapa usaha termasuk melalui penswastan kerja bengkel ATM yang saya difahamkan juga melibatkan pembabitan kaum bumiputera di dalamnya.

Pelan pembangunan teknologi tinggi dalam sektor kritikal semestinya melibatkan pembangunan keupayaan dalaman di dalam teknologi pembaikan dan selenggaraan menerusi pelaburan di dalam R&D, *reverse engineering* dan seterusnya berkembang ke dalam pembaikpulihan, dengan izin, *retrofit regime*, bila mana kita diperlukan untuk membangunkan keupayaan "*System House*", dengan izin, untuk mempelopori keperluan rekaan, integrasi dan *retrofit* yang diperlukan. Lanya akan membawa kita ke ambang pembangunan keupayaan dalaman untuk mengeluarkan komponen dan peralatan sokongan yang disokong oleh keupayaan R&D yang jitu.

Saya ingin tahu sejauh manakah inspirasi membangunkan industri pertahanan berteknologi tinggi sudah dicapai dan di tahap manakah keupayaan R&D syarikat tempatan terutama yang dimiliki oleh bumiputera. Dalam hal ini, apakah bentuk insentif yang telah dan akan diberikan oleh kerajaan untuk memastikan pembangunan berterusan industri ini terutama di dalam *reverse engineering* bagi membolehkan kita membangunkan komponen dan peralatan tempatan.

Penswastan di dalam industri pertahanan negara dilaksanakan untuk mengurangkan kos operasi kerajaan di dalam membaik pulih dan menyelenggarakan peralatan ketenteraan dan juga khidmat sokongan dari segi bilangan anggota yang diperlukan oleh kerja terbabit. Lanya juga untuk membolehkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memfokuskan perhatian kepada tanggungjawab sebenar mereka iaitu untuk mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kemajuan oleh sektor swasta telah berupaya untuk membantu hasrat ini dicapai? Jika belum lagi, apakah kekurangan sektor swasta tempatan terutama pengusaha bumiputera di dalam mendorong pembangunan keupayaan tempatan kepada meningkatkan pencapaian mereka di dalam teknologi tinggi dan pembangunan kepakaran tempatan. Apakah kerajaan sendiri menjadi rakan kongsi dalam pembangunan teknologi tinggi ini?

Tuan Yang di-Pertua, teknologi tinggi dan tercanggih didapati dalam industri aero-angkasa dan mampu untuk membangunkan keupayaan teknologi tinggi sesebuah negara terbabit di samping industri-industri sokongan yang berkaitan dengannya. Industri aero-angkasa mempunyai dua teras. Yang pertama, industri aero-angkasa yang membabitkan teknologi pembuatan dan pengendalian kapal terbang dan yang kedua, industri angkasa lepas yang membabitkan teknologi roket dan satelit.

Teknologi tinggi yang dibawa menerusi pencapaian dan penciptaan satelit misalnya, telah memudahkan tugas pengawasan dan penyeliaan pelbagai bidang seperti kaji cuaca, komunikasi, bencana alam dan ketenteraan. Teknologi satelit telah membawa kepada perubahan di dalam skop pembangunan industri berkaitan dengannya. Dengan penekanan kepada pembangunan satelit yang semakin canggih, lebih kecil dan lebih *economical*, dengan izin, menerusi teknologi mikro satelit dan kini, NanoSAT.

Malaysia turut terlibat secara langsung di dalam industri ini dengan melancarkan satelit-satelit MEASAT, TiungSat dan terkini, RazakSAT. Pembangunan satelit-satelit ini agak unik kerana ia membabitkan kerjasama kerajaan iaitu syarikat tempatan dengan negara asing iaitu United Kingdom – Tiungsat, dengan Korea Selatan – RazakSAT.

Projek TiungSat merupakan satu mercu tanda teknologi mikro satelit terkini pada waktu ini dan negara telah memperoleh latihan dalam kepakaran membangunkan dan

menguruskan satelit jenis ini. Saya telah dimaklumkan bahawa usaha membangunkan satelit ini adalah hasil kerjasama di antara kerajaan, sektor swasta dan institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Saya pohon penjelasan akan struktur perkongsian ini dan bagaimana industri tempatan terutama IKS milik bumiputera telah menikmati manfaat daripada teknologi satelit yang diperolehi menerusi projek ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup, Yang Berhormat.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Satu minit lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya nak sentuh sedikit, satu minit, subjek ubah struktur SIRIM dan peranan MiGHT.

Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua bagaimanakah penyusunan semula SIRIM akan dapat memainkan peranan dalam memajukan pembangunan inovasi dalaman yang akan dimiliki oleh syarikat tempatan seterusnya memberikan kita platform yang sesuai untuk meledakkan pembangunan produk seratus peratus milik Malaysia di masa hadapan. Saya juga difahamkan pada waktu ini terdapat sebuah badan iaitu Malaysian Industrial Group of Hi-Technology atau MiGHT sedang menyelaraskan pembangunan teknologi tinggi bagi negara. Kajian ini telah pun menentukan pelan menyusun semula SIRIM agar dapat menjadi pemacu utama kepada pembangunan keupayaan R&D dan teknologi tinggi tempatan.

Di sini saya ingin tahu, apakah SIRIM akan mengambil alih tugas MiGHT sama ada SIRIM akan diberi kuasa dan dana seperti mana sebuah badan kerajaan penuh boleh melaksanakan program pembangunan R&D dan teknologi tinggi yang berkesan di dalam suasana di dalam semua sektor kritikal dan strategik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan saya peluang untuk berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Pasir Mas.

**11.41 pagi.**

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala hiwabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas keizinan Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk sama-sama mengambil kesempatan dan memberi hujah terhadap bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada seminggu yang lepas.

Dalam kesempatan yang sedikit ini, saya fokuskan kepada beberapa perkara yang saya kira perlu untuk dikemukakan kepada khalayak bagi sama-sama kita merenung kepada bajet yang begitu besar, wang negara yang begitu besar yang telah dikemukakan oleh pemimpin-pemimpin negara kita dan kita dapat melihat di sana ada satu macam yang tidak kena ataupun tidak tepat dalam pengurusan wang yang begitu banyak yang diberi oleh Allah S.W.T kepada kita.

Dalam hubungan ini saya akan menyentuh pertama sekali dua perkara yang perlu diambil perhatian oleh kita semua sebagai ahli di Dewan Rakyat ini, dan juga kepada pegawai-pegawai yang berada di sini. Pertama sekali ialah kita memahami bahawa harta yang ada di tangan kita ini ialah harta Allah S.W.T. Ianya dimiliki oleh Allah S.W.T dan kepada kita, kepada manusia dan manusia hanya diberi pinjam untuk menguruskan harta itu. Allah S.W.T berfirman dalam Al-Quranul Karim [*Membaca sepotong ayat Al Quran*] Dan banyak lagi ayat-ayat yang seumpama dengannya iaitu Allah S.W.T memiliki apa yang ada di bumi dan apa yang ada di langit. Dalam erti kata bahawa harta sebenarnya adalah harta Allah. Kita hanya menumpang sahaja untuk menguruskan harta itu.

Dan yang kedua sebagaimana yang saya sebut bahawa kita diberi tanggungjawab untuk mengurus. Bukan ia milik kita dalam erti kata bahawa memiliki dengan bahasa ataupun dengan seratus peratus kita memiliki harta kita dengan maknanya sedemikian

tetapi harta ini dinisbahkan kepada kita. Sebagaimana tangga itu disandarkan kepada rumah. Jadi bila rumah tidak ada, mana ada tangga? Nyawa kita ini, tubuh kita ini disandarkan kepada nyawa kita, apabila nyawa sudah tidak ada maka tubuh kita juga akan rebah.

Begitu juga harta ini, bukan harta kita. Kita hanya diberi tanggungjawab mengurus amanah oleh Allah S.W.T kepada kita manusia sebagaimana kalimah Allah S.W.T disebut dalam Al-Quranul Karim [*Membaca sepotong ayat Al quran*] Tidak kira kita sama ada kita orang Melayu atau bukan Melayu dan pelbagai agama, mesti kita memahami bahawa kita ada tuan. Bumi ini ada tuan. Kalaulah pen sekecil ini yang ada di tangan saya [*Sambil menunjukkan sebatang pen*] Ia ada tuan, saya sebagai tuan, pemilik sementara kepada pen ini. Parlimen ini ada tuan iaitu Yang di-Pertuan Agong kita sebagai tuan kepada Parlimen ini dan negara kita ini ada tuan. Takkanlah dunia ini tidak ada tuan? Tuan inilah dalam pengajian agama disebut Allah. Kerana itulah di dalam Al-Quran menyebut selepas daripada *Bismillahir Rahmanir Rahim* disebut *Alhamdulillah Rabbilalamin, alhamdu*, segala puji kepada siapa? Kepada Allah. Siapa Allah? Allah itu *Rabbu* ataupun disebut *Rabbi* ataupun disebut *Rabba* iaitu Allah itu Tuhan. Tuan kepada kita semua. Tuan kepada orang Melayu, tuan kepada orang Cina, tuan kepada orang Inggeris, tuan kepada orang Amerika dan tuan kepada siapa sahaja.

Bila manusia kenal bahawa Allah itu tuan, dia tahu apa yang dia nak buat di atas muka bumi ini sebagaimana saya pergi ke rumah Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua ini tuan kepada rumah itu. Bila saya masuk ke rumah dia, saya bagi salam. Kalau diizinkan dan dibenarkan saya masuk ke rumah, maka saya masuk. Kemudian dipersilakan saya duduk, maka saya duduk dengan beradab sebagai seorang tetamu. Tidak boleh saya pergi ke rumah Tuan Yang di-Pertua tiba-tiba saya nak masuk ke dalam bilik tidurnya. Tidak boleh saya masuk dan hendak duduk di bawah meja dan tidak boleh saya masuk terus ke dapurnya kerana saya adalah tetamu kepada tuan.

Begitu juga kita datang ke atas dunia ini sebagai tetamu kepada Allah S.W.T yang dihadkan masanya mengikut apa yang telah ditentukan oleh qada dan qadar Allah S.W.T yang telah ditentukan oleh Allah kepada kita.

Oleh yang demikian, kita menguruskan harta baik harta kerajaan, baik harta peribadi, baik harta yang diwasiatkan kepada kita maka hendaklah kita mengambil tanggungjawab [*Membaca sepotong Al-Quran*] Kamu adalah penggembala, Nabi Muhammad S.A.W selalu menyebut kalimah penggembala kerana Nabi mempunyai kemahiran dalam menggembala. menggembala kambing, menjaga manusia, menjaga orang Islam dan juga orang tidak Islam.

Nabi kata, kamu adalah penggembala dan kamu bertanggungjawab dengan anak gembala kamu. Kerana itulah Sayidina Umar sewaktu baginda tidur, Sayidina Umar ini khalifah selepas daripada Sayidina Abu Bakar r.a di antara khalifah yang paling adil. Di waktu dia terjaga dan tersentak daripada tidur, kemudian sahabat-sahabat bertanya, "Wahai Baginda Umar, mengapa kamu bangun dan kamu tersentak dari tidur kamu?" Dia kata saya terlihat dalam tidur saya anak unta di Basrah, sesat, tertinggal dari ibunya. Saya bimbang anak unta itu akan kehilangan dari ibunya maka saya akan disoal di akhirat nanti.

Ini tanggungjawab Tuan Yang di-Pertua. Tanggungjawab kepada kita sekalian baik yang berada dalam Parlimen ataupun yang tidak ada di dalam Parlimen kerana telah diriwayatkan seorang wali daripada *Auliyat Allah*, Ibrahim Adham. Ibrahim Adham ini seorang wali daripada Baghdad, solihin, orang soleh daripada Baghdad pergi ke Madinah bagi menziarahi ulama-ulama di Madinah. Sekembalinya dia dari Madinah, dia membeli buah tamar. Buah tamar di Madinah itu elok-elok, lebih baik dari semua buah tamar di dunia ini. Walaupun buah tamar yang baik tetapi tamar Madinah yang paling baik sekali, hebat. Dia beli buah tamar itu. Di waktu menimbang buah tamar itu, tiba-tiba terjatuh dua tiga biji di dalam karungnya, dari atas terjatuh dua tiga biji ke dalam karungnya, dia lihat bagaimana buah itu jatuh dalam karungnya tetapi dia senyap. Dia bawa balik buah tamarnya di antara yang dibeli dan yang jatuh di dalam karung. Tiba-tiba sampai di negerinya iaitu di bandar Baghdad, di waktu itu. Dia terfikir, apakah dengan sebab dua biji buah tamar yang jatuh dalam karung saya tadi menyebabkan saya terlambat daripada dihisab daripada Allah S.W.T. Ia menjadikan saya terlambat masuk syurga Allah dengan amalan-amalan yang

saya lakukan. Maka dia terfikir dan menangis di waktu itu lalu kembali semula ke Kota Madinah Al-Munawwarah dan mencari siapa penjualnya.

Selepas sehari-hari dan dia pesan kepada kabilah-kabilah yang kembali ke Baghdad, beritahu isteri saya bahawa saya kembali lagi ke Madinah untuk memulangkan tiga biji buah tamar yang hilang, yang masuk ke dalam karung saya. Tiba-tiba dia sampai ke Baghdad, Madinah, dia mencari penjual itu dan penjual itu tidak ada. Dia menunggu beberapa hari untuk mendapatkan penjual itu tiba-tiba dia jumpa penjual itu dan meminta maaf dengan penjual itu dan mengembalikan buah tamar yang tiga biji itu kepada penjual itu. Penjual kata, "*Ya alim, wahai orang alim. Saya sedekahkan bukan tiga biji, kalau sekarung buah tamar saya sedekahkan kepada kamu, tidak perlu kamu hantar kembali*".

Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian dan pegawai-pegawai kerajaan. Bagaimana perhitungan ini dibuat oleh seorang ulama Islam? Bagaimana perhitungan dibuat, perhitungan dunia dan perhitungan akhirat, bukan dunia semata-mata. Kalau bagi dunia semata-mata ini ok, saya boleh melakukan apa sahaja tetapi di sana ada balasan akhirat. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kita akan ditanya di akhirat. Ini akidah kita sebagai seorang Islam. Baik daripada PAS, baik daripada UMNO, baik daripada pegawai-pegawai dan tidak pegawai-pegawai, akidah kita dalam Islam mengajar kita sedemikian. Takutlah kamu pada api neraka Allah. Bahan pembakarnya daripada batu-batu dan manusia-manusia yang syirik kepada Allah S.W.T. Pengawal-pengawalnya terdiri daripada malaikat-malaikat yang bengis, ganas. Dia menjaga kamu di waktu itu agar tidak sekali-kali melakukan maksiat kepada Allah S.W.T

Dalam erti kata bahawa harta ini adalah harta Allah S.W.T yang diberi milik hanya semata-mata kepada kita untuk kita mengurus dengan sebaik-baiknya. RM30 bilion harta negara kita, kaya masya-Allah. Kalau kita tadbir dengan baik tidak berlaku pusat-pusat komputer, bangunan-bangunan komputer dan sebagainya runtuh, tidak boleh dilaksanakan, tidak dapat diluluskan. Bangunan-bangunan sekolah yang begitu besar, saya dapati Tuan Yang di-Pertua maklumat ini tepat saya kira. Dari itu saya tidak perlu berbohong di sini. Untuk apa saya datang ke Parlimen untuk berbohong. Tidak, tidak ada manfaat sedikit pun.

Dan tidak ada manfaat pun untuk saya menjadi Ahli Parlimen, untuk saya berbohong di sini, lebih baik saya menoreh getah di kampung saya, lebih baik saya mengajar kuliah, biarlah dapat sedikit makanan halal daripada saya berbohong di sini. Saya diberi maklumat bahawa wang PPRT untuk rumah-rumah orang miskin, peruntukan yang RM30 ribu sebuah rumah tetapi sampai kepada orang yang terakhir iaitu RM10 ribu. Maka diminta kepada yang RM10 ribu itu dibuat dengan harga RM8 ribu sahaja. Di mana RM20 ribu lagi? Perbetulkan apa yang saya cakap, kalau tidak betul, betulkan. Kalau saya ucap ini tidak betul, saya minta maaf tetapi itu yang saya dengar.

Kerana tidak ada rasa pahala, tidak ada rasa dosa dan inilah yang diajar oleh setengah kalangan-kalangan, biarkanlah akhirat itu akhirat. Kita bertaubat selepas kita tua. Mana boleh. *[Membaca beberapa ayat dalam Bahasa Arab]* Yang bermaksud: "*Berapa ramai orang yang sihat mati dengan tidak ada sakit? Berapa ramai orang yang sakit diberi kesihatan oleh Allah S.W.T selepas daripada itu? Berbekallah kamu dengan bekalan takut pada Allah*". Ini pesanan Imam Shafie. Kita sembahyang ikut Mazhab Shafie. Kalau tidak baca doa Qunut, tidak sah sembahyang kerana mengikut Mazhab Shafie, tetapi apa yang dipesan oleh Shafie - ramai orang tidak ikut. Ini yang masalah.

Perkara yang kedua saya hendak quote kan "*bahawa harta ini adalah harta Allah dan kita adalah pelaksana kepada harta Allah yang diberi amanah oleh Allah S.W.T, yang akan dipersoalkan oleh Allah di akhirat nanti*". Saya akan dipersoalkan, Allah S.W.T akan tanya saya dan kita diajar dalam talkin. Ya polan bin si polan. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* *[Menyuruh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah cabar.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Tidak, fasal dia suka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cakaplah terus. Jangan cabar.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Menyambung membaca beberapa potong ayat Al-Quran]* Yang bermaksud: *"Ingatlah janji kamu dengan Allah S.W.T di waktu kamu masuk dan keluar dunia ini. Apa janjinya [Mengucap dua kalimah syahadah]. Saya mengaku bahawa tidak ada Tuhan yang mentadbir dunia ini, tidak ada Tuhan yang menjadi, tidak ada Tuhan segala-galanya melainkan Allah dan saya mengaku bahawa kamu adalah mesej Rasul Allah S.W. T pada kami"*. Apabila kamu didatangi oleh dua malaikat di waktu kamu diletak dalam kubur. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang bermaksud: *"Sekarang ini kamu berada di tengah-tengah bumi sekarang ini dan kamu sedang berada di tengah-tengah askar mati. Apabila kamu didatangi oleh dua malaikat yang bertanya kamu, siapa Tuhan kamu, siapa Tuhan kamu?"* Apa kita hendak jawab. Kita hendak jawab di akhirat bagaimana, siapa Tuhan kamu di atas dunia dulu. Si polanlah Tuhan saya. Dialah mandur saya, dialah segala-gala pada saya, dia, dia, dia, dia. Nanti, jawabnya bolehlah.

Siapa Nabi kamu, siapa penghulu kamu. Inggeris penghulu saya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Misal ini. Jangan ketawa. Kalau tidak betul, bangun soal saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak payah Yang Berhormat cabar-cabar. Masa Yang Berhormat pun tidak lama lagi.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Kemudian, keduanya pula saya menyebut bahawa kedudukan negara kita Malaysia terletak dalam zon yang terbaik. Allah S.W.T jadikan Malaysia terletak dalam zon dan keadaan strategik, yang cukup baik. Bagaimana laluan angkasanya, bagaimana lautannya. Bagaimana pantai yang begitu panjang yang diberi oleh Allah S.W.T. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Yang bermaksud: *"Inilah pemberian Allah S.W.T kepada kita yang tidak perlu kita fikir panjang, cuma hendak melaksanakan bagaimana"*.

Allah S.W.T berikan kepada kita bumi yang luas dan subur. Ada logam-logamnya, ada gasnya dan sebagainya tetapi malangnya oleh kerana Kelantan diperintah oleh PAS, yang sepatutnya gas ini dibawa di Bachok, dinaikkan gas ini di Bachok tetapi oleh kerana PAS yang memerintah, orang Islam yang memerintah. Tok Guru Nik Aziz yang memerintah, apa salah Tok Guru Nik Aziz? *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. Selain daripada Tok Guru Nik Aziz untuk membawakan negeri Kelantan berhukum dengan hukum Allah S.W.T. Apa salahnya itu. Apakah Tok Guru Nik Aziz mencuri, apakah Tok Guru Nik Aziz duduk di rumah-rumah besar, rumah-rumah banglo yang juta-juta ringgit? Pergi tengok rumah dia, pergi lihat kedudukan dia. Baju yang dia pakai Datuk, hanya tidak lebih daripada RM100, baju jubah dia pakai RM50, saya pernah beli.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Sri Gading berdiri Yang Berhormat. Ya sila.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hebat sahabat saya Pasir Mas ini hebat, hebatlah. Seolah-olah macam tidak hendak menerima hujung tadi itu berkaitan dengan cerita Yang Amat Berhormat Datuk Nik Aziz. Datuk Nik Aziz ini sudah cakap bahawa kita kena pegang takdir. Jadi takdir ini, memang PAS tidak dapat hendak mengelolakan Kerajaan Negeri Kelantan. Apa Pasir Mas hendak bercanggah kah dengan fatwa oleh Yang Amat Berhormat Tok Guru. Ini biasa bila cerita soal kemiskinan Tok Guru kata, *"Jangan gaduh, kalau sudah takdir kita terima. Itu sebahagian daripada Rukun Iman. Takdir Qada dan Qadar"*.

Jadi kenapa pula Pasir Mas macam tidak menerima. Jadi kenapa Pasir Mas bercanggah dengan Tok Guru dia sendiri.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya rasa Yang Berhormat tidak faham makna takdir. Takdir itu adalah suatu penentuan Allah S.W.T yang tidak boleh ditolak. Tetapi tidak menghalang di sana ada usaha. Kerana itulah kalau kita lihat di negeri Kelantan dulu tidak ada Belia Hotel, tidak ada Ansar Hotel, tidak ada Pacific Hotel. Ertinya kita telah berusaha, Tok Guru Nik Aziz telah berusaha dengan kadar yang ada pada dia, lebih pada itu entah macam mana. Wang RM114 juta per kapita ditangguhkan tidak mengikut jadual.

Dilingkung, dikepong ekonomi negeri Kelantan oleh pelbagai pihak. Media massanya menuduh Kelantan macam-macam lagi. Dengan airnya keruh, airnya merah. Dengan negeri Kelantan tidak membangun, gerhana dan berbagai-bagai lagi. Saya baru datang sekejap tadi, saya tengok bagaimana orang yang pergi beli beras di negeri Kelantan. Beras yang terbaik. Bawa balik ke Kuala Lumpur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Peringat. Bangun Yang Berhormat, sila.

**Tuan Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya sudah dengar banyak kali tentang soal takdir ini sehingga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun menyebut dan memperlekehkan takdir ini. Saya ingin tahu dan ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pasir Mas adakah di sana suatu keadaan yang vakum atau yang kosong daripada takdir? Di mana kemiskinan itu bukan takdir? Apakah kita usaha menolak takdir itu? Apakah ada orang yang cuba mempertikaikan bahawa kemiskinan itu satu takdir dan juga usaha untuk mengatasi kemiskinan itu juga adalah suatu takdir? Kalau kemiskinan itu sebagai penyakit maka berusaha untuk mengatasi penyakit itu juga merupakan satu takdir, jadi saya tengok ini satu benda yang mempermainkan takdir Allah SWT, bagaimana pandangan Yang Berhormat Pasir Mas?

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ya, saya setuju dengan pandangan Peringat tadi. Takdir ini adalah hak Allah S.W.T. mentakdirkan qada' dan qadar kita. Yang Berhormat kita mesti mengaji lagi lah, tidak cukup dengan mak ayah pergi pondok duduk mengaji di Mekah 12 tahun tetapi kita tidak mengaji.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Huh! Huh!

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Dalam syair Arab mengatakan bahawa berapa ramai ayah saya yang belajar, mak saya yang belajar tetapi saya tidak belajar, buat apa? Tidak cukup.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [*Menyampuk*]

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Di Amerika Tuan Yang di-Pertua, saya lihat di Amerika "Help Me, tolong saya!". Berbaris-baris di pagi-pagi di Amerika, di Los Angeles, di Washington DC, berbaris-baris di tiap-tiap pagi, "Help me! Help me, please help me!" Tolong saya, tolong saya – itu tidak miskin? Padahal negara kaya, Amerika lebih kaya beribu kali daripada Malaysia tetapi di sana ada juga miskin tetapi kita tidak membiarkan miskin, Nabi s.a.w. menyebut [*Sambil membaca sepotong Hadis*] Hampir-hampir kemiskinan membawa kepada kekufuran tetapi Nabi sayang kepada orang miskin, Nabi membantu orang miskin, Nabi menolong orang miskin. Nabi s.a.w. mengutamakan orang miskin daripada orang kaya sehingga harta disebut [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Harta ini jangan hanya tertumpu kepada golongan-golongan yang kaya sahaja. Ini yang kita bincangkan.

Kemudian saya pergi kepada tujuan dan bajet yang dikemukakan itu. Sebenarnya bajet yang dikemukakan itu mestilah berdasarkan kepada teras-teras dia. Jangan sampingan mesti berasaskan kepada teras, kita sebagai ayah yang mengendalikan rumah tetangga kita mesti tengok kepada teras-teras, kepada kewajipan-kewajipan kemudian barulah kepada 'hasanah'. Ada 'dururiah' dan ada 'hasanah' di sana, ada benda baik, benda keutamaan dan ada benda yang nombor dua dan nombor tiga. Sehingga tidak tahu memilih mana nombor satu dan nombor dua.

Pertama sekali kekayaan negara kita mesti diagih bagi melahirkan ketenteraman dan kebaikan kepada semua. Ini nombor satu, tujuannya untuk diagihkan bagi melahirkan ketenteraman di negara kita, kesejahteraan di negara kita. Kalau kita lihat di sini sekarang ini di mana sebenarnya, orang di kampung, saya daripada anak kampung. Bukan sahaja di Pasir Mas bukan sahaja di mana kalau kita lihat orang Melayu, merata-rata saya pergi ini, Melaka estet-estet besar ini siapa punya? Saya pergi di Pulau Pinang, turun lapangan

terbang Pulau Pinang, saya tengok rumah-rumah lebih teruk lagi daripada reban-reban ayam di negeri Kelantan. Hendak tutup mana benda ini?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Tepuk]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Saya pergi ke Negeri Sembilan, orang-orang Melayu kita miskin. Pergi negeri Kelantan tengok, Johor orang Melayu kita miskin.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Menyampuk]*

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Pergi negeri Kelantan cuba tengok di Pasar Siti Khadijah, orang Kelantan pakai emas, begini *[Sambil menunjukkan ke pangkal lengan beliau kepada Dewan]* Betul!

**Seorang Ahli:** Pasir Mas itu... berat sangat! Boleh kira berapa banyak lagi!

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Di Pasir Mas itu, pasir pun emas. *[Ketawa]*

Pasir pun emas! Kayanya Alhamdulillah! Bukan kerana orang Kelantan ke luar dari negeri Kelantan itu miskin, Cina yang keluar daripada negeri China miskin atau tidak? *[Tepuk]*

Ini orang Cina, yang ada datuk dia orang Cina daripada sana, di rumah saya ini orang Cina, bukan miskin tetapi sifat rajin dia, sifat dia suka merantau ke seluruh negara. Orang Melayu di Mekah, Alhamdulillah kaya-raya, orang Melayu di Mesir, pelajar-pelajar kita kaya-raya dan orang Kelantan dan pelajar-pelajar Kelantan duduk di Amerika habis mengaji di sana belajar di sana tauke kereta besar, Mat Saleh pun beli kereta dengan dia. Boleh beli gereja, jadikan masjid, budak pelajar Melayu Kelantan. Jangan menghina, ini bangun sedikit hina orang Kelantan, saya sebut kepada orang Kelantan, insya-Allah 100 tahun, insya-Allah PAS akan memerintah Kelantan dengan cara UMNO buat macam ini. *[Tepuk]*

Saya beritahu kepada orang Kelantan, UMNO di Parlimen menghina orang Kelantan. Saya beritahu orang Kelantan ini budaya dia kalau dia marah, kalau dia sayang barang dalam mulut dia keluar bagi kepada kawan tetapi kalau dia sakit hati dia tidak akan undi UMNO pada bila-bila masa. Ini budaya, saya beritahu bagaimana Ahli-Ahli Parlimen UMNO dalam Parlimen ini menghina kita orang Kelantan, seolah-olah kita keluar daripada Kelantan bawa tempurung minta sedekah di sini.

Kemudian bagi mengurangkan kemiskinan di kalangan orang-orang Melayu di luar bandar supaya tidak ada lagi jurang pemisahan di antara orang Melayu di dalam bandar dan orang Melayu di luar bandar. Ataupun penduduk luar bandar dengan penduduk dalam bandar. Sekarang ini betul, dalam taksirnya orang Melayu sudah dapat dan sudah sampai kepada angka 20% tetapi siapa dia. Siapa dia yang 20% itu, Tan Sri-Tan Sri, Dato'- Dato', *millionaire*, orang-orang kaya tetapi orang-orang kampung?

Bajet yang dikemukakan itu cuba lihat, apakah harga susu diturunkan? Apakah harga gula diturunkan? Apakah harga minyak diturunkan? Apakah harga beras diturunkan? Mana ada kepentingan rakyat di sini? Saya minta supaya benda ini diperpanjang bagi mengurangkan pengangguran yang berlaku di kalangan penduduk, pemuda graduan universiti dan lain-lain lagi masyarakat kita yang menganggur.

Mengapa kita boleh mengambil pekerja-pekerja daripada Bangladesh, daripada Indonesia, daripada lain tetapi tidak diberikan kepada orang-orang kita kerana mereka menuntut gaji yang lebih mahal sedikit daripada mereka itu. Apakah tidak boleh diangkatkan gaji-gaji yang setaraf dengan keperluan hidup mereka. Saya rasa ini perlu difikirkan bersama oleh pimpinan-pimpinan negara bagi mengurangkan jenayah besar yang berleluasa di negara kita.

Jenayah makin hari makin bertambah, dahulu masa saya kecil-kecil dahulu kita baca surat khabar, jarang-jarang kita dengar kita baca surat khabar ada pembunuhan, jarang-jarang sekali, seminggu sekali. Sekarang ini tiap-tiap hari dan orang tidak berani keluar daripada rumah dan orang kaya tidak berani keluar daripada rumah. Anak-anak mereka dicurigai takut diculik dan berbagai-bagai lagi kerana ada hasad dengki. Orang yang kaya jadi kaya, yang miskin jadi miskin, yang menganggur-menganggur. Orang

kampung menganggur dia tidak sampai kepada peringkat mencuri bank tetapi kalau orang cerdik menganggur dia mencuri bank, merompak bank dan berbagai-bagai lagi jenayah besar yang dilakukan. Inilah keutamaan yang diberi oleh Islam agama supaya melihat kepada masyarakat-masyarakat bawahan dan masyarakat kampung supaya mereka menikmati hasil yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. kepada kita jangan kita sahaja yang makan daun-daun teh daripada Ceylon tetapi rakyat-rakyat kita yang makan hampas-hampas teh, ini berlaku...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Ya, saya gulung. Kemudian saya menyentuh sedikit lagi negara Islam yang disebut dalam bajet tadi ya. Sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Perdana Menteri tentang negara Islam Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Kita semua suka kalau negara kita negara Islam, tidak ada orang tidak suka, orang Islam, orang tidak Islam suka tetapi biarlah Islam itu sebenar-benarnya. Jangan sampai disalah guna dan saya takut bila disebut negara Islam dalam keadaan begini merupakan bidaah, bidaah yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan dan ulama-ulama UMNO.

Saya bimbang satu hari nanti dan masyarakat anak-anak kita boleh menggambarkan negara yang ada kasino, negara yang ada judi, negara yang penuh dengan berbagai-bagai lagi maksiat, negara itu negara Islam saya bimbang ini adalah bidaah yang dicipta oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan ulama-ulama UMNO. Saya bimbang dan saya khuatir satu ketika nanti, oh begini rupanya negara Islam, negara yang ada judi, arak, maksiat, pelacuran dan berbagai-bagai lagi. Kita bimbang generasi yang akan datang akan menerima negara ini sebagai negara Islam dan tidak ada lagi bantahan ataupun pandangan-pandangan kerana ditutup oleh media masa dan ditutup oleh sesetengah ulama yang berkepentingan sedemikian.

Ulama Islam, negara Islam iaitu dasar negara mesti berdasarkan kepada Al-Quran, Sunah, Ijmak, Ulama, Kias, Muktabar, itu satu. Yang kedua, mesti dipimpin oleh Qiyadah solehah oleh pimpinan-pimpinan soleh. Apa makna pimpinan soleh? Pimpinan soleh iaitu pimpinan yang tidak melakukan dosa besar dan tidak berterusan dengan dosa kecil, mesti dipimpin oleh orang ini. Kalau tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh ini, silakan... *[Bertutur dalam bahasa Arab]* Bukan semestinya kita, bukan semestinya Tok Guru Nik Aziz.

**Seorang Ahli:** Sri Gading.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Sri Gading pun dapat. Saya tidak ada apa-apa kepentingan. Saya bukan hendak jadi apa. Tok Guru Nik Aziz bukan hendak jadi Perdana Menteri. Dia pun umur lebih kurang 75 tahun dah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Sedikit lagi. Sedikit ya *[Ketawa]* Mengajak melakukan makruf dan menegah daripada mungkar, ini negara Islam. Kemudian, mengajak menegakkan hukum Allah dalam prinsip keadilan yang dirasakan oleh kesemua masyarakat yang berada di bawah...

**Seorang Ahli:** Ya.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Kemudian, menggunakan hasil bumi bagi mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Kemudian, dengan penuh amanah, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud: "Amanah ini telah diberi amanah kepada bumi, langit, bukit bukau tetapi mereka enggan kerana kelemahan masing-masing. Tetapi dipikul oleh manusia, dipikul oleh kita, maka hendaklah kita tunai amanah ini". Mesti berpijak pada keadilan sejagat, tidak kira rumpun mana mereka berada di sini dan inilah konsep PAS. Cuba bagi kepada PAS memerintah negeri Kedah, hendak lihat bagaimana?

**Beberapa Ahli:** Hancur!.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Bagaimana sekali? Bagi kepada PAS memerintah Malaysia, hendak tengok keadilan bagaimana? Cuba sekali hendak tahu. Kalau tidak betul, kita tukarkan semula *[Dewan gamat seketika]* Ini tidak mahu, cuba sekali hendak tahu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, .....

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Kemudian, dengan penuh kasih sayang. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, mesti dengan penuh kasih sayang, Rahman, Rahim, penuh kasih sayang yang kita mengambil daripada apa yang diberikan oleh Allah S.W.T kepada kita. Kasih sayang kepada semua tidak kira daripada bangsa, agama, keturunan, ras dan sebagainya, dengan tidak ada di sana suatu *competition* yang berlaku.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, masa.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** Oleh kerana saya tidak ada masa lagi, kita bincang di luar, Insya-Allah. Saya rasa, itulah di antara ucapan saya dan saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak kerana memberi kesempatan sedemikian [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kuala Pilah.

**12.12 tgh.**

**Datuk Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2004 ini. Sekian lama khususnya saya menjadi Ahli Parlimen, bajet kali ini adalah satu-satunya bajet yang amat kaum wanita menghargai. Bukan setakat sekarang tetapi untuk generasi masa depan khususnya, masyarakat wanita di negara ini kerana pandangan jauh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri terhadap wanita. Peranan mereka sebagai pembentuk keluarga bahagia, sumbangan mereka dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengiktiraf dan menghormati kaum wanita dan saya harap semua rakyat termasuklah orang dalam Dewan ini juga sanggup menerima pengiktirafan yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat itu, kerana kita mesti mengakui peranan yang dimainkan oleh kaum wanita, bukan sahaja setakat menjadi isteri yang setia, ibu yang membentuk masyarakat dan generasi akan datang, mereka juga adalah wanita yang bersama-sama kaum bapa membangunkan negara ini dan jangan lupa sebahagian besar mereka adalah juga pengundi yang setia.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyebut satu persatu di bawah tajuk mengiktiraf peranan wanita dalam Bajet 2004 ini, yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan. Wanita Malaysia berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat. Walau bagaimanapun, masih ada beberapa perkara yang perlu disebutkan dan wanita mohon supaya kerajaan atau pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya merasa amat kesal sedikitlah, kerana sudah lama dipohon tetapi belum dapat lagi diwujudkan.

Saya difahamkan sudah lama kita memohon untuk mengadakan satu stesen radio wanita dan saya difahamkan Mesyuarat Kabinet telah pun meluluskan tetapi hari ini, masih belum diwujudkan lagi, apakah stesen radio wanita ini susah sangat hendak diwujudkan? Saya difahamkan permohonan ini dibuat tahun 1999 dan telah pun diluluskan, sebab itu, saya sebenarnya sangat berharap supaya stesen radio wanita Malaysia ini diwujudkan sebagai yang pertama di Asia ini tetapi malangnya negara India telah berjaya mewujudkan stesen radio wanita ini terdahulu daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada satu stesen khas untuk kaum wanita, stesen ini akan dapat membangkitkan pelbagai isu kepentingan wanita. Banyak makluman, ilmu pengetahuan yang boleh disalurkan kepada kaum wanita, khususnya wanita di luar bandar. Saya difahamkan hari ini, ada sembilan *licensee* atau sembilan syarikat yang diberi lesen, harap kerajaan kita dapat memberi satu lagi lesen bagi radio wanita ini. Saya difahamkan, segala persiapan telah pun dibuat dari studionya hingga kepada penganjur atau *sponsorsnya*, hanya menunggu lesen sahaja kerana wanita ini adalah orang yang taat setia dan patuh kepada undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, wanita ini adalah umpama nadi. Kalau kita pergi ke seorang doktor, doktor akan melihat, menengok, merasa nadi kita. Kalau nadi itu elok, maka eloklah tubuh badan kita. Kalau wanita itu menjadi nadi keluarga, untuk menjadi nadi yang baik, ia perlu ilmu pengetahuan. Kita perlukan radio ini untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada wanita yang menjadi nadi keluarga ini. Keluarga ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, adalah unit yang sehabis kecil di dalam masyarakat. Kalau eloklah keluarga ini, maka eloklah masyarakat, kerana juga himpunan masyarakat ini menjadi satu kampung dan himpunan kampung menjadi satu daerah. Himpunan daerah menjadi satu negeri dan akhirnya himpunan negeri menjadi satu negara. Kalau eloknya wanita, maka eloklah negara. Tuan Yang di-Pertua, beralih pula tentang.....

**Tuan Jimmy Lim Donald:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Aman.

**Datuk Napsiah binti Omar:** Silakan.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan. Saya ingin tahulah, saya *curious* mendengar ucapan Yang Berhormat yang begitu menarik. Saya nampak pada akhir-akhir ini, radio dan televisyen dikuasai oleh kaum wanita. Kalau tidak rancangan yang berkaitan dengan wanita, ataupun wajah wanita ataupun pendapat wanita, jadi orang tidak mahu tengok nampaknya. Oleh kerana itu, saya nampak makin sehari makin ramai. Jadi, apakah kelebihan yang akan kita dapat kalaulah kita mewujudkan satu radio yang memang 100% khas untuk wanita.

**Datuk Napsiah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya wanita ini bukan orang yang kedekut. Kalau sudah ada satu stesen radio wanita, kita akan bincangkan segala perkara, berkait juga dengan kaum bapa sebab dalam keluarga itu mesti ada ibu dan mesti ada bapa. Jadi, apa cerita kita akan bangkitkan dari janin dalam perut ibu sampailah ke lubang liang lahad kita akan bawa cerita. Jadi, itulah sebabnya kalau kita pohon satu radio wanita ini, sama-samalah kita mendengar nanti siaran-siarannya. Sampai nanti ke hulu, ke pedalaman di Sarawak nanti. Jadi, sama-samalah kita memohon untuk mendapatkan lesen untuk radio wanita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula bercakap tentang undang-undang yang saya berharap kerajaan akan mengkaji senario hari ini. Yang penting rasa saya hari ini bagi kaum wanita ialah keselamatan. Kepada wanita, keselamatan adalah perkara yang diutamakan. Ibu-ibu merasa tidak senang hari ini bila hendak melepaskan anak-anak mereka ke sekolah kerana banyak perkara yang berlaku hari ini yang rasa saya tidak menyenangkan kita. Bunuh, rogol, rogol dan bunuh, *gang rape* dan sebagainya, berlaku di negara kita ini. Saya mohon kepada kerajaan dan untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, pada penghujung sesi Parlimen yang akhir dahulu, kita wanita-wanita Parlimen telah bergabung tenaga untuk bersama-sama mengutuk perbuatan-perbuatan yang berlaku, jenayah yang berlaku di dalam negara kita ini.

Jadi hari ini saya mohonlah kepada kerajaan untuk meminda undang-undang yang perlu. Saya faham kerajaan telah pun mula meminda beberapa undang-undang yang berkaitan dengan rogol dan sebagainya sejak tahun 1989 lagi tetapi nampaknya keadaan tidaklah reda. Apa yang kita lihat hari ini amat mengerikan, membimbangkan. Tiap-tiap hari ada sahaja berita atau laporan yang tidak menyenangkan kami sebagai ibu dan wanita.

Keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak nampaknya meningkat. Rogol dan bunuh serta rogol secara bergilir-gilir berlaku. Kepada anak-anak kita yang berumur belasan tahun, rogol juga adalah satu jenayah keganasan yang menggunakan seks sebagai senjata, selalunya untuk membuktikan kekuatan dan kuasa seseorang lelaki itu terhadap mangsanya.

Saya difahamkan juga semasa membaca surat khabar semalam atau pada hari Sabtu yang lalu, Ketua Polis di negeri Kelantan juga telah menyatakan iaitu trend ini meningkat juga di negeri Kelantan. Dan apa yang lagi aneh ialah di negeri Kelantan juga didapati trend yang meningkat ialah 'haruan makan anak'. Yang ini berleluasa juga.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *Astaghfirullah halazim.*

**Datuk Napsiah binti Omar:** Ada yang melakukan perbuatan ini di negara kita ini dengan dilaporkan kepada pihak polis bahawa perbuatan yang keji ini dilakukan terhadap kanak-kanak yang merupakan anak sendiri yang berumur tiga tahun. Jadi saya mohonlah kepada kerajaan, *review the law* atau kaji semula undang-undang ini, pinda undang-undang ini di mana perlu, diperkukuhkan undang-undang ini di mana perlu dan juga diubahsuaikan undang-undang ini di mana perlu supaya perogol-perogol ini dihukum dan mangsa-mangsa diberi jagaan yang prihatin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas keprihatinan mereka terhadap kumpulan ibu tunggal kerana hari ini dalam Bajet yang baru ini, ibu-ibu tunggal ini diberi peluang untuk membeli rumah dengan diskaun 20%. Ini adalah satu-satunya perbuatan atau perkara yang baik di dalam Bajet ini. Hanya saya ingin menyatakan, Tuan Yang di-Pertua, mengikut perhitungan saya, kalau tidak silaplah, bilangan atau angka ibu tunggal ini, di dalam negara kita ini lebih kurang 700,000 orang.

Saya ingin bertanya, bagaimanakah mereka ini menjadi ibu tunggal? Saya perhatikan ada tiga kategori ibu tunggal. Kategori yang pertamanya mereka menjadi ibu tunggal ialah bila suami mereka meninggal dunia; kategori kedua ialah bila suami menceraikan mereka; dan kategori ketiga ialah bila suami menghilangkan diri. Kalau suami itu meninggal dunia, kita doakanlah sama-sama supaya Allah S.W.T mencucuri rahmat ke atas roh mereka tetapi bagi kategori kedua dan ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mereka inilah yang banyak meninggalkan masalah-masalah kesengsaraan kepada kaum wanita kerana tanpa mereka ini anak-anak mereka terpaksa dijaga oleh ibu-ibu tunggal ini dan kerajaan kena pula mengadakan tabung-tabung kemiskinan untuk menyara anak-anak ini.

Saya ingin mencadangkan, Tuan Yang di-pertua, bagi kategori kedua dan ketiga ini, kita cari mereka hingga sampai ke lubang cacing kerana kalau mereka ini yang bernama suami, bernama bapa, mereka ini ada tanggungjawab *[Disampuk]* Tidak pula, kita sayang semua suami ini, Yang Berhormat, bukan tidak sayang. Tanyalah semua wanita, siapa yang tidak sayangkan suami? Semua sayangkan suami, hanya suami sahaja tidak sayangkan isteri *[Disampuk]* Kebanyakannya ialah suami meninggalkan isteri. Itu ada juga tetapi yang saya memang rasa terguris hati, sebenarnya di kawasan saya memang berlaku dan kes ini memang kes dalam mahkamah. Dia hendak kahwin lagi satu.

Kalau hendak kahwin lagi satu, eloklah letakkan baik-baik sebelum dibuat sesuatu. Berbincanglah dengan baik-baik. Kenapa di waktu hendak kahwin, oh, bukan main manis kata-kata. Oooh, oooh, oooh, memang manis kata-kata *[Dewan gamat dengan ketawa]* *[Disampuk]* Tetapi ya, sekarang ini siap pakai dengan SMS sahaja – “*Aku ceraikan engkau*”. Saya minta kerajaan buat undang-undang. Kalau tidak ada undang-undang, buat undang-undang supaya mereka ini patut dihukum. Ya, dihukum! Kalau datang kerana hendak menikah dengan seorang wanita itu, tujuh dulang, dua belas dulang, datang mengiring tetapi bila hendak diceraikan.... uuuh, diketepikan begitu sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Uuuh!

**Datuk Napsiah binti Omar:** Ini tidak boleh diterima oleh kaum wanita.

Tuan Yang di-Petua, di England, di Britain, saya difahamkan ada satu undang-undang di mana setiap orang itu yang menjadi bapa dikenakan tanggungjawab mereka adalah untuk menyara anak-anak ini. Jadi tiap-tiap orang yang bernama bapa atau ayah, diwajibkan di negara kita ini untuk menyara anak-anak mereka. Seragamkanlah undang-undang keluarga. Yang ini saya pohonlah kepada kerajaan sekali lagi, seragamkanlah undang-undang keluarga kerana yang teraniaya ialah wanita.

Kalau satu keputusan dibuat misalnya di Kedah dan suaminya itu lari ke negeri Johor, maka undang-undang atau keputusan mahkamah di negeri Kedah ini tidak dapat dikuatkuasakan di negeri Johor. Maka saya mohon kepada kerajaan supaya lebih prihatin, kepada pihak-pihak yang berkuasa dipercepatkanlah, diseragamkanlah undang-undang ini supaya mengurangkan kesengsaraan ibu-ibu tunggal ini. Janganlah kita zalimi ibu-ibu ini, janganlah kita aniaya ibu-ibu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kerajaan sampai mengadakan diskaun 20% kepada wanita yang hendak membeli rumah, kalau ada ibu-ibu tunggal yang hendak membeli rumah tetapi saya ingin juga menambah kepada wanita-wanita yang tidak bersuami, yang sudah berumur, mereka juga perlukan rumah. Dan juga kemudahan ini harus dan patut diberikan juga kepada wanita yang tidak bersuami tetapi mereka juga perlukan rumah. Mereka tidak bersuami kerana kadang-kadang mereka terpaksa menjaga ibu bapa yang sudah tua hinggalah mereka tidak bersuami.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak banyak lagi perkara yang hendak saya sampaikan. Hanya satu lagi perkara ialah berkenaan dengan trend yang juga membimbangkan kami iaitu berkenaan dengan hubungan statistik yang menyatakan angka-angka wanita yang dijangkiti dengan virus HIV, nampaknya ini sudah meningkat. Dari tahun 1990 didapati hanya 9 orang sahaja yang dijangkiti dengan virus HIV ini tetapi dalam tahun 2001, 629 kes HIV dan didapati dalam tahun 1990 daripada tiada orang yang dapat penyakit AIDS ini, hari dalam tahun 2002 ada seramai 125 orang yang mengidap penyakit AIDS.

Saya juga ingin menyatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu yang merundingkan saya ialah di kalangan ibu mengandung didapati 79 wanita yang mendapat virus HIV ini, dan selalunya anak-anak mereka juga akan dijangkiti dengan virus ini. Apa akan terjadi kepada bangsa kita sekiranya anak-anak dijangkiti dengan virus ini. Berapa tahun kah umur mereka dan berapa lama kah mereka dapat hidup di dunia ini.

Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, yang agak merundingkan saya ialah angka-angka ini menunjukkan begitu ramai orang Melayu yang dijangkiti virus HIV ini iaitu lebih kurang 54.8%. Orang Cina hanya 15.1% sahaja. Jadi, tolonglah - sekali lagi saya menyeru kepada kaum bapa terutamanya mereka yang dinamakan suami, tolonglah berjaga-jaga sedikit supaya jangan sampai isteri yang tidak berdosa dijangkiti oleh virus-virus ini.

Saya difahamkan di dalam negara kita daripada jumlah kes 51,256 orang yang dijangkiti HIV virus, 20,661 orang adalah orang yang berpendapatan kurang daripada RM1,000, seramai 7,000 orang atau 15.5% adalah orang yang tidak ada pekerjaan, 4.9% adalah terdiri daripada mereka yang bekerja di kilang-kilang, 4.3% adalah nelayan-nelayan dan 2.2% adalah mereka yang dikatakan pemandu *long distances* atau pemandu jarak jauh.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan, di dalam aktiviti untuk menguji atau *screen testing* ataupun untuk ujian terhadap penyakit ini kepada masyarakat, kita dapati iaitu hanya lebih kurang 305 orang sahaja pekerja sek yang mahu tampil ke hadapan untuk mendapatkan ujian ini tetapi saya difahamkan didapati darah mereka adalah positif mempunyai virus HIV.

Jadi apa yang saya harap, negara kita sudah maju dan kita telah pun merdeka begitu lama. Kemajuan ini akan menjadi hampa kalau rakyatnya tidak sihat untuk menikmati kemajuan yang telah pun kita capai begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan satu lagi perkara iaitu rasa saya ini adalah penting juga kerana saya juga menjadi mangsanya iaitu berkenaan dengan menggunakan kad kredit. Memandangkan kita sedang menggalakkan pelancongan di negara kita ini, rasa saya adalah penting bagi kita untuk mengikut trend di dalam dunia ini. Saya difahamkan di Eropah sudah mula kad kredit ini ditukar. Kita masih lagi menggunakan kad kredit jalur magnetik. Ada sesetengahnya telah pun bertukar untuk menjadi kad menggunakan cip tetapi persekitaran industri kewangan global hari ini sudah pun berubah. Hari ini piawaian European Mastercard Visa (EMV) dikatakan dengan teknologi terkini yang canggih yang dapat menangani masalah penipuan kad kredit ini.

Dalam hal ini, industri kewangan negara juga perlu mengambil langkah segera yang seiring dengan perkembangan global dengan melakukan penghijrahan sepenuhnya kepada piawaian EMV. Saya ingin bertanya, apakah langkah kerajaan untuk memastikan industri kewangan negara sedia untuk melakukan penghijrahan sepenuhnya kepada piawaian EMV ini. Adakah perlu diberi kebebasan kepada setiap peserta industri untuk

mengambil pendekatan mereka secara individu atau satu mekanisme bersepadu diwujudkan ke arah melicinkan peralihan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengambil masa yang lebihnya tetapi adalah penting bagi saya juga untuk menyatakan di sini kadangkala agak berdesing juga di telinga saya dalam Dewan ini kerana bila mendengar ucapan-ucapan sahabat-sahabat kita daripada sebelah sana, selalunya sahabat-sahabat ini tidak ada apa pun yang baik langsung berkenaan dengan kerajaan kita hari ini. Kerajaan Barisan Nasional ini telah wujud sekian lama dan begitu mewah negara kita ini. Kalau ada orang mengatakan tidak mewalah negara ini, rasa saya itu adalah satu pembohongan, dengan izin, itu memang betul, pembohongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah sebelum saya duduk, saya memberi satu ungkap pantun.

Tuan Yang di-Pertua,

*Cakap bukan sebarang cakap orang di sana,  
Cakap biarlah dialas kain cendini,  
Kalau tidak dek Barisan Nasional,  
Jangan mimpi Malaysia hendak makmur sebegini.*

Sekian sahaja dan Kuala Pilah menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Gelang Patah.

**12.38 tgh.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, beberapa cadangan untuk menghargai kecemerlangan Perkhidmatan Awam telah dibentangkan dalam Ucapan Bajet 2004 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia. Saya menyokong sepenuhnya cadangan-cadangan berkenaan. Anggota-anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan komited dalam proses pembangunan negara memang patut dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita meneliti kandungan ucapan Bajet 2004, kita akan dapati bahawa banyak cadangan telah dikemukakan untuk menjadikan Malaysia sebagai *global player*, dengan izin, di arena antarabangsa. Untuk mencapai matlamat ini, anggota-anggota Perkhidmatan Awam secara keseluruhannya perlu terus mengejar kecemerlangan dalam perkhidmatan ke arah menjadikan Perkhidmatan Awam negara ini salah satu Perkhidmatan Awam yang terunggul di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, para pemimpin negara telah banyak kali membuat pengakuan secara terbuka bahawa masih terdapat segelintir anggota Perkhidmatan Awam yang masih menunjukkan mutu perkhidmatan yang kurang memuaskan.

Kata pepatah, '*sebab nila setitik, rosak susu sebelanga*'. Kerajaan perlu memandang serius masalah yang ditimbulkan oleh segelintir perkhidmatan awam ini sebelum mereka merosakkan imej perkhidmatan awam secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini membangkitkan satu kejadian yang pada pendapat saya menunjukkan kekurangan profesionalisme di kalangan beberapa orang anggota polis. Kejadian ini berlaku di Johor Bahru baru-baru ini. Mangsa-mangsa yang terlibat telah membuat pengaduan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri.

Kejadian ini berhubung dengan satu operasi pihak polis pada 10 Ogos yang lepas untuk menumpaskan satu sindiket perjudian terancang empat nombor ekor haram di Johor Bahru. Dalam operasi tersebut Tuan Yang di-Pertua, sepasang suami isteri yang mempunyai pekerjaan profesional, yang tidak pernah membeli empat nombor ekor telah ditangkap.

Suami yang bernama Ngu Kee Kui yang merupakan seorang penulis program komputer serta isterinya yang merupakan seorang *speech therapist* telah ditangkap kerana

disyaki terbabit dengan kegiatan perjudian empat nombor ekor haram. Saya juga telah difahamkan oleh Encik Ngu bahawa dalam operasi tersebut, sepasang suami isteri lain yang merupakan pengajar di sebuah pusat tuisyen juga turut ditangkap dalam satu serbuan yang berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa kejadian salah tangkap tidak dapat dielakkan 100%. Manusia manalah yang tidak melakukan kesilapan. Walau bagaimanapun kesilapan yang terlalu ketara tidak sepatutnya dilakukan oleh mana-mana anggota polis kerana ini hanya akan menunjukkan mereka tidak profesional dalam menjalankan tugas.

Utusan Malaysia pada 13 Ogos, 2003 telah melaporkan operasi tersebut. Ketua Polis Johor, Dato' Musa Hassan dilaporkan telah memberitahu dalam satu sidang akhbar bahawa operasi tersebut dijalankan oleh polis setelah lama menjalankan intipan.

Tuan Yang di-Pertua, menurut percakapan saya dengan Encik Ngu Kee Kui, detektif-detektif polis telah membawa alat-alat pemotong ketika memasuki rumahnya secara paksa dan tanpa waran. Saya memang percaya bahawa operasi tersebut adalah terancang. Yang membuat saya merasa kurang senang hati ialah kualiti kerja-kerja intipan yang dikatakan telah lama dijalankan sebelum operasi.

Kenapakah anggota-anggota polis yang dikatakan telah lama mengintip tentang kegiatan haram itu tidak dapat menjumpai sebarang bukti dalam rumah Encik Ngu yang dapat mengaitkan beliau serta isterinya dengan kegiatan haram tersebut. Ini sebenarnya menggambarkan bahawa anggota-anggota polis yang menjalankan tugas pengintipan tidak membuat kerja dengan bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, apabila didapati rumah yang diserbu bukanlah sasaran yang betul, pihak polis sepatutnya memohon maaf daripada tuan rumah yang berkenaan, seperti yang saya katakan tadi, manusia mana yang tidak membuat kesilapan. Dukacitanya, anggota-anggota polis yang menyerbu rumah Encik Ngu bukan sahaja tidak memohon maaf apabila gagal mengesan sebarang bukti aktiviti perjudian haram, sebaliknya telah menangkap Encik Ngu dan isterinya serta merampas komputer dan faks mesin mereka.

Bukan itu sahaja, pihak polis juga cuba memohon di bawah Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah untuk memanjangkan tempoh penahanan mereka. Mujurnya Tuan Majistret, Yang Arif yang mendengar permohonan di bawah Seksyen 117 tersebut pada 11 Ogos telah dapat segera mengenal pasti bahawa ini merupakan satu kes salah tangkap. Encik Ngu dan isterinya dibebaskan serta-merta oleh Tuan Majistret. Begitu juga dengan pasangan suami isteri yang mengajar di pusat tuisyen yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip Rukun Negara yang keempat ialah Kedaulatan Undang-undang. Semua rakyat Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang termasuk anggota-anggota polis yang merupakan penguat kuasa undang-undang. Anggota-anggota polis perlu sentiasa bertindak menurut peruntukan undang-undang untuk melindungi orang awam. Apabila undang-undang memberi kuasa kepada pihak polis untuk mengambil sesuatu tindakan, katakan, menyerbu masuk ke dalam rumah yang disyaki terbabit dengan kegiatan jenayah, anggota-anggota polis yang berkenaan mesti menggunakan kuasa tersebut dengan munasabah dan profesional. Janganlah kuasa tersebut digunakan secara tidak bertanggungjawab sehingga mengganggu kehidupan dan menyusahkan orang awam yang tidak melakukan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak yang berkenaan dapat memandang serius tentang kejadian sedemikian. Sekiranya kejadian seumpama ini dibiarkan berlaku dengan kerap akan menjadi sukar kepada pihak polis untuk memelihara imej profesional Pasukan Polis Diraja Malaysia.

Dato' Musa Hasan langsung tidak menyentuh tentang salah tangkap dua pasang suami isteri tersebut dalam sidang akhbar berkenaan operasi polis. Namun ini tidak dapat menutup sepenuhnya kes salah tangkap ini daripada diketahui oleh orang awam, saudara mara, kawan-kawan dan jiran-jiran mangsa yang berkenaan tentu akan dapat tahu tentang apa yang telah berlaku. Cara yang paling baik untuk menjaga imej pihak polis ialah dengan mengurangkan kekerapan berlakunya penangkapan salah sebegini.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes salah tangkap yang seumpama ini menimbulkan persoalan tentang pembaziran masa dan tenaga yang terlibat dalam pengintipan polis. Sebenarnya bukan sahaja wang negara telah dibazirkan oleh segelintir anggota polis yang tidak cekap, Tuan Majistret juga terpaksa membazirkan masa untuk mendengar permohonan Seksyen 117 yang tidak berasas. Mangsa-mangsa kes salah tangkap juga mengalami kerugian masa dan pendapatan di samping kecederaan emosi yang mengambil masa yang panjang untuk disembuhkan. Tiada mana-mana pihak yang memperoleh faedah dalam kes salah tangkap.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa yang saya katakan tadi, adalah berkenaan dengan kes salah tangkap oleh pihak polis, saya percaya masalah penyelewengan dan bertindak dengan tidak profesional juga wujud dalam agensi-agensi penguat kuasa undang-undang yang lain. Satu contoh daripadanya ialah tindakan dua orang pegawai penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang mengeluarkan kompaun kepada satu pasangan yang duduk berdua-duaan di Taman KLCC.

Isu ini telah menjadi berita hangat pada awal bulan Ogos yang lepas Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet Tahun 2004 telah mengatakan bahawa Malaysia kini dianggap sebagai contoh kepada negara membangun.

Pegawai dan pakar kita telah diundang untuk memberi nasihat dalam pelbagai urusan pentadbiran dan pembangunan di negara lain. Kita patut merasa bangga dengan pengiktirafan ini. Pada masa yang sama kerajaan masih perlu memandang serius tentang perbuatan segelintir kakitangan awam yang masih tidak cukup profesional atau sengaja menyalahgunakan kuasa, walaupun bilangan mereka yang terlibat tidak banyak, ini tetap merupakan satu kecacatan dalam kecemerlangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyatakan sokongan saya terhadap pandangan Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Baru-baru ini bahawa kuasa yang diberikan kepada pendakwa raya di bawah Artikel 145 Perlembagaan Malaysia perlu dihadkan dalam keadaan tertentu. Seperti mana yang kita sedia maklum, pada masa sekarang pendakwa raya mempunyai kuasa yang tidak terhad untuk membuat keputusan berkenaan, permulaan perjalanan dan pemberhentian sesuatu pendakwaan. Seperti mana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kabinet yang telah diberikan budi bicara yang luas untuk mentadbirkan negara juga perlu menerangkan kepada Parlimen tentang sesuatu keputusan yang diambil. Maka adalah kurang munasabah sekiranya pendakwa raya boleh membuat keputusan yang mutlak berhubung dengan sesuatu pendakwaan tanpa perlu bertanggungjawab kepada mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya sudah tiba masanya untuk pihak kerajaan memberikan penekanan yang lebih terhadap isu ketelusan dalam pentadbiran negara. Sekiranya kita telah menerima kedaulatan undang-undang sebagai prinsip Rukun Negara maka negara ini perlu ditadbirkan dengan semangat kedaulatan undang-undang. Mekanisme yang sesuai perlu diwujudkan untuk memantau setiap keputusan dan tindakan yang dibuat di setiap peringkat kerajaan. Kalau dalam soal ekonomi, rakyat Malaysia dikatakan telah berjaya melakukan anjakan paradigma minda, saya berharap anjakan yang serupa juga akan berlaku dalam perkhidmatan awam, profesionalisme dan ketelusan perlu sentiasa diutamakan dalam pentadbiran negara.

Tuan Yang di-Pertua, kehakiman di negara ini juga menarik perhatian umum kebelakangan ini, berikutan soal pelantikan dan kenaikan pangkat hakim-hakim yang dibangkitkan oleh Majlis Peguam Malaysia. Setahu saya pihak Majlis Peguam Malaysia akan mengadakan satu mesyuarat agung luar biasa pada awal bulan Oktober untuk membincangkan isu ini. Saya berharap pihak kerajaan untuk dapat memandang serius isu ini, sekiranya Malaysia benar-benar berhasrat untuk menjadi satu *global player* yang dihormati, pelantikan dan kenaikan pangkat hakim-hakim perlu dilakukan dengan setelus yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia ekonomi yang penuh dengan persaingan pada masa sekarang, faktor kestabilan politik tidak lagi menjadi faktor penarikan pelaburan yang mutlak. Para pelabur terutamanya pelabur luar negara akan mempertimbangkan risiko yang

berkaitan dengan undang-undang sebelum melakukan pelaburan di Malaysia. Pendek kata kita memerlukan undang-undang yang sempurna untuk mewujudkan persekitaran pelaburan yang menarik. Kita juga memerlukan penguat kuasa undang-undang yang profesional, bersih, cekap dan amanah. Selain daripada itu kita juga memerlukan hakim-hakim yang dapat menginterpretasikan dan menjelaskan undang-undang dengan bebas dan adil.

Pada pendapat saya cara yang paling baik untuk meyakinkan para pelabur bahawa kita mempunyai kesemua ini ialah dengan memastikan setiap proses pentadbiran negara dilaksanakan dengan telus. Proses-proses ini termasuklah proses penggubalan undang-undang, penguatkuasaan undang-undang dan pelantikan hakim-hakim.

Tuan Yang di-Pertua, para hakim perlu dibantu oleh peguam-peguam dalam proses menginterpretasikan undang-undang. Oleh itu kita juga perlu memastikan peguam-peguam dapat membentangkan penghujahan masing-masing dalam mahkamah tanpa rasa takut atau bimbang. Dalam soal ini saya ingin berbincang sedikit tentang prosedur menghukum seorang peguam kerana menghina mahkamah. Baru-baru ini saya telah berpeluang bertukar pendapat dengan seorang ahli politik negara India, beliau adalah seorang peguam ketika saya melawat India untuk Mesyuarat tentang HIV/AIDS atas urusan rasmi. Dalam perbualan dengan beliau saya telah mendapati bahawa negara India mempunyai satu garis panduan yang jelas bagi menghukum peguam-peguam yang dikatakan telah menghina mahkamah.

Setahu saya di Malaysia kita masih belum mempunyai garis panduan atau peraturan sedemikian sehinggakan hakim-hakim kita nampaknya mempunyai kuasa yang besar untuk menghukum seseorang peguam yang dikatakan telah bersalah kerana *contempt of court*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya ini merupakan satu keadaan yang kurang memuaskan. Berbalik kepada prinsip kedaulatan undang-undang dan ketelusan yang saya katakan tadi, saya berpendapat satu garis panduan perlu digubal, untuk menetapkan kriteria-kriteria dan prosedur-prosedur berkenaan penghukuman peguam kerana menghina mahkamah atau melakukan *contempt of court*. Pada hemat saya kalau kita benar-benar ingin mendaulatkan undang-undang, kita juga perlu mempunyai peguam-peguam yang berani mempertahankan hak-hak anak guam masing-masing, menurut undang-undang. Proses menghukum seseorang peguam atas alasan telah menghina mahkamah hendaklah dilakukan dengan telus dan berdasarkan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sipitang bangun.

**Tuan Chang See Ten:** Ya.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Jacob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih jiran Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Saya begitu bersetuju dengan hujah-hujah beliau mengenai dengan prestasi hakim-hakim dan juga prestasi Peguam Negara kita. Memang salah satu yang penting untuk pelaburan luar datang ke negara kita ialah integriti sistem kehakiman dan juga keupayaan peguam-peguam kita. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa peguam kita mungkin kurang cekap. Saya bukan ingin menjatuhkan maruah peguam kita, memang peguam kita ini baik tetapi kurang cekap dalam bidang tertentu, misalnya undang-undang antarabangsa ataupun sistem perniagaan antarabangsa yang tidak boleh mempertahankan syarikat-syarikat luar dan syarikat luar ini bila melabur di Malaysia terpaksa mencari peguam luar negara untuk masuk ke negara kita.

Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya peguam-peguam negara ini mesti juga cekap dalam bidang-bidang korporat antarabangsa, supaya mereka ini boleh memberi khidmat bukan sahaja kepada peniaga dalam negara tetapi juga khidmat kepada peniaga luar negara, supaya peniaga ini tidak payah membawa peguam daripada luar negara yang begitu mahal. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sipitang jiran saya. Kemungkinan ini adalah kerana peguam di negara kita yang kurang mendapat pendedahan iaitu *exposure* di antara

perundangan antarabangsa dan kemungkinan ini adalah masih ada kelemahan dan saya yakin dan percaya dengan usaha pihak peguam dan pihak kerajaan dalam bidang pendidikan, kita harap kualiti mereka akan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi baru berkata iaitu proses menghukum seseorang peguam atas alasan telah menghina mahkamah hendaklah dilakukan dengan telus dan berdasarkan garis panduan yang jelas. Saya percaya ini akan dapat menjadikan peguam-peguam kita lebih berani untuk berhujah demi keadilan. Ini sebenarnya juga merupakan satu aspek yang penting dalam proses pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya katakan hari ini banyak menyentuh tentang kedaulatan undang-undang. Pada pendapat saya demi menjadi sebuah negara perdagangan, kita perlu mempunyai kerajaan yang telus dalam semua segi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup boleh sambung pada petang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat disambung semula. Minta Yang Berhormat bagi Gelang Patah meneruskan ucapan. Yang Berhormat ada 8 minit lagi.

**2.32 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Tuan Yang di-Pertua, selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya katakan pagi tadi banyak menyentuh tentang kedaulatan undang-undang. Pada pendapat saya, demi menjadikan Malaysia sebuah negara perdagangan, kita perlu mempunyai kerajaan yang telus dalam semua segi, yang memerintah negara tertakluk kepada undang-undang dan bukannya memerintah menggunakan undang-undang.

Walaupun kita mengharapkan sektor swasta akan menerajui pertumbuhan ekonomi pada tahun-tahun akan datang, Bajet 2004 juga mencadangkan agar kita dapat terus menarik pelaburan langsung asing atau FDI terutamanya ke sektor perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Saya percaya pelabur-pelabur asing akan mengambil kira faktor-faktor seperti profesionalisme perkhidmatan awam dan ketelusan dalam pentadbiran negara sebelum membuat keputusan sama ada untuk melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, slogan '*Malaysia Boleh*' telah begitu kerap dilaungkan oleh para pemimpin mahu pun rakyat jelata. Marilah kita bersama-sama menjadikan Malaysia sebuah syurga pelaburan dan negara perdagangan yang mengamalkan profesionalisme dan ketelusan dalam semua aspek. Marilah kita bersama-sama membangunkan negara berprinsipkan kedaulatan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil peluang ini untuk meminta pihak kerajaan supaya dalam usaha memodenkan 452 kampung baru di Malaysia ini, yang mana penduduk di Semenanjung Malaysia daripada 452 kampung baru, ada lebih kurang 1.6 juta orang dan mereka adalah penyokong kuat kepada Kerajaan Barisan Nasional. Saya harap pihak kerajaan mempertingkatkan peruntukan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dalam usaha memodenkan kampung-kampung baru, yang saya sebutkan tadi itu, menjadikan satu kampung yang moden sejajar dengan kehendak Wawasan 2020. Bila Malaysia menjadi Malaysia yang moden, kampung baru pun menjadi kampung yang moden.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya kita semua tahu dalam Bajet 2004 ini, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan untuk mengadakan 'Bon Merdeka' untuk golongan pesara polis dan tentera. Saya harap anggota bomba dan penyelamat, mereka pun memberikan banyak usaha dalam kerja mereka,

mereka pun perlu dimasukkan dalam golongan ini, yang mana akan dapat manfaat daripada penerbitan 'Bon Merdeka' oleh Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, satu perkara yang saya sentiasa bangkitkan iaitu saya mengesyorkan Kementerian Pendidikan mempertimbangkan cadangan menukar semua sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil bantuan modal kepada bantuan penuh kerajaan. Saya menyokong penuh cadangan Yang Berhormat bagi Sri Gading yang telah membuat cadangan ini dan ini adalah satu kes yang penting untuk menyatupadukan rakyat jelata berbilang kaum di negara kita ini, supaya semua kaum berasa kepentingan mereka sentiasa dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menukarkan semua sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil kepada bantuan penuh, akan dapat membantu Wawasan kerajaan, mempererat lagi hubungan perpaduan antara kaum dan selaras dengan dasar menerapkan semangat bangsa Malaysia di kalangan generasi muda. Langkah ini secara tidak langsung akan menunjukkan pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan masyarakat Cina dan India dalam negara ini dalam pembangunan sosioekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini di mana kita dapati masih banyak sekolah jenis kebangsaan Cina yang mana bangunan sudah uzur. Ada yang dibina pada tahun 50-an, yang mana bangunan ada yang telah diiktiraf oleh pihak JKR sudah tidak selamat untuk pelajar-pelajar belajar di sekolah itu. Saya harap Kementerian Pendidikan dapat menambahkan peruntukan kepada mereka.

Pada tahun 2002, apa yang saya dapat maklumat, iaitu peruntukan untuk sekolah bantuan modal, sama ada jenis kebangsaan Cina atau Tamil, adalah cuma 10 juta sahaja. Dalam Bajet 2004 ini, saya harap dapat maklumat daripada pihak Kementerian Pendidikan, berapa banyak akan diberikan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil jenis bantuan modal. Di sini, dalam kawasan ini, saya ingin meminta supaya pihak Kementerian Pendidikan memasukkan projek untuk membina sebuah bangunan tiga tingkat untuk 12 kelas bilik darjah di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ping Ming, Kampung Baru Lima Kedai, yang kita sudah pohon dan sekarang pihak Kementerian Pendidikan sudah beri jawapan bahawa akan masuk dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Tetapi baru-baru ini diberitahu oleh seorang pegawai dari Jabatan Pendidikan di negeri Johor bahawa kemungkinan ia cuma akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya harap pihak Kementerian Pendidikan mengambil perhatian tentang kes ini.

Yang satu lagi, saya pernah meminta supaya pihak Kementerian Pendidikan membina sebuah bangunan tiga tingkat untuk menempatkan 12 buah bilik darjah di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Ching Yih, Ulu Choh ini adalah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Bantuan Penuh, yang mana saya harap pihak Kementerian Pendidikan dapat memberikan jawapan. Sehingga sekarang saya masih belum mendapat apa-apa jawapan daripada Kementerian Pendidikan selepas membuat permohonan pada tahun lalu bersama-sama dengan usaha daripada pihak Jemaah Pengurus Sekolah itu. Oleh kerana sekolah itu dibina pada tahun 1950-an dan bangunan juga sudah uzur, saya harap pihak Kementerian Pendidikan mengambil kira kehendak itu.

Dengan kata-kata demikian, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya pohon menyokong Bajet 2004. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

**2.41 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi sedikit peluang kepada saya untuk sama-sama berucap untuk membahaskan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada minggu lepas.

Sewaktu sesi soal jawab dua tiga hari yang lepas, Ahli Parlimen bagi Lumut telah merungut terlalu lama mengenai projek jambatan baru Sungai Kiram Lekir yang dibangkitkan di dalam Dewan ini, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun

memberikan jawapan dengan baik. Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menunaikan tanggungjawab merasmikan Jambatan Sultan Ismail Petra di Pasir Mas pada minggu lepas, dan saya hendak mengucapkan terima kasih, khususnya kepada UMNO kerana telah berjaya menyampaikan hasrat Perdana Menteri sebelum ini, iaitu di mana hasrat beliau supaya orang-orang UMNO khususnya tidak memakai kopiah putih ataupun pegawai-pegawai kerajaan dilarang memakai kopiah putih.

Sebelum ini kita telah mendengar rungutan-rungutan dan arahan-arahan mulut daripada guru-guru sekolah khususnya, terutamanya di Kelantan tetapi ramai yang tidak percaya. Akhirnya saya telah mendapat satu salinan surat yang telah dihantarkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob selaku Setiausaha Agung UMNO, yang telah menghantar surat kepada semua Ketua-ketua Badan Perhubungan UMNO yang menerangkan tentang apa yang saya sebutkan tadi.

Di sini saya hendak petikkan sedikit isi surat tersebut sebagai merakamkan ucapan terima kasih kerana beliau telah berjaya. Sewaktu pelancaran perasmian jambatan baru-baru ini, kita melihat, boleh dikatakan tidak ada langsung orang-orang UMNO atau pegawai-pegawai kerajaan yang pro-UMNO yang sanggup memakai kopiah putih di dalam majlis tersebut. Barangkali oleh kerana mematuhi surat ataupun arahan yang dibuat oleh Setiausaha Agung UMNO ini.

Surat ini bertarikh 28 Julai 2003 bertajuk "*Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri - Merujuk kepada Mesyuarat Pengurusan Parti pada 25 Julai yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi merangkap Timbalan Perdana Menteri, keputusan telah dipersetujui semasa program lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad ke negeri-negeri dan program-program rasmi kerajaan, dikehendaki kehadiran peserta program, terutama ahli-ahli parti UMNO dan Barisan Nasional dan kakitangan kerajaan tidak dikehendaki memakai kopiah putih, berjanggut dan berserban putih kerana pakaian demikian amat tidak disenangi oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, dan begitu juga latar belakang yang berwarna hijau*"

*Oleh yang demikian, diminta kepada Ketua Badan Perhubungan UMNO dan Ketua-ketua Bahagian supaya memaklumkan kepada ahli-ahli bawahan serta Ketua Badan Perhubungan yang menerajui kerajaan negeri, dikehendaki menghebahkan perkara ini kepada Ketua-ketua Jabatan di bawah kerajaan negeri masing-masing*".

*"Kerjasama dalam mematuhi arahan amat diperlukan bagi kebaikan dan keutuhan parti dan komponen Barisan Nasional"*.

Ditandatangani oleh Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob dengan salinan kepada semua Ahli Majlis Tertinggi dan Badan-badan Perhubungan UMNO dan pegawai-pegawai kerajaan.

Ini satu perkara yang hendak saya mempertikaikan. Apakah ...

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat. Ada yang bangun, ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Setiu.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih kepada rakan saya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa arahan seumpama ini yang dianggap mungkin bagi UMNO, arahan untuk melarang supaya jangan menyamai pakaian yang dipakai oleh PAS, dan adakah Yang Berhormat setuju bahawa mungkin larangan ini juga bererti bahawa pakaian yang menjadi sunnah Rasulullah S.A.W. juga tidak disetujui oleh UMNO dan Barisan Nasional sendiri.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih. Barangkali anggapan selama ini orang yang memakai kopiah putih ini ialah budaya PAS tetapi sebenarnya

berkopiah putih ini bukan budaya PAS. Ia adalah budaya mereka yang pulang dari menunaikan haji di Mekah. Kita tengok, orang-orang Barisan Nasional sendiri, UMNO sendiri, pernah kita lihat orang yang baru balik dari Mekah, sekurang-kurangnya dia pakai juga sewaktu berada di Malaysia ini dua tiga, empat hari kemudian baru dia tidak pakai.

Ini menunjukkan bahawa bukan orang PAS sahaja yang pakai – pegawai kerajaan kah, orang UMNO kah, bukan orang UMNO sekalipun memang biasa tetapi oleh sebab ada larangan dan saya meragui surat ini, adakah surat ini betul-betul merupakan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun kerana terlalu kuat hendak membodek ataupun hendak 'jack' Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini menyebabkan mereka mengatakan "...Pakaian demikian amat tidak disenangi oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad". Ini satu perkara yang teruk.

Macam Yang Berhormat bagi Sri Gading, kalau dia pakai kopiah, kalau pakai serban, lebih daripada Sheikh Tantawi, Sheikh Al-Azhar kerana muka dia sudah ada mirip muka orang Arab dah...

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, hendak bagi jalan kepada dia?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, sila.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, yang sentiasa pakai songkok hitam.

Nombor satu, kita tidak tahu sama ada surat itu betul ataupun tidak, itu satu. Yang kedua, saya tidak fikir Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad marah dengan orang yang pakai songkok putih ini. Songkok putih atau songkok hitam ini pakaian orang Melayu, bukan pakaian parti. Saya pun pada hari Jumaat pakai jubah, pakai serban, biasa, biasa pakai. Saya pun sudah pergi haji banyak kali, jadi pakailah.

Jadi, pada diri saya, bukanlah pakai songkok putih atau songkok hitam itu berdasarkan parti. Itu berdasarkan kesukaanlah. Macam Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, dia PAS tetapi dia sentiasa pakai songkok hitam. Tidak ada masalah, malahan kami tidak menganggap dia jadi orang UMNO, dia tetaplah PAS. Macam Yang Berhormat bagi Setiu, bukan pakai songkok pun, gondol terus pun. Bagi saya Yang Berhormat bagi Setiu tetap orang PAS. Jadi, saya rasa tidak usahlah Yang Berhormat bagi Rantau Panjang habiskan masa dengan cerita yang remeh-temeh. Buat cerita lainlah – cerita bajetlah. Jadi, saya rasa cuba kita ambil kesimpulan, jangan sedikit punya fasal, apa pun hendak dikutuk Perdana Menteri.

Kadang-kadang saya kasihan dengan Perdana Menteri – bukan salah dia, bukan sebab dia tetapi orang kaitkan dengan dia. Ini yang kita kadang-kadang berlaku zalimlah, tidak adil kepada dia. Lebih-lebih lagi dia seorang tua yang sudah berjasa, pemimpin negara selama lebih 22 tahun, budi dia banyak kepada kita. Di saat-saat akhir ini, tidak bolehkah....Yang Berhormat bagi Rantau Panjang pada permulaan tadi sudah molek, ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri merasmikan jambatan, selepas itu terima kasih kepada UMNO, sudah moleklah itu. Terus sahajalah. Saya ingat....rupanya berbalik semula kepada cerita kopiah, songkok. Jadi, tidak berapa.... buat cerita lainlah, bagi saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang saya pun berasa tidak patut surat ini dikeluarkan kerana takkanlah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sampai ke peringkat ini sekali buat surat, mengarahkan supaya Setiausaha Agung UMNO membuat surat seperti ini. Saya pun berasa terkilan dan memang orang ramai pun berasa ini satu perkara yang remeh-temeh ini diambil berat. Apa salahnya pegawai kerajaan memakai kopiah? Apa salahnya guru-guru pakai kopiah, apa salahnya?

Jangan menganggap mereka ini PAS, pro-PAS. Bukan, itu budaya orang balik dari Mekah sahaja pakai kopiah ini. Biasa, tidak salah tetapi surat ini saya mempertikaikan dan saya cukup merasa sedihlah kalau betul-betul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mengarahkan demikian tetapi Setiausaha Agongnya gatal tangan, gatal tangan sangat membuat surat ini. Terlalu sedihlah saya. Saya pergi kepada perkara lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, perkara lain Yang Berhormat. Perkara itu tidak ada dalam bajet itu.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, ya, ya [*Ketawa*] Ini ada kaitan dengan jambatan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ini perasmian jambatan. Itu ada kaitan. Jambatan ini ada kaitan. Saya hendak menyentuh masalah SAR. Dalam bajet ada masalah SAR ini. Saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya kepada Pengarah Pendidikan Negeri Kelantan yang telah berjaya mengambil guru-guru daripada SAR ini untuk mengajar di sekolah-sekolah kerajaan sama ada sekolah menengah ataupun sekolah rendah. Barangkali hasil daripada gagalannya untuk memindahkan pelajar-pelajar dari SAR ini masuk ke sekolah kerajaan, maka dipindahkan pula guru-guru yang sedang mengajar di sekolah SAR ini dibawa ke sekolah-sekolah kerajaan.

Tetapi yang sedihnya ialah saya melihat surat tawaran ini dibuat oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan yang baru keluar sekarang, 2 September baru-baru ini diedarkan kepada lebih kurang 163 orang yang ditawarkan. Yang menerima lebih kurang 70 orang tetapi kesemua surat ini tawarannya ialah hanya dijadikan sebagai guru sandaran tidak terlatih di sekolahnya. Semua tawaran berbentuk sedemikian.

Ada di antaranya, yang pelik sekali ialah guru-guru yang telah dipecat, yang telah diambil tindakan disiplin oleh pihak Yayasan Islam Kelantan, lima tahun yang lepas diambil balik bekerja dengan kerajaan yang mula mengajar di sekolah kerajaan sekarang ini. Baru lima tahun lepas, guru ini diambil tindakan disiplin kerana mengambil wang yuran peperiksaan – murid-murid hendak ambil peperiksaan PMR – tidak bayar kepada Pejabat Pendidikan, Bahagian Peperiksaan diguna pakai sehingga menyebabkan sebahagian besar murid-murid sekolah SAR ini gagal untuk memasuki peperiksaan.

Guru ini telah pun diambil tindakan disiplin oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK), menganggur selama lima tahun, kemudian diambil berkhidmat, mengambil kesempatan di saat-saat kerajaan hendak mengambil guru-guru YIK ini mengajar di sekolah-sekolah kerajaan, maka orang seperti ini juga "terambil" atau sengaja diambil oleh kerana mereka ini terlalu kuat UMNO, hasil daripada menganggur selama lima tahun. Saya ada bukti nama-nama ini.

Kemudian mereka sekarang ini diletakkan dan dahulunya mengajar di Tanah Merah, di sekolah Arab atau sekolah SAR di Bukit Mas, seorang. Seorang lagi di sekolah ..., di Sungai Sor. Yang pelik lagi salah seorangnya ialah guru yang telah berhenti selama lima tahun, bekerja sebagai Pegawai Seranta KADA di Kelantan. Lima tahun sudah berhenti, diambil kesempatan pula sekarang ini mengajar di Sekolah Kebangsaan Guar Tinggi, Rantau Panjang. Saya tidak mahu sebut nama ini sebab mungkin mengaibkan dia, mungkin dia malu.

Tetapi ini, saya minta kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya siasat, jangan siasat guru ini, siasat Jabatan Pendidikan di Kelantan. Mengapa begitu bodoh sekali mengambil orang yang telah dikenakan tindakan disiplin dan diambil berkhidmat oleh kerajaan. Inilah perkara-perkara yang saya sebutkan beberapa kali di dalam Dewan ini kerana ianya selalu berlaku di beberapa jabatan kerajaan yang terlalu kuat berpolitik. Ini satu sebab.

Kemudian kita lihat, guru-guru ini dahulu menjadi sasaran. Sebahagian besar guru-guru ini dikatakan guru-guru tidak profesional, guru-guru tidak ada kursus, guru-guru ini tidak berdisiplin, guru-guru di bawah SAR ini tetapi akhir sekali guru-guru ini telah diambil tindakan disiplin oleh Guru Besar Yayasan Islam Kelantan pun diambil berkhidmat di dalam kerajaan. Ini terbalik. Sepatutnya dahulu kita sudah kata guru-guru tidak bermutu, guru ini

tidak terlatih, guru ini tidak profesional, guru ini ajar berpolitik, guru ini menghasut, guru ini militan di sekolah-sekolah SAR – kenapa kita ambil dia bekerja pula? Apakah kita hendak menggalakkan pengaruh mereka ini dibawa kepada sekolah kerajaan pula? Mengajar dan menghasut rakyat pula supaya benci kepada Kerajaan Pusat pula? Sedangkan dahulu kita bimbang kepada mereka itu. Sekarang kita ambil pula mereka itu berkhidmat dengan kerajaan dan tawaran yang diberikan pula kontrak sebulan ke sebulan.

Barangkali selepas pilihan raya ini, mereka ini akan jadi mangsa pula. Sebelum pilihan raya ini, semua ambil balik, asalkan UMNO, ada sijil UMNO, kalau dia belum jadi ahli UMNO pun masuk jadi ahli UMNO, ha sila masuk [Ketawa] Ini bukti nyata. Saya boleh buktikan satu persatu. Nama tiap-tiap orang, saya boleh sebutkan. Kalau dikehendaki tetapi saya rasa cukuplah, orang UMNO pun faham perkara ini. Orang UMNO boleh faham apa yang saya sebutkan di sini. Itu satu perkara.

Yang kedua, saya hendak sebut sekali lagi tentang Jabatan Pendidikan ini ialah...

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Minta penjelasan.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Saya sudah sebut dahulu....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat, di hujung sana.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Sekejap, hendak habis yang ini. Selepas ini saya akan bagi. Saya sudah sebut dahulu dalam Parlimen ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk dahulu Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** ...sewaktu permulaan pembinaan sebuah asrama sekolah di Sekolah Menengah 'Tian Chandi' ataupun Seri Kiambang di Jajahan Pasir Mas. Pembinaan asrama di atas tanah kerajaan, tanah rizab haiwan, *grazing reserve*, dengan langsung membelakangkan kerajaan, sedangkan Kerajaan Kelantan tidak pernah menolak setiap kali permohonan dibuat oleh Jabatan Pendidikan. Minta tanah hendak buat asrama, kita bagi. Minta tanah hendak buat bangunan sekolah, kita bagi tanah. Kerajaan Kelantan tidak pernah tolak.

Tetapi dalam keadaan kita menunjukkan kita baik kepada Kerajaan Pusat ini, ada di antaranya ialah dengan menggunakan keadaan yang begitu angkuh, saya anggapkan, ambil tanah dengan tidak memberitahu langsung kepada kerajaan. Saya ingat asrama itu sekarang ini sudah pun siap. Tunggu rasmi sahaja. Cuma biasanya UMNO ini rasmi dekat-dekat pilihan raya. Kalau tidak ada pilihan raya, dia tidak akan rasmi. Sekarang ini ada lebih kurang 30 buah sekolah di Jajahan Pasir Mas yang sudah siap, sekolah menengah dan sekolah kebangsaan. Tunggu hendak rasmi, waktu menjelang pilihan raya.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** [Bangun]

**Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ha, sila. Saya bagi Yang Berhormat bagi Lipis. Yang Berhormat bagi Lipis dahulu.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya tertarik hati dengan guru-guru yang dibuang yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tadi ialah orang-orang UMNO. Jadi, maknanya di Kelantan ini, mana orang-orang UMNO sahaja, maknanya kena buang. Betul tidak? Maknanya tadi Yang Berhormat bagi Rantau Panjang kata, guru ini UMNO, jadi salah, maknanya penindasan memang berlaku kepada ahli-ahli UMNO di Kelantan.

Yang keduanya, saya hendak mempersoalkan. Yang dibuang ini adalah yang tidak terlatih, jadi saya hendak tanya, yang membuang pun tidak terlatih, jadi dengan itu, maknanya pembuangan ini dilakukan oleh orang-orang yang tidak terlatih. Jadi, di sini kalau sekiranya Jabatan Pendidikan mengambil balik orang ini, maknanya dia menganggap bahawa pembuangan guru-guru ini adalah satu pembuangan yang tidak rasional, tersilap buang sebab orang yang membuang pun tidak terlatih dan yang "terbuang" pun tidak terlatih. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Yang Berhormat bagi Lipis barangkali tidak berapa faham apa yang saya sebutkan tadi. Saya sebutkan tadi, dibuang kerana mereka ini dikenakan tindakan disiplin. Yang dibuang tadi, yang saya sebut tadi, dua tiga orang tadi dibuang kerana, dalam bahasa yang mudah, "makan duit" budak-budak sekolah. Itu bahasa yang mudah. Iaitu mereka ini mengambil kesempatan, yuran peperiksaan sekolah itu tidak dibayar sehingga murid-murid tidak dapat masuk periksa. Lima tahun lepas peristiwa ini berlaku di Jajahan Pasir Puteh – dibuang. Oleh kerana mereka ini menganggur, bila menganggur tidak ada kerja itu, baru masuk UMNO. Kononnya kalau masuk UMNO, dapat kerja. Tunggu, tunggu, tunggu, adalah peluang sekarang ini menjelang pilihan raya, UMNO pun buka peluang, marilah kerja dengan Kementerian Pendidikan.

Ha itulah, walaupun diberi guru sandaran tidak terlatih dengan kontrak sebulan ke sebulan, "Tidak apa!" Dia kata. Itu maksud saya. Kita tidak buang guru UMNO di Kelantan. UMNO mengambil guru-guru di Kelantan dengan begitu ramai di bawah Yayasan Islam Kelantan sewaktu mereka memerintah 12 tahun di Kelantan. Kita tidak buang. Sekarang ramai guru UMNO, kita tidak buang tetapi sebahagian besarnya kita tarbiah mereka ini supaya berakhlak baik, supaya mereka ini beriman, ada etika cara-cara mengajar dan sebagainya. Itu kita kena bagi tarbiah dan kita berjaya sebahagian besarnya. Kita tidak buang seperti mana UMNO. Kalau PAS memerintah, PAS buang semua guru UMNO, UMNO perintah buang semua guru PAS, maka PAS sama dengan UMNO juga. Sebab itu PAS tidak buang. Ada lagi? Bagi peluang.

**Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad:** Tidak apa, Yang Berhormat boleh *justify* begitulah. Tidak apa, saya terima tetapi kata-kata Yang Berhormat tadi tentang Jabatan Pendidikan Kelantan ini bodoh ya. Jadi, kalau sekiranya kementerian tarik pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan Kelantan, siapa yang rugi? Janganlah Yang Berhormat pula di mana tadi barangkali satu daripada kes itu, orang itu telah "terbuang", jadi Yang Berhormat boleh gunakan hujah itu untuk membela Kerajaan Kelantan ataupun pemerintahan Kelantan yang buang itu, tetapi yang mengatakan Jabatan Pendidikan Kelantan ini bodoh, saya percaya ramai guru di Kelantan, saya rasa dalam 3,000 atau 4,000 ataupun 7,000 atau 8,000 pegawai pendidikan ini. Saya tidak rasa mereka ini bodoh!

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis, saya sudah faham. Saya kata tadi, maksud saya pengarah itu sendiri, *body* seseorang itu. Semua sekarang ini pegawai-pegawai pendidikan terutama sekali guru-guru di Kelantan mengetahui dengan sikap, tingkah laku Pengarah Pendidikan di Kelantan ini, memang bapa UMNO, lebih UMNO daripada orang UMNO. Memang UMNO Pusat akan tertipu, UMNO di Malaysia akan tertipu oleh Pengarah Pendidikan, saya sebut terang-terang. Kerana apa? Sebahagian besar gurunya diarah supaya masuk menjadi ahli UMNO semua sekali. Maka UMNO Pusat pun melihat, oh, bagus, semenjak pengarah ini jadi Pengarah Pendidikan di Kelantan, ahli UMNO Kelantan bertambah, sedangkan orang yang masuk UMNO itu bukan kerana faham, bukan kerana hasratnya hendak masuk UMNO tetapi kerana ditekan oleh pengarah ini, dan pengarah ini dilanjutkan lagi tempoh perkhidmatan mereka ini, sepatutnya perkhidmatannya itu tidak dilanjutkan lagi sebagai menghargai kononnya orang kuat UMNO.

Saya sebut terus terang. Guru-guru dan pegawai-pegawai lain tengok pengarah ini meluat, betul saya sebut ini. Tanyalah guru-guru di Kelantan ini, tetapi jangan tanya depan orang UMNO, tanya perlahan-lahan, tanya betul-betul, dia akan mengaku keadaan ini. Kerana hendak naik pangkat semua isi borang UMNO, tidak apa isi borang tetapi inilah hasrat yang sebenarnya. Sebab itu saya kata, kalau inilah caranya maka rosak porak peranda habislah sistem pendidikan di Kelantan ini.

Saya berbalik kepada perkara yang lain. Saya hendak sebut di sini ialah berkenaan dengan kita sekarang ini heboh dengan kehebatan penguat kuasa kita dalam menyekat mereka yang menyeludup beras masuk ke Kelantan. Kita menyekat penyeludup-penyeludup rokok keretek masuk ke Malaysia melalui Johor, Melaka, Perak dan sebagainya tetapi ruang yang satu lagi, yang saya sebut beberapa kali di sini tidak diendahkan langsung oleh pihak kerajaan iaitu penyeludupan minyak diesel daripada Malaysia masuk ke Thailand melalui kapal-kapal laut dalam, kapal-kapal yang besar. Beribu-ribu gelen dan

beribu-ribu liter setiap hari kapal laut dalam yang besar yang mempunyai sepuluh tangki dan mempunyai sepuluh ruang di dalam itu yang sebelum ini dimuatkan ikan-ikan dan air, turun ke laut dalam sampai 10 hingga 15 hari tetapi sekarang ini semua ruang yang dipenuhi ikan sebelum ini dimasukkan dengan minyak diesel.

Waktu kapal hendak bertolak semuanya dimasukkan diesel, ruang yang dicadangkan untuk dimuatkan ikan itu semuanya dimasukkan dengan minyak diesel. Ruang untuk diisi dengan air, biasanya air bersih disimpan untuk ke laut biasanya untuk 10 hari atau 15 hari tetapi hanya dimasukkan ruangan air hanya satu ruang, satu kotak sahaja, yang lain semua dimasukkan dengan minyak diesel. Pergi ke laut dalam biasanya 10 hari atau 15 hari, sekarang ini dua hari sudah balik. Kenapa? Pergi dari sini keluar ke sana, masuk ke Thailand sama ada berhenti di Songkla ataupun di Pattani ataupun di pulau-pulau di sebelah Thailand keluarkan minyak diesel. Dua hari kemudian balik dengan tidak ada ikan langsung, boleh *check* sekarang ini.

Adakah munasabah atau tidak kapal laut dalam masuk ke negara kita tidak bawa balik apa-apa, tidak ada ikan langsung. Ini patut pihak kementerian membuat penyiasatan dan saya juga dengar perkara-perkara ini di saat akhir saya tidak dengar lagi pihak penguat kuasa menangkap penyeludup-penyeludup minyak diesel Malaysia ini dimasukkan ke Thailand, terutama sekali minyak-minyak yang diberi subsidi kepada nelayan, nelayan kecil yang menjadi mangsa, jerung yang besar-besar ini kaya raya, RM30 ribu satu *trip* untungnya selama dua hari.

Dulu hendak dapat RM30 ribu ikannya 15 hari di laut, itu pun belum tentu dapat RM30 ribu tetapi sekarang ini dua hari boleh dapat RM30 ribu. Tetapi menteri jawab di Parlimen pun tidak, sekurang-kurangnya katalah insya-Allah kita akan bertindak, tahan sedikit, sejuk sedikit hati saya. Ini tidak sebut langsung buat tidak tahu sahaja. Saya pun tidak tahu kenapa perkara ini berlaku tetapi kes beras ini habis-habisan dia lawan. Kes penyeludup beras yang orang kampung dapat RM1 dan RM2 satu kampil RM5 paling tinggi kalau beras yang beratnya 25 kilo itu pun kalut ribut habis tidak cukup dengan [*bercakap dalam bahasa Thailand*] Hantar 'sungai perak', yang tidak tahu bahasa Melayu langsung, yang tidak tahu kita bagi salam ataupun tidak dan tidak tahu apa, kira nya sampai sahaja kereta, jumpa van, jumpa kereta buka sahaja kereta itu sebab arahan suruh buka, itu kerja dia. Dapat beras satu kampil rampas, kita kata mahu makan, rampas juga. Kenapa? Kerana orang Melayu, orang kecil-kecil dia berniaga, cari makan, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, itu sahaja yang dia tahu, yang lain tidak ada.

Penyeludupan keretek daripada Indonesia masuk ke Malaysia. Kenapa tidak dikuatkuasakan? Keretek ini satu van itu nilai cukainya, berapa juta kita habis? Berapa ratus ribu kah satu van itu nilai cukainya? Tetapi beras ini berapa sahaja, satu kampil dua sahaja, satu van itu berapa sahaja? Kita hendak tangkap dua kontena di perairan yang hendak seludup ke negara jiran kita dahulu, berapa nilai harganya? Tetapi keretek? Kalau satu kontena itu berapa nilainya? Tetapi ini juga nampak tidak bersungguh, saya pun tidak tahu kenapa berlaku demikian.

Baik, saya akan pergi kepada perkara-perkara yang saya rasa patut saya sebutkan di sini ialah berkaitan dengan kedudukan dari sudut pertanian dalam Bajet baru-baru ini yang menjadi tajuk utama.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, ada lagi? Sila.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Yang Berhormat ada kilang beras kah? Kalau ada Yang Berhormat kena isytihar dahulu sebelum berucap, ini kepentingan Tuan Yang di-Pertua. Lepas itu mula marah kepada orang, 'sungai peraklah' apa semua, janganlah hina, dia menjalankan tugas. Patut kita berterima kasih kepada anggota keselamatan ini menjaga keselamatan takut orang menyeludup. Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kilang beras, minta *declare* dahulu supaya kepentingan diri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya tidak mempunyai kilang beras tetapi bendang padi untuk mengeluarkan beras itu adalah [*Ketawa*] Kilang itu tidak ada tetapi kilang-kilang beras kita, kilang padi kita katakan beras di Malaysia ini saya lihat hari ini, memang kalau dalam perlumbaan untuk mengeluarkan beras yang bermutu tinggi kita kalah. Saya sudah sebut beberapa kali bukan mutu padi kita tidak elok, mutu padi okay. Bila masuk kilang keluar beras, beras tidak cantik. Kenapa? Ini patut R&D kita kena siasat dan kena cari di mana kelemahan kilang-kilang padi kita yang ada di merata tempat.

Jadi, di akhir-akhir ini rakyat dan penjual-penjual padi merungut kerana pemotongan pagi terlalu tinggi, 30% kononnya basah dan lembap 30% dipotong, mana ada untung rakyat kalau potong 30% sampai 40% setiap kali penjualan padi dibuat oleh rakyat. Itu satu perkara yang tidak patut. Kemudian kilang. Kalau kita tengok di Thailand, kilang padi Thailand sekarang ini hanya menggunakan sisa kilang padi tersebut. Kemudian sisa yang dipanggil apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekam!

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Ya, sekam. Sekam itu digunakan balik untuk memanaskan tempat pengering padi, tidak menggunakan elektrik lagi, ini di Thailand. Kita tidak guna, kita hanya tahu sekam kita disimpan sehingga setinggi-tinggi Parlimen ini, bertimbun-timbun kita lihat tidak diguna, tidak dimanfaatkan. Sebab itulah beras kita menjadi tidak elok, hancur, pertama sekali musim longgokan padi. Padi banyak di kilang, padi yang belum kering lagi pun sudah dimasukkan ke kilang itu. Kenapa? Kerana padi itu terlalu banyak di luar. Bila padi tidak cukup kering maka keluarlah beras yang hancur. Sudahlah beras hancur, tidak ada pula mesin untuk mengilat, untuk membuang semua debu-debu itu. Sebab itulah bila kita makan beras Malaysia ini lekat di tekak kita hampas sampah beras itu.

Tetapi di Thailand *smooth* sahaja berasnya, padi cukup kering. Padi pula cukup masak, padi di bendang itu sudah masak betul-betul baru dimasukkan ke dalam mesin mengetamnya tetapi kita, padi yang mentah lagi pun kita mesin sebab kita tidak boleh *control* keadaan, ini satu kelemahan kita. Barangkali kerajaan patut ada jawatankuasa yang boleh memantau yang betul-betul melihat dan membandingkan dengan apa yang dikeluarkan oleh Thailand baru kita rasa rakyat ini agak-agak boleh menandingi pengeluaran padi ataupun beras daripada Thailand.

Baik, saya hendak tanya pihak kerajaan, adakah kerajaan telah berpuas hati dengan kajian yang telah dibuat khususnya kajian di peringkat daya saing tiap-tiap komuniti yang terpilih setakat ini? Kalau puas hati, oklah puas hati. Rakyat menilai tidak puas hati lagi. Itulah setakat ini sejauh manakah usaha yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian dalam usaha mengadakan program Akreditasi Ladang bagi mencapai tahap ISO 900 dan persijilan SACCP yang baru Menteri Pertanian ini galakkan dan dalam bajet kita lihat juga ada cadangan kerajaan untuk persijilan SACCP ini dan kita tahu kerajaan telah pun menyediakan garis panduan

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang bangun lagi Yang Berhormat. Yang Berhormat ada seminit lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron:** Seminit lagi, minta maaf saya tidak bagi, seminit lagi. Dan kita tahu kerajaan telah pun menyediakan garis panduan bagi amalan pertanian yang baik iaitu *Good Agriculture Practice* dan *Good Animal Husbandry Practice* dan *Good Agriculture Practice*. Saya hendak tahu sejauh mana garis panduan amalan ini dipatuhi dan saya bimbang ianya hanya akan tinggal garis panduan semata-mata tapi tidak diamalkan. Kerajaan harus membuat *follow-up* kalau mahu melihat perkara ini berjaya.

Saya melihat kerajaan masih gagal di dalam mencari nutrien produk yang dapat memberikan sasaran yang *segmented*. Saya ingin tahu sebanyak-banyak agensi di bawah kementerian ini, agensi manakah sebenarnya yang diberi tanggungjawab untuk mencari *niche* produk yang benar-benar boleh mendapat pasaran yang *segmented* di masa hadapan terutama sekali menghadapi akta ini.

Kerajaan harus memberi latihan intensif bagi meningkatkan kemahiran petani-petani dalam aktiviti pertanian yang diusahakan dan adalah memberi keyakinan kepada generasi baru bahawa bidang pertanian amat penting di masa hadapan ini. Dan kerajaan harus membuat kajian dari masa ke semasa tentang kerugian lepas tuai yang menjadi heboh dalam akhbar baru-baru ini iaitu menjadi buah mulut para petani, sejauh mana pendidikan dan kajian telah dibuat supaya dapat mengurangkan kerugian lepas tuai oleh petani-petani ini.

Saya rasa itulah perkara-perkara yang saya hendak sebutkan di sini dan sekali lagi saya meminta kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Pertanian, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kerja Raya supaya berhati-hati di dalam melaksanakan tugas masing-masing kerana rakyat sekarang ini sedang memerhatikan sejauh manakah kemampuan kerajaan di dalam melaksanakan tugas seperti mana yang telah diberikan mandat oleh rakyat sewaktu pilihan raya dahulu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuanan.

**3.15 ptg.**

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbincangan Bajet 2004 ini.

Teras utama Bajet tahun 2004 ini ialah bagaimana negara kita dapat mengoptimalkan pertumbuhan ekonomi negara kita dengan mengambil kira persekitaran ekonomi dunia dan juga ekonomi negara kita masa kini. Setelah membaca beberapa dasar utama kerajaan, saya dapati bahawa sebenarnya Bajet 2004 ini adalah merupakan instrumen pelaksanaan tahunan kepada Dasar Pembangunan Wawasan, Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan ke arah mencapai cita-cita Wawasan 2020.

Dasar-dasar inilah yang akan memandu pembangunan negara kita sehingga tahun 2010. Jadi untuk memastikan pertumbuhan yang mapan, Bajet 2004 meneruskan dasar pertumbuhan Bajet 2003 iaitu mengalihkan dasar pertumbuhan daripada *FDI Growth* kepada *Domestic-led Growth*. Sebab itulah saya amat bersetuju dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa rakyat perlu meneruskan sokongan padu kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang supaya dasar-dasar dan strategi-strategi yang jelas berhalu tuju itu dapat terus dilaksanakan untuk memandu negara mencapai cita-cita Wawasan 2020.

Saya mengatakan demikian sebab jelas pembangkang sebelah sana tidak mempunyai hala tuju pembangunan yang jelas berbanding dengan kita dalam Barisan Nasional. Dasar pertumbuhan ini diharapkan dapat meletakkan negara kita pada landasan ekonomi yang kukuh dan berdaya tahan dan berdaya saing ketika berhadapan dengan pelbagai cabaran persekitaran ekonomi global yang tidak menentu.

Kita berkeyakinan bahawa melalui Bajet 2004 ini kerajaan pimpinan Yang Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi nanti akan dapat mengurus dan akhirnya menyelesaikan cabaran bajet defisit; cabaran menarik FDI ke negara kita; cabaran menjana pertumbuhan dan menggunakan kekuatan dalaman khususnya aktiviti IKS; cabaran memperkasakan perkhidmatan awam sebagai penggerak utama kepada sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan; cabaran mengurangkan kadar kemiskinan ke tahap 0.5% menjelang tahun 2005; cabaran mengurangkan jurang pembangunan di antara wilayah; dan cabaran mengurangkan jurang pendapatan di antara kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua cabaran-cabaran pembangunan ini perlu diatasi demi mencapai kematangan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang agama, berbilang kaum, keturunan, kepercayaan dan kebudayaan. Untuk mengatasi kesemua cabaran-cabaran pembangunan ini, setiap anggota rakyat Malaysia seharusnya memainkan peranan aktif, memberi sumbangan positif menjana pertumbuhan ekonomi negara kita. Sebenarnya kita tidak mempunyai masa untuk bertelagah sesama sendiri terutama sekali dalam isu-isu yang remeh-temeh seperti isu pakai songkok dan seperti yang dinyatakan Rantau Panjang tadi. Kita juga amat perlu mengurangkan kegiatan berpolitik yang keterlaluan. Pada masa yang sama kerajaan perlu menggerakkan setiap institusi,

organisasi dan seluruh masyarakat madani atau pun *civil society* untuk menggerakkan pembangunan ekonomi, pembangunan sosial dan pembangunan kebudayaan rakyat Malaysia.

Dalam hal ini, kerajaan hendaklah menggerakkan badan-badan bukan kerajaan terutama sekali yang terlibat secara langsung dalam penjanaaan kekayaan negara seperti dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan pembuatan, persatuan-persatuan IKS, persatuan-persatuan pelancongan, persatuan-persatuan kontraktor serta persatuan-persatuan perdagangan yang lain dengan cara menjalinkan *smart partnership* dengan mereka.

Bajet 2004 memperkenalkan lima strategi utama untuk memastikan *domestic-led growth* ini mencapai sasaran pertumbuhan iaitu sektor swasta menerajui pertumbuhan ekonomi, konsolidasi fiskal ke arah bajet berimbang, dasar kewangan yang mendorong penggunaan dan pelaburan swasta, mengukuhkan lagi daya saing negara dan memantapkan lagi agenda sosial asas masyarakat penyayang.

Kita tetap yakin dengan kemampuan dan keupayaan Barisan Nasional dan juga kebolehan rakyat keseluruhannya menjana pertumbuhan ekonomi negara kita pada tahun hadapan. Dan untuk memastikan kita mencapai kejayaan, unit-unit pemantau dan penilai hendaklah diwujudkan di setiap kementerian supaya kerajaan dapat mengambil langkah-langkah proaktif apabila kita menemui penghalang ataupun penghindar pelaksanaannya. Janganlah kita tunggu sampai ada masalah seperti masalah pembinaan makmal komputer yang kita sudah alami.

Perkhidmatan awam kita adalah penggerak kepada sektor swasta sebagai penjana pertumbuhan. Janganlah pula jentera perkhidmatan awam ini menjadi penghalang dan kewujudan pelbagai peraturan yang boleh menjadi kerehuan birokrasi. Perbuatan rasuah di semua peringkat perlu ditentang habis-habisan dan ketelusan dalam pentadbiran perlu terus dipertingkatkan. Kerajaan juga kena pantau secara terperinci tentang penerimaan ataupun respons individu dan syarikat terhadap kesemua insentif-insentif cukai yang telah diberikan untuk mendorong pelaburan tempatan.

Sebagai contoh, dalam Bajet 2002 dan 2003 kerajaan telah memberi insentif cukai iaitu *double deduction* kepada para pelabur di Eastern Corridor Sabah dan Sarawak. Kita tertanya-tanya berapakah pelabur-pelabur tempatan baru yang telah melabur hasil daripada intensif-intensif tersebut. Dan apabila tidak ada respons terhadap intensif tersebut apakah pula langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan adanya pelaburan.

Saya yakin apabila kita memperkenalkan insentif cukai kita bukan setakat melepas batuk di tangga sahaja. Kita mahukan supaya pelaburan oleh para usahawan dan para peniaga tempatan benar-benar berlaku. Misalnya kalau kadar pelaburan domestik rendah, pihak kementerian, jabatan, agensi ataupun kerajaan negeri yang bertanggungjawab perlu membuat tindakan tegas untuk memastikan kejayaan pakej-pakej intensif cukai tersebut. Pada masa yang sama setiap penghindar pelaburan tempatan dan juga aktiviti perdagangan perlulah dikaji dan seterusnya di ambil tindakan.

Sebagai contoh di Sabah, kenapakah sehingga pada hari ini pelaburan sama ada FDI mahu pun pelabur tempatan masih lagi tidak memuaskan. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan adanya orang tempatan melabur di taman-taman perindustrian seperti Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP). Pihak MITI mempunyai peranan tertentu dalam soal KKIP ataupun Taman Perindustrian Kota Kinabalu ini. Oleh itu saya ingin tahu apakah sebenarnya MITI telah buat dalam soal membuat pelabur ke KKIP selama ini? Apakah pihak MITI berpuas hati tentang pencapaian pelaburan di KKIP?

Kerajaan Persekutuan pasti ada tanggungjawab dalam soal ini, bermakna Kerajaan Persekutuan tidak boleh menyatakan Kerajaan Negeri Sabah harus memikul tanggungjawab ini 100%. Seperti yang pernah dijawab oleh seorang bekas Setiausaha Parlimen di Dewan yang mulia ini kepada satu soalan saya dalam persidangan saya yang lepas, saya tertarik dengan cadangan menggalakkan para pelabur tempatan untuk melibatkan dalam mesin *tools*. Bagaimanakah nanti Kerajaan Persekutuan bertindak untuk melaksanakan niat baik ini, ini adalah satu cadangan yang amat baik dan saya ingin tahu apakah pihak kerajaan mengambil strategi pelaburan baru ini untuk Taman Perindustrian

Kota Kinabalu KKIP sebab cadangan mesin *tools* ini untuk KKIP sebenarnya sudah lama dicadangkan tetapi sehingga pada hari ini belum lagi kita melihat apa-apa hasil.

Tuan Yang di-Pertua, apa pun yang akan terjadi pada pelaksanaan Bajet 2004 ini janganlah kita leka dan alpa tentang tujuan utama kita menjana pertumbuhan ekonomi. Iaitu untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat. Untuk mencapai matlamat ini semua kementerian dan malah seluruh jentera pentadbiran kerajaan perlu diperingatkan dengan matlamat pembangunan negara kita bagi tempoh 2001 hingga 2010 seperti mana yang dinyatakan dalam dasar pembangunan wawasan dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu:

- (i) membina sebuah masyarakat bersatu-padu dan saksama;
- (ii) membasmi kemiskinan dan pengagihan pendapatan;
- (iii) menyusun semula ekuiti;
- (iv) membangun masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera;
- (v) menyusun semula guna tenaga;
- (vi) membangun ke arah pembangunan wilayah seimbang; dan
- (vii) membangun ekonomi berasaskan perpaduan.

Khusus dalam soal pembasmian kemiskinan dan pengagihan pendapatan. Para pemimpin kerajaan dan seluruh anggota jentera pentadbiran kerajaan perlu diperingatkan tentang amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya ketika membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga pada 3 April 2001 pada *point* 64, muka surat 31 yang berbunyi dan saya nyatakan di sini,

*“Menjelang tahun 2005 kerajaan merancang untuk mengurangkan kadar kemiskinan pada 0.5%. Bagi mencapai matlamat ini program pembasmian kemiskinan akan lebih bersifat khusus ataupun spesifik untuk menangani kelompok kemiskinan di pelbagai wilayah terutama di kawasan pedalaman serta di kalangan kumpulan yang belum menikmati faedah permohonan seperti masyarakat minoriti bumiputera yang lain di Sabah dan di Sarawak serta Orang Asli. Bagi meningkatkan keberkesanan program pembasmian kemiskinan sedia ada akan digabung dan digiatkan semula di bawah skim permohonan kesejahteraan rakyat.”*

Setelah hampir 4 tahun dalam pelaksanaan SPKR ini, saya ingin tahu sejauh manakah kejayaan kerajaan dalam mencapai matlamatnya. Saya sedar bahawa skim permohonan kesejahteraan rakyat ini hanyalah salah satu daripada pelbagai program pembasmian kemiskinan seperti pendidikan kesihatan, pertanian dan keusahawanan. Namun demikian saya ingin tahu sejauh manakah pelaksanaan SPKR yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar terutama sekali di kalangan kelompok kemiskinan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dan di kalangan Orang-orang Asli Semenanjung.

Kalau saya amati keadaan para nelayan tradisi, petani padi bukit dan pekebun-pekebun kecil di kawasan saya di Tuaran, saya dapati belum banyak perubahan yang berlaku. Saya telah membawa Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri KPLP, terima kasih Dato' ada di Dewan melawat di kawasan saya awal tahun ini dan beliau bersetuju dengan saya bahawa keadaan para petani padi bukit dan para pekebun kecil getah masih lagi memerlukan program khusus ataupun fokus program untuk membantu mereka meningkatkan lagi produktiviti dan pendapatan mereka. Saya mohon mencadangkan supaya program spesifik seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diperkenalkan kepada semua kelompok termiskin di Sabah dan Sarawak seperti mana yang sudah digariskan dalam RRJP Ketiga.

Dalam hal ini saya mengalu-alukan kajian yang sedang dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Sabah seperti mana yang dilaporkan oleh akhbar *The News Sunday Times* semalam. Menurut laporan tersebut UMS akan mengkaji keberkesanan program-program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri selama ini. Mereka juga akan mengkaji tentang penyelarasan di antara

agensi-agensinya dilaksanakan termasuklah koordinasi di antara agensi-agensinya persekutuan dan negeri. Kita mengalu-alukan kajian ini berserta dengan kajian pendapatan isi rumah yang sedang dilaksanakan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. Saya berharap kerajaan setelah mendapat maklumat-maklumat ataupun penemuan-penemuan daripada kerajaan-kerajaan ini nanti akan dapat merumuskan pelbagai strategi untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pentadbiran yang sedia ada.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Sri Aman bangun.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Silakan.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya Yang Berhormat dari Tuaran. Saya tertarik dengan hujah-hujah berkenaan dengan padi bukit, kalau di Sarawak padi bukit ini istimewa oleh kerana apabila dia menjadi nasi, nasi ini cantik, sedap di makan dan bau wangi tetapi malangnya kadang-kadang yang dapatan kita apabila selepas menanam padi bukit kadang-kadang kurang dari benih yang telah kita tabur pada mulanya. Jadi apakah cadangan Yang Berhormat supaya kita mengusahakan industri padi bukit ini? Oleh kerana saya rasa ia boleh menjadi *world product* kalau kita dapat menjaga penanaman dengan cara yang betul.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih, terima kasih di atas soalan itu, sebenarnya inilah perkara yang kita ketengahkan. Kalau para petani padi bukit tidak tanam padi dia tidak dapat makan tetapi produktiviti dia begitu rendah dan inilah sebab kita mencadangkan supaya dibuat kajian dan Yang Berhormat bertuah sebab Menteri Pertanian daripada Sarawak saya ingat dia akan lebih menumpukan kajian daripada Sarawak ini soal petani tadi.

Saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua, dalam hal kajian kemiskinan di negeri Sabah ini seperti mana disarankan dalam beberapa dasar yang berjalan sekarang ini saya berharap pihak EPU dan pihak universiti dan pihak Kementerian Luar Bandar serta semua agensi-agensi yang ada akan merumuskan program-program khusus seperti mana yang telah dicadangkan supaya kita dapat menilai sebenarnya kesan nanti dan impak program-program ini sebab di Sabah dan Sarawak ini saya fikir memerlukan pendekatan pembasmian kemiskinan yang khusus yang kerap kali berlainan daripada apa yang sudah diperkenalkan sebab tempatnya berlainan dan situasinya berlainan.

Tuan Yang di-Pertua dalam hal ini saya juga ingin menyatakan di sini tentang beberapa masalah yang dihadapi oleh para petani padi bukit, para petani pekebun kecil getah di Sabah dan juga pekebun yang memiliki harta atau tanah persendirian di Sabah. Mereka menghadapi masalah tentang pemilikan tanah oleh kerana ada satu dasar Jabatan Pertanian yang menyatakan tanah yang lebih daripada 25 darjah ini tidak sesuai untuk pertanian. Saya telah bertanya di Dewan yang mulia ini dalam bulan Jun yang telah diberi jawapan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa Kerajaan Persekutuan pada prinsipnya amat setuju dengan dasar ini tetapi sebaliknya Tuan Yang di-Pertua dasar ini telah membawa banyak kesukahan kepada para petani khususnya pemilikan tanah NCR di negeri Sabah sebab mereka banyak menghadapi kesukaran untuk memiliki tanah dan jika sekiranya kumpulan ini, kelompok ini tidak mempunyai tanah, bayangkanlah bagaimana kita dapat mengatasi soal kemiskinan kepada orang-orang ini? Jika mereka tidak mempunyai tanah mereka bolehlah dikatakan orang-orang lainlah sedangkan orang-orang ini adalah orang asal bumiputera tulen di negeri Sabah.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk tujuan mikro-kredit dari kampung-kampung yang telah mempunyai program satu kampung satu industri. Program ini amat baik dan kita alu-alukan cuma saya ingin tahu berapakah kampung-kampung di seluruh negara yang sudah pun diisytiharkan sebagai kampung yang mempunyai program satu kampung dan satu industri. Agensi manakah yang melaksanakan dan memantau program satu kampung satu industri. Saya fikir inilah satu-satunya program yang amat berpotensi untuk mempertingkatkan lagi perindustrian di kawasan luar bandar, malang sekali setakat ini saya tidak lihat kesungguhan daripada pihak kementerian atau mana-mana kementerian termasuk KPLB benar-benar melaksanakan program ini?

Sebagai wakil rakyat kita sering ditanya oleh para pemimpin JKK dan oleh para pemimpin masyarakat yang lain bertanya kepada kita bagaimana kampung ini akan mendapat program satu kampung satu industri? Bagaimanakah cara kita mendapat? Di kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai hampir 300 buah kampung dan setakat ini kita belum mempunyai lagi apa yang dipanggil satu kampung satu industri ini dan ini bererti kalau kita tidak mempunyai program ini, maka tidak adalah kampung, tidak adalah masyarakat di sana yang layak untuk mendapat mikro kredit daripada peruntukan RM1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan sikap dan budaya niaga di kalangan rakyat Malaysia juga perlu kita pantau dan perlu kita bangunkan. Kita kena kenal pasti apakah sikap dan budaya yang menjadi penghalang ataupun penghindar pelaburan tempatan. Kita juga perlu kenal pasti sikap dan budaya yang menyeluruh kepada kecemerlangan pelaburan tempatan. Budaya industri yang baik-baik ini kita kena hebahkan, kita kena semai dan kita kena serahkan dalam sistem budaya masyarakat kita. Budaya-budaya ini yang perlu kita hadir termasuklah budaya turun temurun warisan nenek moyang kita yang perlu kita budayakan sehingga ia boleh menjadi kebudayaan Malaysia moden yang boleh menjadi kekuatan dan penjana kecemerlangan dan kemakmuran ekonomi negara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**].

Dalam hal budaya ini, kita mengalu-alukan insentif cukai serta pengiktirafan Bajet 2004 tentang peranan kebudayaan dan kesenian, bukan sahaja dalam pembinaan negara bangsa ataupun *nation building* tetapi juga dalam penjanaaan pertumbuhan ekonomi dalaman kita. Malah, dalam hal budaya ini, kita pun perlu pantau berapakah syarikat yang telah menerima pakej insentif cukai bagi syarikat-syarikat supaya memberi sumbangan kepada promosi dan pembinaan budaya bangsa Malaysia.

Dalam hal ini juga, insentif cukai kebudayaan ini juga janganlah dihadkan kepada semua terhadap promosi-promosi kesenian sahaja tetapi ia juga harus diperluaskan kepada penyelidikan dan percetakan khazanah kebudayaan negara kita. Penyelidikan terhadap pola-pola budaya serta kebudayaan setiap etnik negara ini, tidak kira sama ada kumpulan etnik itu besar ataupun kecil, kerajaan perlu buat penyelidikan supaya kita dapat membina kebudayaan Malaysia moden secara evolusi di bawah bimbingan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Kita juga perlu mengenal pasti pola-pola budaya sepunya di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Baru-baru ini, semasa perayaan penutupan Hari Kemerdekaan di Kota Kinabalu ataupun hari kelahiran Malaysia di Kota Kinabalu baru-baru ini, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Yang Berhormat Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir telah mencadangkan supaya pusat-pusat kebudayaan di daerah-daerah di Sabah dibina.

Kita sebagai wakil rakyat dari Sabah mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat ini dan kita berharap pihak kementerian akan mengambil cadangan ataupun janji Yang Berhormat Menteri ini secara serius, sebab sememangnya di Sabah ini, kita boleh lihat semasa perayaan-perayaan rumah-rumah terbuka dan sebagainya, tentang kekayaan warisan budaya negeri Sabah yang perlu kita promosi, perlu kita bangunkan dan perlu kita dokumentasikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada soal pendidikan. Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan di atas pencapaian mendapatkan 36,000 pelajar asing menuntut di negara kita. Pencapaian ini telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2004 sebagai salah satu kriteria pemantauan dan penilaian awam bahawa Malaysia sudah menjadi pusat kecemerlangan pendidikan. Kriteria ini, sebagai kecemerlangan pendidikan kita terima baik dan kita juga mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mewujudkan pejabat-pejabat promosi pendidikan Malaysia di beberapa buah negara khusus untuk mempromosi dan menarik pelajar-pelajar asing ke Malaysia.

Dalam masa yang sama, saya juga mahu mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mengadakan usaha yang bersungguh-sungguh untuk menjadikan setiap sekolah dan institusi pendidikan mulai daripada tadika, taska, tabika sehinggalah peringkat universiti supaya benar-benar dijadikan pusat-pusat kecemerlangan pendidikan. Sebab jika sekiranya institusi-institusi pendidikan ini tidak dijadikan pusat kecemerlangan pendidikan, bagaimana pula kita menyatakan bahawa Malaysia ini adalah pusat kecemerlangan pendidikan. Jadi, ke arah mencapai sasaran ini, kepimpinan khususnya kepimpinan guru-guru besar dan pengetua-pengetua di setiap institusi pendidikan dan sekolah amat perlulah dipertingkatkan. Sebenarnya, kecemerlangan sekolah-sekolah adalah amat bergantung kepada kepimpinan guru-guru besar, pengetua-pengetua dan sebagainya.

Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan hendaklah menyediakan kriteria-kriteria pencapaian apa yang dipanggil sebagai sekolah cemerlang. Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan supaya soal kepimpinan juga diambil kira sebagai kriteria untuk menyatakan bahawa sesebuah sekolah itu adalah pusat kecemerlangan pendidikan ataupun institusi kecemerlangan pendidikan. Antara kriteria yang perlu diambil perhatian selain daripada kepimpinan Tuan Yang di-Pertua, ialah soal insiden ponteng kelas, ponteng sekolah, ponteng peperiksaan, ini pun boleh berlaku. Di kawasan saya, ada insiden di mana peperiksaan pun dia boleh ponteng dan insiden salah laku disiplin serta pewujudan gengsterisme di sekolah-sekolah.

Pada masa yang sama, kewujudan dan perolehan pusat sumber juga amat penting diambil kira sebagai salah satu kriteria sekolah itu sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Dalam soal ini juga, pencapaian pelaksanaan 'Program Nilam dan Semai' juga adalah amat penting sebab sekiranya kita mempunyai pusat sumber tetapi program nilai iaitu satu program di mana para pelajar, murid-murid diwajibkan untuk membaca buku-buku sehingga pusat sumber itu tidak akan mencapai matlamat sepertimana yang dicita-citakan.

Program ini adalah amat penting sebab salah satu daripada kriteria yang perlu kita pantau di sekolah-sekolah terutama sekali di sekolah rendah ialah kita ingin memantau berapa lagi kah bilangan murid-murid yang belum lagi mempunyai kemahiran-kemahiran membaca setelah mencapai satu tahap, tahap dua atau tiga. Di kawasan saya, saya dapati bahawa masih ada pelajar yang sampai darjah lima pun belum pandai membaca. Jadi, para pelajar yang belum pandai membaca pada peringkat darjah lima ini, tentu sekali dia tidak dapat menghayati ilmu.

Dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya guru-guru besar, pengetua terutama sekali di seluruh sekolah rendah perlu memberi laporan *quarterly* kepada Pegawai Pendidikan Daerah, berapakah lagi bilangan murid-murid yang belum pandai lagi membaca, mengira dan sebagainya. Ini amat penting sebab jika masih ramai yang belum pandai membaca kita perlu mengambil tindakan segera.

Saya mempunyai sebuah sekolah di kawasan yang mana kelulusannya setiap tahun daripada 29 orang calon yang lulus dua orang, kadang kala seorang. Salah satu sebab kenapa dia tidak lulus ialah kerana dia tidak pandai membaca dan paling parah dia susah membaca dalam bahasa Inggeris dan saya telah melihat bahawa sekolah ini mempunyai pendapatan yang bersesuaian, pemulihan dan sebagainya dan pihak kementerian perlu mengambil langkah-langkah yang bersesuaian untuk mengatasi masalah seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga kita perlu meningkatkan motivasi guru-guru kita dan salah satu daripada motivasi yang kita boleh berikan kepada guru-guru ialah mereka perlu memahami hak-hak mereka sebagai guru. Saya difahamkan bahawa masih ramai guru-guru yang tidak faham hak-hak mereka seperti mana yang terkandung dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, dia tidak dapat membezakan di antara taraf sah dalam jawatan dan tetap dan berpencen. Ada yang tidak tahu kalau mereka naik pangkat mereka kena memohon. Saya ingin mencadangkan agar Jabatan Pendidikan mengeluarkan buku kecillah mengenai hak-hak mengenai proses dalam perkhidmatan perguruan ini, supaya diedarkan kepada semua guru agar mereka dapat memahami hak-hak mereka dan apabila mereka mahu memahami hak-hak mereka. Kita harap mereka dapat mempertingkatkan lagi motivasi mereka untuk mendidik anak-anak kita untuk mencapai kecemerlangan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian terutama sekali di negeri Sabah di mana sudah dinyatakan dalam Dewan ini, baru-baru ini yang negeri Sabah ini pencapaian peperiksaannya terendah di seluruh negara. Pelbagai faktor yang menyebabkan pencapaian kita ini rendah tetapi walau bagaimanapun, kita minta supaya pihak kementerian mengambil iktibar, melihat, mengkaji apa lagi yang kita boleh buat untuk mencapai kecemerlangan ini. Di kawasan saya daerah pendidikan Tamparuli, kita telah mencapai kecemerlangan selama tujuh tahun berturut-turut dalam peperiksaan UPSR dan saya lihat bahawa satu daripada faktornya ialah motivasi guru-guru. Dan di sinilah saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian mengambil tindakan yang bersungguh-sungguh dalam soal motivasi guru-guru ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita mintalah agar pihak kerajaan, yang mana saya telah menyatakan tadi bahawa dalam bajet ini kita ingin mencapai satu tahap pertumbuhan ekonomi pada tahun hadapan sehingga sampai 6% tetapi dalam mencapai pertumbuhan tersebut dalam menjana kekayaan negara ini kita juga hendak pastikan supaya agenda pengagihan kekayaan negara kita dapat dipastikan pada setiap pelaksanaan program dan projek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Yang terakhir!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sudah habis.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Untuk memastikan supaya adanya pengagihan kekayaan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kita mengalu-alukan di negeri Sabah diberi peruntukan sebanyak RM5.9 bilion untuk tahun hadapan. Saya mencadangkan dan memohon supaya apabila nanti dilaksanakan biarlah diberikan keutamaan kepada orang-orang Sabah ini....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:**....dalam melaksanakan termasuk dalam soal kontrak. Janganlah pula projek-projek yang besar di negeri Sabah ini orang luar pun dapat. Bagaimana pula kita dapat pastikan tentang pengagihan kekayaan negara kita? Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Ya, Hulu Langat dahulu.

### 3.43 ptg.

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]:** *Assalamualaikum* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan untuk turut sama dalam perbahasan ini dengan memberikan beberapa pandangan berdasarkan kepada Bajet 2004 yang dibentangkan baru-baru ini yang telah pun memperlihatkan bagaimana setiap lapisan masyarakat telah mendapat perhatian dan faedah secara langsung ataupun tidak langsung. Inilah faedahnya Tuan Yang di-Pertua, manfaat dan pulangan kepada rakyat yang bijak memilih kerajaan yang sangat prihatin dan bertanggungjawab terhadap rakyatnya.

Seperti juga bajet-bajet yang lalu, kerajaan terus memberikan tumpuan dan perhatian kepada pasukan keselamatan kita iaitu polis dan tentera. Malahan dalam bajet ini, para penguat kuasa undang-undang di semua agensi kerajaan yang lain juga diberikan tumpuan dengan memberikan faedah yang sama yang dinikmati oleh polis dan tentera. Jika dalam perbahasan tahun lalu saya mengambil bahagian bercakap mengenai kelengkapan persenjataan angkatan tentera, tahun ini sebagai seorang yang berminat dan sentiasa ingin tahu mengenai perkhidmatan pasukan angkatan tentera, izinkan saya memberikan sedikit pandangan dan syor mengenai pasukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pasukan tentera kita, kita dapat dua skim perkhidmatan iaitu jangka pendek dan jangka panjang. Jangka panjang disebut juga sebagai *regular* atau jangka pendeknya *short service*. Bagi anggota yang memasuki perkhidmatan melalui rekrut, mereka akan ditawarkan berkhidmat selama 13 tahun. Dalam tempoh tersebut, mereka akan menjalani berbagai-bagai ujian dan penilaian bagi membolehkan mereka menerima kenaikan pangkat. Kalau saya silap, Timbalan Menteri ada untuk membetulkan saya. Dalam tempoh tersebut ada yang mendapat satu atau dua calit iaitu Lans Koperal ataupun Koperal - taruh calit di tangan. Yang hebat dan rezekinya baik, mungkin juga dapat tiga calit iaitu berpangkat Sarjan.

Masalahnya bukan semua orang akan mendapat calit yang sama. Yang mendapat pangkat Sarjan mungkin lebih berminat untuk melanjutkan perkhidmatan yang ditawarkan selama 18 tahun. Mereka yang kekal Prebet, Lans Koperal dan Koperal mungkin mempunyai perancangan lain. Mereka melihat rakan-rakan sebaya di luar yang berniaga kecil-kecilan sudah memiliki Proton baru dan yang menjadi kontraktor Kelas 'F' pula sudah ada yang memandu Kereta Mercedes-Benz, C-Class.

Anggota tentera berkenaan tertarik dengan kehidupan di luar dan mahu mencuba nasib masing-masing. Ketika itu mereka sudah pun berusia sekurang-kurangnya 31 tahun. Masih muda untuk mencuba nasib, kata mereka tetapi agak lewat untuk memasuki perkhidmatan awam yang lain untuk kemasukan baru. Saya maksudkan tadi lewat kerana Prebet selalunya....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Lewat atau liwat?

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Lewat. Liwat di Kelantan itu. Mereka masuk dalam perkhidmatan dalam usia 18 + 31. Kalau lewat itu masuk perkhidmatan kerajaan 30, mereka sudah pun berusia 31 dan 32. ..

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Lewat atau liwat?

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** [Ketawa] Lewat. Liwat ada juga tetapi bukan dalam ATM.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, teruskan Yang Berhormat, jangan layan.

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Setelah mencuba.... [Ketawa]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia bukan minta penjelasan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Baik Tuan Yang di-Pertua. Setelah mencuba, ada yang berjaya dan ada juga yang gagal. Dan yang gagal inilah menjadi perhatian kita. Ke mana mereka selepas itu? Setelah tiada pilihan dalam usia yang muda, sesetengahnya pula baru mendirikan rumah tangga dan baru mendapat anak yang kecil, mereka menjadi pengawal keselamatan, pemandu atau bekerja kontrak sebagai buruh. Inilah saat yang paling menyedihkan kita. Setelah sekian lama menggagas senjata, bermalam di rimba, berpisah dengan sanak saudara dan keluarga, mereka terdampar sebagai buruh, pemandu dan pengawal yang kerjanya hanya membuka dan menutup pintu pagar sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah salah dan tidak pula hina pekerjaan-pekerjaan sedemikian. Namun, bukankah lebih baik mereka yang mahu, yang tidak mahu menyambung perkhidmatan dan tidak layak lagi sebagai anggota tentera diserapkan sahaja ke jawatan-jawatan setara di jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Semua jabatan kerajaan menggunakan perkhidmatan pengawal – di institusi pengajian tinggi, IPT-IPT kerajaan nampaknya cukup banyak pengawal keselamatan yang diperlukan.

Saya mencadangkan agar anggota-anggota berkenaan diserapkan ke IPT-IPT ini kerana dengan cara ini IPT sudah mendapat keuntungan iaitu mereka dapat menjimatkan belanja kerana mendapat kakitangan yang telah terlatih, tidak perlu lagi direkrut atau buat pengambilan baru ataupun dilatih budak-budak sekolah lepasan SPM untuk menjadi pengawal yang kerjanya tidaklah sukar sangat. Jabatan kerajaan tidak perlu mengeluarkan

belanja seperti yang saya katakan dan masa juga tidak terbuang. Dan penjimatan masa juga bermakna penjimatan wang. Jika anggota tentera dari unit tertentu yang lain seperti Unit Angkut, Kejuruteraan, Kejenteraan, Logistik dan sebagainya, mereka juga boleh diserapkan ke jabatan-jabatan yang memerlukan. Kalau ada Jabatan Pengangkutan, hantarkan ke JPJ umpamanya atau di mana-mana jabatan yang sesuai. Setiap jabatan kerajaan pasti akan untung mendapat bekas tentera dari *short service* ini.

Itu tadi dari yang *short service* bagi rekrut. Bagi yang memasuki perkhidmatan pegawai pula, bermula dengan Leftenan Muda, mereka mempunyai masa tujuh tahun untuk ke Kapten. Kemudian ada sukatan lagi untuk Mejar dan seterusnya dengan tawaran 13, 15, 18 dan 21 tahun, untuk perkhidmatan *regular*. Perkhidmatan mereka tidak automatik, boleh bersara sampai umur 55 tahun. Ia ada sekatan-sekatan tertentu. Dalam tempoh jangka pendek tujuh tahun pertama, mereka tidak mendapat kemudahan pinjaman perumahan dan sebagainya. Dalam tujuh tahun pertama, pegawai-pegawai ini tidak mendapat pinjaman kereta, perumahan dan apa-apa yang dinikmati oleh mereka yang lain. Bagi yang kekal dengan pangkat Kapten akan dibersarakan pada usia 45 tahun. Maknanya selepas Kapten dalam usia 45 tahun, mereka harus dapat kenaikan pangkat. Kalau tidak dapat, akan dibersarakan. Mejar pada usia 47 ½ tahun. Leftenan Kolonel pada usia 52 tahun dan Kolonel 55 tahun. Mahu ke mana para kapten yang berusia 45 tahun ini, Tuan Yang di-Pertua.

Ada negara-negara tertentu yang mengiktiraf kapten dengan perkhidmatan sekian lama, kelayakan mereka itu dan pengalaman mereka diiktiraf sebagai siswazah mempunyai kelayakan ijazah pertama. Maknanya, siswazah First Degree. Dan kalau demikian, bolehlah kita mencadangkan agar ATM juga mengkaji syor ini supaya bekas-bekas tentera ini daripada usia 45 diberi pengiktirafan yang sama bagi membolehkan mereka memohon pekerjaan lain. Kalau tidak, dalam usia 45 tahun kita tidak tahu apa yang akan terjadi. Buat masa ini, para kapten ini tidak mempunyai banyak pilihan kerja iaitu mungkin mereka boleh menjadi pegawai keselamatan kerajaan secara kontrak atau pegawai di syarikat-syarikat keselamatan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, ATM memberikan pingat PGP – Pingat Gagah Berani kepada pahlawan-pahlawan negara kita. Kadang-kadang selepas mereka meninggal, tinggal nama sahaja baru diberikan PGP. Saya mencadangkan agar hargailah semasa mereka masih hidup, dan apabila diberi pingat tertinggi ini jaga jugalah kebajikan mereka selepas persaraan. Kerana seorang kapten baru sahaja memaklumkan kepada saya bahawa ada seorang pegawai waran yang pernah mendapat PGP tetapi apabila bersara merempat sebagai pengawal keselamatan biasa yang pendapatannya hanya berapa ratus sahaja yang amat sukar untuk dia menyara keluarga ataupun meneruskan hidupnya seperti mana sebelum ini sebagai pegawai waran.

Peristiwa ini samalah seperti kisah seorang sarjan yang pernah saya sebut di Dewan yang mulia ini beberapa tahun yang lalu, iaitu dia disangka telah meninggal dunia dalam konfrontasi Malaysia-Indonesia dalam tahun 1960-an, maka dipahatlah namanya di tugu di Kem Port Dickson sebagai pahlawan negara yang gugur. Sebenarnya sarjan ini belum meninggal. Dan apabila beliau kembali ke tanah air, dia cuba *report duty* ke MINDEF, dia tidak mendapat apa-apa. Dia cuba mendapat pembelaan, dapat habuan - tidak dapat apa-apa pampasan dan akhirnya sarjan ini seperti yang saya sebut dahulu bekerja sebagai *parking attendant* di luar bangunan Wisma Pahlawan, sungguh menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebut pada usia persaraan pegawai-pegawai yang berbeza. Saya cadangkan biarlah mereka yang bersara ini dipersarakan pada usia yang sama seperti mana pegawai-pegawai yang lain kerana dengan perkataan 'bersara'.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Batang Lupar ya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya pun merasa sedih juga, Tuan Yang di-Pertua, mendengar cerita rintihan yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat kerana saya telah pun menerima laporan yang sama, seorang sarjan dalam satu *ranger* bangsa Iban dari Sarawak, apabila mendapat bintang Panglima Gagah Berani beberapa tahun yang lepas, ada negeri-negeri yang telah berjanji hendak memberi tanah dan macam-macam lagi perjanjian. Selepas janji itu hilang menjadi janji begitu sahaja,

nasiblah dia balik ke Sarawak dia dilantik menjadi Penghulu, dapatlah gaji sedikit sebagai Penghulu RM400 sebulan. Ini memang betul, saya juga menyokong apa yang dirintih dan bersama dengan Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

**Datuk Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Itulah kalau boleh penerima-penerima PGB ini kita memberikan mereka habuan yang lebih baik. Umpamanya, kalau orang belayar, orang berenang, orang main badminton boleh dapat habuan yang besar, kenapa tidak orang yang menggagas senapang dalam hutan ini juga diberikan habuan yang lebih jasa. Saya tidaklah bermaksud untuk memberikan 'datukship' tetapi tanah ataupun sesuatu yang lebih bermakna kepada penerima-penerima PGB ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perkataan 'bersara' di hujung pangkat kapten, mejar dan leftenan kolonel tidak cukup kuat atau tidak *carry weight* untuk mereka mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat swasta. Kalau jeneral bersara mungkin boleh jadi pengerusi di syarikat-syarikat termasuk pengerusi syarikat kerajaan. Tetapi kalau kapten bersara, leftenan bersara ini berlambak. Baling batu dekat Chow Kit lima terkena leftenan.

Oleh itu, biarlah kapten, mejar, leftenan kolonel dan kolonel ini bersara pada usia yang sama seperti juga pegawai-pegawai yang lain, 55 atau sekarang 56 tahun yang diamalkan sekarang kerana bukan semua orang leftenan kolonel dan mejar bersara bertuah seperti mana Bentara Mesyuarat di depan kita ini. Mereka masih boleh lagi berpakaian *number one dress* dengan gagah dan duduk di Dewan yang berhawa dingin. Bukan semua orang, kita boleh tengok tiga, empat orang sahaja yang boleh dapat. Yang lain masih tidak mendapat tempat sewajarnya. Jadi, itulah saya mencadangkan berilah pengiktirafan sama rata.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga syorkan supaya pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam skim jangka pendek diberikan kemudahan pinjaman perumahan dan kenderaan dan untuk membolehkan mereka membayar balik kerana mereka berkhidmat tujuh tahun sahaja, inilah yang dicadangkan tadi supaya mereka diberikan perkhidmatan lebih panjang dengan menikmati faedah-faedah persaraan.

Dalam membincangkan pasukan keselamatan, saya juga tidak boleh meminggirkan Jabatan Pertahanan Awam. Begitu juga dengan Tuan Yang di-Pertua salah seorang pegawai tinggi Jabatan Pertahanan Awam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih.

**Datuk Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Saya tidak tahu di mana lagi silapnya jabatan ini. Sudah banyak anggota JPA yang meninggalkan perkhidmatan kebelakangan ini. Saya difahamkan puncanya ialah elaun mereka telah tertunggak sejak bulan Februari yang lalu - tujuh bulan. Tak tahulah ini berapa bulan tertunggak. Ketahuilah bahawa terdapat anggota-anggota dan pegawai yang berkhidmat sepenuh masa dalam perkhidmatan sukarela 991 ini. Walaupun perkhidmatan 991 tidak diberi gaji tetapi sukarelawan ini dibayar elaun tugas – ada kerja ada gaji tetapi ada juga pegawai-pegawai yang bekerja sepenuh masa. Jika mereka tidak mendapat elaun sehingga enam, tujuh bulan, bagaimanakah mereka hendak berkhidmat dengan baik. Jangan kata berkhidmat dengan baik, macam mana mereka hendak hidup, makan minum tujuh bulan elaun tidak dibayar.

Minggu lalu tatkala saya pulang, di bawah sana saya melihat seorang leftenan dari Jabatan Pertahanan Awam, di tangga lobi Parlimen. Dia menegur saya. Dia senyum tetapi saya lupa siapa yang senyum, sehingga dia panggil saya dengan memberi salam, katanya "tuan", bila saya dengar suara baru saya cam. Seorang pegawai berpangkat leftenan yang masuk 991 dari prebet dia boleh tunggu sampai berpangkat leftenan. Tetapi hari ini leftenan ini bawa kereta sebagai pemandu di salah sebuah kementerian, dia tidak boleh tunggu lagi. Katanya "Saya sudah tinggalkan JPA3, banyak sangat pembohongan." Leftenan ini masalahnya sama juga. Yang dikatakan pembohongan ialah elaunnya tidak dibayar.

Itu pandangan saya mengenai Pasukan Keselamatan, tentera dan juga perkhidmatan 991 yang patut kita bela kerana mereka menjaga kita siang dan malam

memberikan perkhidmatan tanpa pernah memikirkan keselamatan mereka sendiri. Mereka berkorban untuk kita, kira berilah mereka pembelaan.

Seperkara lagi mengenai nasib pesawah-pesawah kita di kampung-kampung. Pesawah ini juga banyak yang berkorban seperti juga dengan pasukan tentera kita. Sebagai pemilik bendang, mereka mengerjakan sawah padi dari generasi ke generasi tetapi tidak juga ada pesawah yang kaya raya, selesa pun tidak ada. Mereka masih lagi susah. Kalau hendak hidup selesa sedikit adalah jaminan tetapi selesa betul-betul tidak ada, susah, walaupun bergenerasi lama, berkurun-kurun diwarisi dari datuk moyang sebagai pesawah, mereka tetap lagi belum kaya raya ataupun selesa. Puncanya kerana padi harganya rendah. Tadi Yang Berhormat bagi Sri Aman kata pula, taburkan benih, yang keluar hasil lebih sedikit daripada benih. Lagi kacau. Banyak benih daripada hasil. Cukup kacau Tuan Yang di-Pertua. Macam mana hendak senang? Tetapi perkara ini telah lama berlaku. Apa yang harus kita lakukan? Kita harus memikirkan Tuan Yang di-Pertua, kalau beras hari ini dijual dengan harga RM1.60 sekilogram, sudah sampai masanya kita mencari bagaimana cara hendak menaikkan yang RM1.60 sekilogram ini menjadi RM16 sekilogram atau RM30 sekilogram.

Bukanlah beras atau padi yang kita lihat itu Tuan Yang di-Pertua. Bukan itu. Kalau itu saya pun nanti susah hendak *maintain* badan. Hendak beli RM30 sekilogram beras, kacau. Tetapi yang saya maksudkan ialah bagaimana kita boleh berusaha melalui R&D, melalui pemasaran menghasilkan produk-produk berasaskan beras atau padi dijadikan makanan segera, kuih dan sebagainya dengan harga RM16 sekilogram. Memang betul Tuan Yang di-Pertua, dahulu adalah orang-orang kampung buat emping, pulut hitam dan sebagainya tetapi harganya macam itu juga. Tidak boleh dikomersialkan.

Dalam lawatan ke Taiwan, sebenarnya saya ke Taiwan untuk melihat insinerator kerana hendak dibuat dalam kawasan Broga. Tetapi saya terjumpa kuih, makanan segera yang dibuat di Taiwan berasaskan beras dan kuih ini, biskut ini dijual dengan harga RM18 sekilogram dan dijual dalam peket-paket suku kilogram. Taiwan buat Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita di Malaysia tidak buat?

Ke mana pergi agensi-agensi seperti R&D kita? Masih lagi kah dengan emping ataupun masih kah kita membuat *research* atau penyelidikan-penyelidikan yang tidak boleh dimajukan. Saya masih teringat umpamanya ada agensi penyelidikan kita membuat penyelidikan yang menghasilkan pembakaran lemak dalam besi. Kita selalu bakar lemak semasa hari raya dalam buluh, tetapi agensi R&D kita buat bakar dalam besi. Mana perginya *research* yang begitu berharga? Siapa yang masak dalam besi sekarang Tuan Yang di-Pertua? Periuk besi ada, lemak besi saya tidak jumpa lagi.

**Beberapa Ahli:** Mana sedap.

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tidak sedap. Saya takut pulut besi ini jadi pulut basi, yang menyusahkan.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Jadi, kalau buat *research* biarlah yang *viable*, yang boleh menguntungkan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak bagi jalan?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Boleh bagi? Kalau tidak, saya boleh duduk.

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Bolehlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, silakan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, ini pun juga satu bidang yang saya bersependapat dengan Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Jadi, saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat bagi Hulu Langat ini, kalau kita lihat di Amerika, di Eropah dan sebagainya, isu yang terbesar di dunia sekarang ini ialah subsidi kepada pihak..... kepada pihak negara-negara yang memberi subsidi terbesar kepada *agriculture* mereka dan mendatangkan masalah kepada negara-negara membangun untuk membangunkan hasil mereka.

Jadi, tidakkah kita boleh juga membuat perkara yang sama. Jangan pandang dari segi korporat sahaja. Membangunkan industri ini dengan besar-besaran tetapi orang kecil-kecilan kita lupa di bandar, di pekan dan di kampung. Dalam masa yang sama, orang di pekan, orang di kampung itulah akan memberi kita dan membangun kita, memilih kita untuk duduk di Dewan ini.

Jadi, macam mana, bagikanlah duit atau macam mana cara mekanisme yang kita carikan supaya dapat tiap-tiap bulan, tiap-tiap orang ini, keluarga ini dapat RM2,000 sebulan. Macam mana, setuju tak?

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, itu satu pandangan yang baik daripada Yang Berhormat bagi Batang Lepar. Saya adalah idea yang lebih kurang macam itu. Tetapi yang saya hendak sebut di sini memang sudah Yang Berhormat bagi Batang Lepar sebutkan tadi. Macam lemang besi tadilah. Saya rasa kalau buat pembakaran lemang dengan menggunakan besi ini, ini syok sendiri. *Researcher* sahaja pakai, orang kampung tidak pakai. Buluh tidak payah beli, besi ini? Bukan boleh buat. Bukan boleh dapat, bukannya tumbuh.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Hendak cantas besi dekat mana? Kita kena beli, sudahlah orang kampung beras sudahlah RM1.60, pulut RM1.90 hendak beli besi? RM9 mungkin. Kot dapat? Jadi, inilah kalau buat *research* pun biarlah kata Yang Berhormat bagi Batang Lepar tadi, sampai kepada *end user*, sampai kepada orang yang mendapat manfaat. Kalau tidak, seperti yang saya katakan, maaf saya katakan jangan syok sendiri.

Mengenai R&D tadi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Batang Lepar, ini *point* yang saya hendak masuk selanjutnya iaitu penanam-penanam padi bukan R&D, faedah diberikan balik untuk R&D itu sebenarnya. Penanam-penanam padi telah pun mengorbankan tanah, telah pun berjasa kepada kita kerana tanah mereka ini di ceruk-ceruk yang jauh-jauh sangat mungkinlah, tetapi kalau kita tengok di Sabak Bernam atau di Alor Setar *[Mengalihkan pandangan kepada Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar]* .....

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** *[Ketawa]*

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ketawa, senyum, tidak apalah tetapi ini hakikat. Pesawah-pesawah padi di Sabak Bernam, kalau mereka jadikan tanah sawah mereka sebagai kawasan perumahan, saya cukup yakin bahawa mereka akan mendapat keuntungan yang lebih berganda. Begitu juga orang di Kedah dengan untung berganda ini mereka boleh melabur ke lain. Tetapi, mereka berkorban dan pengorbanan pesawah-pesawah padi ini telah dapat menjimatkan kita, iaitu kerajaan kira-kira RM800 juta setahun kerana kita tidak mengimport.

Kalaulah mereka tidak tanam padi, kita tidak ada beras sendiri, kita kena import lebih banyak dan kita kena belanjakan RM800 juta lagi. Apalah salahnya daripada penjimatan ini, penjimatan kerajaan ini dipulangkan balik kepada pesawah-pesawah mungkin 50% daripadanya dengan cara-cara yang tertentu.

RM400 juta diberikan kepada semua pesawah. Inilah baru sampai kepada matlamat Yang Berhormat bagi Batang Lepar tadi. Kalau hari ini pesawah padi kita ada yang berpendapatan RM500 atau RM600 sebulan, kita pulangkan balik penjimatan dalam hasil pengorbanan mereka ini, kita pulangkan dalam bentuk-bentuk tertentu. Barulah mereka boleh dapat RM2,000 atau RM2,500 sebulan.

Pengorbanan mereka ini bagi saya sama dengan tentera dan polis tadi atau penguat kuasa atau dengan siapa sahaja, sebab kita mempunyai peranan dan fungsi yang sama iaitu untuk membangunkan negara dan mengharmonikan negara kita. Cuma kaedahnya berbeza-beza. Tentera galas senapang, petani bawa cangkul tetapi peranan mereka, jasa mereka tetap sama.

Jadi, saya mencadangkan supaya dengan penjimatan RM800 juta ini, kerajaan bolehlah memikirkan cara-cara bagaimana hendak memulangkan balik kepada pesawah-pesawah atau petani-petani ini, tidak kiralah kementerian mana sekali pun yang hendak membuat kajian ini, Kementerian Sumber Manusia kah, Jabatan Perdana Menteri kah, Kementerian Pertanian kah, pokoknya hasil itu dapat dikembalikan kepada pesawah-pesawah yang berhak. Saya rasa mereka memang cukup berhak.

Saya sebut lagi pasal R&D untuk menaikkan harga beras. Bukan beras sahaja, yang lain-lain juga, petani-petani yang lain yang mengeluarkan ubi. Ubi ok, sudah ada nampak peningkatan dibuatkan cip, makanan segera yang kalau di Selangor, di Kuala Langat untung cukup baik. Kalau pergi ke sana, ubi dia sudah tidak jual dengan kita lagi. Dia sudah tidak hendak jual dengan orang tempatan sebab mereka sudah ada pasaran di luar negara di Australia dan Filipina dengan harga yang lebih tinggi.

Ini patut dicontohi dan kerajaan patut memberikan sokongan dengan mengadakan lebih banyak tempat pengeluaran seperti ini, bukan sahaja di Banting ataupun di Kuala Langat itu, tetapi juga di kampung-kampung yang lain. Barulah dapat bermakna satu kampung mengeluarkan satu produk tadi. Kalau satu kampung, satu produk tetapi produknya berharga RM1.60 sekilogram Tuan Yang di-Pertua, sia-sia juga, harga murah, *packaging* tidak cantik, *promotion* tidak ada.

Jadi inilah saya mencadangkan supaya agensi-agensi yang berkaitan dengan pengeluaran, pertanian, pemasaran pertanian, *research and development* mengenai pertanian mengadakan program-program bersepadu yang saling perlu memerlukan. Tidak mahulah nanti yang agensi pengeluaran dengan hal masing-masing, pemasaran dengan hal masing-masing dan R&D dengan halnya.

Akhirnya kalau kita lihat sekarang, agensi pemasaran kita FAMA cara yang terbaik sekarang ialah dengan mengadakan Pasar Tani. Pasar Tani Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada FAMA pun orang lain buat juga pasar ini. Di tempat saya hari Ahad sahaja yang tidak ada pasar, hari Ahad pergi ke pasar basah yang lain iaitu pasar pagi, Pasar Tani, pasar petang, pasar malam semua ada Tuan Yang di-Pertua. Hari Ahad sahaja yang tidak ada. Ini kalau FAMA tidak tolong buat pun dia orang pun sudah boleh buat.

Bagi saya agensi seperti FAMA ini harus lebih tinggi lagi, lebih meningkat lagi peranannya memikirkan bagaimana hendak memasarkan dengan harga yang lebih tinggi, bukan lagi buah belimbing RM1.80 sen sekilo. Sudah lama, masa badan saya kecil pun RM1.80 sen sekilo Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah besar badan saya masih RM1.80 sen sekilo. Esok anak saya besar macam saya RM1.80 sen juga, di mana kemajuan pertanian, di mana kemajuan -orang-orang kampung, harus ada perubahan ini. Produk-produk kampung ini sebenarnya adalah jaminan masa depan, Yang Berhormat bagi Batang Lupar sudah sebut, Sri Gading selalu juga sebut, penyokong-penyokong kita di bandar dengan di luar bandar berbeza. Di luar bandar ini yang lebih, kita patut memberi tumpuan lebih kepada mereka, walaupun dalam Bajet 2004 seperti juga bajet lain mereka memang dapat lebih tetapi yang dapat *direct* pada mereka itu masih jauh ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan semua agensi, semua jabatan fokuslah kepada mereka supaya apabila mereka berjaya, negara kita akan lebih cepat berjaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Datuk Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Apa dia Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Masa sudah cukup.

**Datuk Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Sudah cukup, sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak mengambil kesempatan dalam masa yang terdekat ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada rakan-rakan kita di universiti-universiti tempatan kerana baru-baru ini pelajar-pelajarnya telah pun menunjukkan betapa rasionalnya mereka, betapa bijaksananya dan sedarnya mereka tentang peranan mereka di IPTA- IPTA yang kebanyakan universiti-universiti itu pula telah dibina oleh kerajaan untuk membela masyarakat kampung. Yang saya maksudkan ialah pelajar-pelajar dari UKM, UPM, UiTM umpamanya khususnya UPM dan UKM telah pun ada kesedaran dan keinsafan sehingga mereka boleh berjaya dalam pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar yang berpihak - kesemuanya kepada kerajaan yang memerintah.

Saya berharap perkembangan positif ini akan dapat diteruskan pada masa-masa hadapan kerana pihak pentadbir universiti juga tidak lagi membuang masa yang banyak untuk menangkis gangguan-gangguan yang dibawa oleh pelajar-pelajar yang pro kepada pembangkang selama ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Saya beri Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

**4.13 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut untuk membahaskan Bajet belanjawan bagi tahun 2004. Pada 1 September yang lalu lima buah negeri, Kelantan, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis telah mengalami gangguan bekalan elektrik. Ini bukan kali pertama bekalan elektrik terputus, yang pada pendapat saya adalah serius. Ada pihak-pihak tertentu yang cuba menggambarkan bahawa ia bukan satu perkara atau masalah yang serius dengan memberi pelbagai alasan. Pihak TNB yang memonopoli pemberian bekalan elektrik – di negara ini telah dilaporkan mengatakan bahawa dengan izin, *it could has been worst*, amat tidak menyenangkan saya walaupun pihaknya telah meminta maaf.

Pihak MTEN pula membuat perbandingan dengan kejadian 10 tahun dahulu dengan menambah tidak serius seperti berlaku 10 tahun dahulu dan turut cuba melegakan orang ramai dengan membandingkan dengan kejadian bekalan elektrik yang terputus di Amerika Syarikat, di United Kingdom, baru-baru ini negara-negara yang maju juga berlaku, jadi apa salahnya kalau gangguan bekalan elektrik berlaku juga di Malaysia. Juga turut kedengaran suara-suara seolah-olah mereka merasa bernasib baik kerana hari tersebut adalah hari cuti. Sikap sedemikian adalah tidak patut diambil.

Setiap kali kejadian bekalan elektrik terputus yang menimbulkan bukan sahaja kesulitan kepada orang ramai di laluan pintas hospital ia turut membawa kerugian kepada peniaga-peniaga dan pekilang-pekilang. Ia turut menjejaskan imej negara, kalau negara-negara maju seperti di United Kingdom, di Amerika Syarikat berlaku janganlah yang tidak baik negara ini ikut, yang baik baru kita ikut. Ia tidak boleh menjadikan satu justifikasi untuk masalah atau perkara ini berlaku di negara ini, malahan kalau kita baca surat khabar Tuan Yang di-Pertua beberapa hari yang lepas Menteri Besar Negeri Selangor juga meluahkan perasaan tidak puas hati berkenaan dengan keputusan bekalan elektrik yang sering berlaku di negeri Selangor.

Beliau juga mengatakan bahawa jika keadaan ini berlarutan ia akan menjejaskan pelaburan asing ke negara ini seperti kerisauan yang telah dilafazkan oleh pelabur-pelabur di negara Jepun. Pada tahun 1992, 1996 dan 1998 penduduk-penduduk mengalami keputusan bekalan elektrik dan kejadian tersebut adalah antara yang paling serius pernah berlaku di negara ini. Semasa kejadian pada tahun 1996 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah meluahkan perasaan tidak puas hati dengan kejadian tersebut serta beliau telah melaporkan beliau merasa malu dan marah kerana TNB tidak mempelajari kejadian pada tahun 1992.

Melihat kembali kepada kejadian pada tahun 1996 pada ketika itu kita juga terdengar suara-suara bahawa perlu ada satu alternatif kepada pembekal-pembekal bekalan elektrik negara ini dan tidak sahaja dimonopoli oleh TNB sahaja. Tanpa persaingan kita tidak nampak kemudahan diperbaiki mencapai satu standard yang tinggi. Saya ingin tahu apakah ada rancangan untuk memberi persaingan kepada TNB agar mutu

perkhidmatan diperbaiki dan pembekal negara elektrik tidak dimonopoli oleh satu syarikat sahaja.

Kalau ada persaingan orang ramai akan lebih dilindungi dan mempunyai pilihan serta mendapat perkhidmatan yang bermutu tinggi dan harga yang lebih murah. Kita boleh tengok Tuan Yang di-Pertua, persaingan di antara perkhidmatan telefon *cellular* pelbagai pakej yang menarik diberi kepada pelanggan. Mereka bersaing antara satu sama lain dan cuba memperbaiki perkhidmatan mereka .

Kalau kita boleh nampak persaingan berlaku terhadap perkhidmatan TNB, saya percaya *consumers* akan mendapat perkhidmatan yang lebih baik. Apabila kejadian bekalan elektrik terputus pada 1 September yang lalu Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia telah menyatakan bahawa industri sederhana dan berat mengalami kerugian di antara lebih kurang RM20 hingga RM30 juta terutamanya kilang-kilang simen yang paling teruk terjejas.

Penjaja-penjaja dan peniaga kecil juga tidak terkecuali daripada terjejas perniagaan mereka terutamanya mereka yang menjual makanan dan minuman. Ada yang terpaksa menyewa penjana kuasa yang berharga lebih kurang RM1,000 sehari bagi meneruskan perniagaan mereka, agar dapat mengurangkan kerugian perniagaan pada hari tersebut. Saya ingin tahu pada setakat ini apakah kedudukan siasatan berkenaan kejadian pada 1 September yang lalu. Bilakah laporan terperinci tersebut akan siap. Apakah ganti rugi akan diberikan kepada *consumer* jika didapati bahawa kejadian ini adalah disebabkan oleh kecuaiian atau kelemahan pengurusan. Kalau kita bandingkan kejadian Tuan yang di-Pertua, yang berlaku di London baru-baru ini apabila bekalan elektrik terputus, syarikat itu terpaksa berhadapan dengan akibatnya, kerana jika mereka didapati ia berlaku kerana kecuaiian dan kelemahan pengurusan, denda sebanyak lebih kurang RM6 bilion akan terpaksa mereka hadapi dan juga pihak kerajaan semasa perjanjian dengan syarikat pembekal elektrik di London tersebut kerajaan ada mempunyai syarat kalau berlaku gangguan elektrik yang melibatkan kerugian kepada orang ramai pihak lembaga eksekutifnya perlu dipotong bonus mereka.

Apakah keadaan sedemikian ataupun ada syarat yang sedemikian di dalam perjanjian-perjanjian TNB dengan Kerajaan Malaysia. Saya ingin pohon satu penjelasan kerana saya rasa syarat ini amat baik agar setiap kali TNB menjalankan tugas, tanggungjawab, ia akan lebih berhati-hati, kalau tidak bonus-bonus pihak Lembaga ini akan dipotong. Ini sebagai contoh seperti saya kata tadi di London sebanyak 10%. Saya harap, saya percaya, ini harus dipraktikkan juga di negara ini agar pihak Lembaga lebih berhati-hati dan bertanggungjawab menjalankan tugas mereka. Saya rasa sekadar meminta maaf setiap kali apabila bekalan elektrik terputus adalah tidak memadai. Saya ingin tahu, apakah tindakan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan terhadap TNB agar mereka lebih, *alert* apabila menjalankan tugas mereka.

Beberapa hari yang lepas juga dilaporkan bahawa Presiden dan Ketua Eksekutif TNB berkata bahawa, beberapa hari selepas kejadian, lebih kurang dua hari, Presiden dan Ketua Eksekutif TNB dilaporkan berkata bahawa, kejadian tersebut berlaku kerana talian penghantaran tidak berupaya menampung beban bekalan semasa kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan.

Kemudian Menteri pula berkata bahawa laporan awal menunjukkan kejadian berlaku bukan berpunca daripada kecuaiian manusia. Selepas itu beberapa hari yang lalu, TNB pula berkata, ia akan mengemukakan laporan terperinci berkenaan kejadian tersebut dalam masa dua minggu. Dilaporkan di dalam media, laporan tersebut hanya akan dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Menteri, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan Menteri-Menteri sahaja.

Saya merasa adalah kurang bertanggungjawab jika laporan terperinci berkenaan kejadian tersebut hanya diberi kepada Menteri-Menteri sahaja. Mereka yang sepanjang masa ini, TNB yang mengaut keuntungan sepanjang masa ini adalah kerana *consumer*, bukan sahaja Menteri-Menteri atau *Cabinet Members*. Oleh itu, saya rasa hanyalah adil kepada *consumer* jika laporan terperinci ini disiarkan di media, menjadi satu dokumen, *make it a public document*, agar semua rakyat, *consumer* tahu, apakah punca-punca

bekalan elektrik terputus pada 1 September. TNB harus bertanggungjawab kepada *consumer*.

Keuntungan banyak, Tuan Yang di-Pertua, menurut satu laporan sehingga Mei 31 hari bulan, bagi sembilan bulan yang awal ini, TNB telah mengaut keuntungan sebanyak RM911.2 juta. Ini *profit* kerana *consumer*, bukan sekadar kerana Menteri-Menteri sahaja. Jadi, saya harap TNB akan mengambil langkah yang bijak, bertindak dengan telus, memberikan laporan terperinci berkenaan siasatan bekalan elektrik yang terputus ini kepada semua orang awam agar mereka boleh teliti.

Jika memang benar didapati bahawa ia adalah kecuaiian atau kelemahan pengurusan, saya rasa adalah baik TNB menerima akibatnya. Ini adalah cara untuk mempelajari, untuk memperbaiki atau menunjukkan TNB sentiasa bertanggungjawab dan juga prihatin ke atas apa-apa kerugian ekoran daripada kelemahan perkhidmatan TNB.

Saya rasa juga adalah tidak mencukupi kalau TNB hanya memberi jaminan bahawa bekalan elektrik adalah mencukupi semasa LIMA, yang akan berlangsung pada bulan Oktober ini. Saya baca dalam surat khabar menyatakan bahawa TNB memberikan jaminan, tidak perlu risau, segala langkah dan jaminan telah diberi, akan mempunyai bekalan yang cukup untuk pameran maritim ini. Saya rasa, jangan sekadar pameran LIMA sahaja, TNB memberi jaminan. Bolehkah TNB memberi jaminan bahawa tidak akan berlaku bekalan elektrik terputus, ekoran daripada kelemahan pengurusan atau kecuaiian di masa depan.

Sebelum ini pada tahun 1992 dan 1996, telah dilaporkan bahawa ekoran daripada kejadian pada tahun-tahun tersebut, TNB akan atau telah mengambil konsultasi, *foreign consultant*, dengan izin, bagi mengkaji kejadian tersebut dan memperbaiki perkhidmatan dan mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan berulangnya. Walaupun *foreign consultant* telah diambil, Tuan Yang di-Pertua, berlaku juga keputusan bekalan elektrik.

Sekarang orang ramai hendak tahu, apakah itu kecuaiian atau kelemahan pengurusan atau *act of God*, dengan izin. Kalau *act of God*, kita boleh faham, kita boleh faham tetapi kalau baca daripada laporan awal, menyatakan bahawa semasa kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan, saluran tambahan tersebut yang menyebabkan saluran elektrik terpelantik. Saya kurang faham teknikal ini tetapi seolah-olah kerana penyelenggaraan kerja-kerja saluran tambahan itu, yang tidak boleh menyediakan bekalan tersebut. Jadi, saya pohon TNB, kerajaan juga, biar kita bersikap lebih terbuka di dalam mengendalikan masalah atau perkara ini.

Saya juga ingin tahu, apakah kejadian berlaku di KLIA pada 1 September, di mana bekalan elektrik terputus selama lebih 10 minit, menyebabkan lebih kurang dua penerbangan antarabangsa dan empat penerbangan domestik tertangguh. Apakah itu juga ada kaitan dengan apa yang berlaku di lima buah negeri tersebut pada ketika itu? Sebab kita baca di dalam surat khabar, sebaik sahaja gangguan berlaku di KLIA, Menteri Pengangkutan juga meluahkan kerisauannya, beliau telah menyatakan bahawa sistem sokongan bekalan elektrik di KLIA juga akan diperbaiki bagi menghadapi bekalan elektrik yang bakal terputus itu. Jadi, saya ingin tahu, apakah ia ada kaitan? Kerana ia berlaku serentak dengan kejadian di lima buah negeri tersebut.

Saya ingin beralih kepada perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan PTPTN. Sebab Bajet 2004 ini ada menyentuh berkenaan keprihatinan kerajaan terhadap graduan yang mengambil pinjaman PTPTN. Seperti yang diumumkan bahawa pinjaman daripada tabung ini, faedahnya akan dikurangkan kadarnya daripada 4% kepada 3%, dan bayaran balik akan bermula apabila graduan mula bekerja pada tahun ketiga. Satu skim untuk bayaran balik berperingkat telah juga diumumkan.

Saya ada terima pertanyaan daripada pelajar. Ini adalah suara pelajar. Mereka ingin tahu sama ada pengurangan faedah ini akan dikuatkuasakan ke atas pelajar yang telah terima pinjaman tersebut atau kepada pelajar yang akan menandatangani perjanjian dengan PTPTN di masa hadapan.

Sebelum ini, kerajaan ada kata bahawa 4% bukan faedah tetapi adalah kos pentadbiran tetapi dalam Bajet ini, nampaknya kerajaan telah mengaku bahawa yang

dikutip tersebut adalah faedah kerana menggunakan kata, dengan izin, *terms*, "faedah", dalam Bajet tersebut. Jadi, kalau bolehlah, saya harap dibatalkan faedah 4%, 3% ini, agar kerajaan dapat menunjukkan keprihatinan membantu mereka yang miskin, yang tidak berupaya untuk melanjutkan pendidikan dengan tidak mengutip faedah ke atas pinjaman mereka.

Saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, pada suatu ketika dahulu apabila ada graduan yang gagal menjelaskan pinjaman mereka, kita ada dengar suara-suara yang menyatakan bahawa nama-nama mereka mungkin akan disiarkan di dalam surat khabar dan mereka akan didakwa di mahkamah kerana gagal membayar. Saya bukan bersetuju dengan tindakan pelajar yang telah tamat pengajian tetapi tidak membayar balik wang pinjaman. Saya harap kerajaan memahami sebab-sebab mengapa mereka lewat membayar, dan saya harap pelajar yang telah mengambil pinjaman dapat menjelaskan pinjaman mereka. Tetapi yang pentingnya janganlah hanya tuju terhadap pelajar-pelajar yang telah menerima pinjaman daripada tabung ini. Bagaimana pula dengan kerajaan negeri yang telah menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan?

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca Laporan Ketua Audit Negara, bukan main tinggi lagi pinjaman oleh kerajaan negeri daripada Kerajaan Persekutuan - tunggakan pinjaman yang begitu tinggi sekali. Negeri Johor, Tuan Yang di-Pertua, di tempat pertama, berturut-turut dua kali tunggakan bayaran balik pinjaman. Harap Yang Berhormat bagi Sri Gading bila balik ke negeri Johor supaya dapat memberi sedikit nasihat kepada Menteri Besar Johor. Sudah dua kali bayaran tertunggak. Perkara yang tidak baik ini janganlah hendak duduk di tempat pertama dua kali berturut-turut. Jejas imej Johor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Menghadap ke sini Yang Berhormat, jangan ke sana. Nanti dia berdiri, susah nanti Yang Berhormat. Teruskan.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok, hutang kerajaan negeri yang masih tertunggak pinjaman mereka kepada Kerajaan Persekutuan adalah bernilai RM1,932 juta; Badan Berkanun – RM3,149 juta; syarikat kerajaan dan bukan kerajaan – RM2,942 juta; Pihak Berkuasa Tempatan – RM425 juta; koperasi – RM15 juta; pelbagai agensi – RM44 juta. Maka jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman kesemua agensi ini terhadap Kerajaan Persekutuan adalah bernilai RM8,509.3 juta, yang mana adalah hampir sama dengan nilai peruntukan untuk Kementerian Pertahanan.

Jadi, yang pinjam banyak ini adalah oleh kerajaan negeri di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Kelantan dan Terengganu pun ada pinjaman tertunggak tetapi tidak dapat menduduki tempat pertama yang masih diduduki oleh Johor, diikuti pula oleh negeri Kedah, Tuan Yang di-Pertua, yang mempunyai tunggakan pinjaman sebanyak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tertarik.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** ....macam tergodalah [*Ketawa*] Suara Yang Berhormat bagi Batu Gajah, cukup merdu. [*Disampuk*] Setuju kah tidak Yang Berhormat, yang banyak tertunggak ini adalah negeri-negeri yang pandai membuat perbelanjaan? Setuju kah tidak Yang Berhormat? Macam mana agak-agaknya? [*Ketawa*]

**Puan Fong Po Kuan:** Yang Berhormat bagi Sri Gading memang suka berjenaka dalam Dewan [*Ketawa*] Pada pandangan saya kita mestilah berjimat-jimat. Bila balik ke Johor, Yang Berhormat nasihatkan Menteri Besar agar kalau tidak cukup pendapatan janganlah hendak berlebih-lebih berbelanja. Jangan berbelanja lebih daripada pendapatan. Ini mesti diingat selalu. Itu bukan wang Kerajaan Barisan Nasional, itu adalah wang rakyat [*Disampuk*] Yang Berhormat bagi Sri Gading .....

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** [*Mencelah*] Yang Berhormat bagi Batu Gajah!!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun lagi.

**Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:** Sedikit lagi, sedikit lagi. Bolehkah tidak nasihat itu ditujukan juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dia pun orang Johor juga, jangan saya, saya kecil punya orang. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya tidak kacau dia. *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan:** Saya harap perkara ini dapat diambil dengan serius – tunggakan pinjaman yang tinggi ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan hendak bertanya, ya. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan balik pinjaman ini? Kalau kita baca dalam Laporan Ketua Audit Negara, setiap tahun nilai tunggakan pinjaman ini bertambah. Jadi, kalau hendak minta balik daripada pelajar-pelajar, graduan kita yang meminjam dari Tabung, berbagai-bagai tindakan akan diambil terhadap mereka. Bagaimana pula dengan nilai sebanyak RM8,000 juta ini daripada pihak kerajaan negeri?

Kita baca dalam surat khabar hari ini, Lembaga Hasil Dalam Negeri hendak melawat rumah ke rumah untuk mengejar mereka yang tidak bayar *income tax*. Apakah Yang Berhormat akan menghantar satu konvoi atau delegasi untuk melawat dari negeri ke negeri, berjumpa Menteri Besar minta mereka membayar tunggakan hutang ini? *[Disampuk]* *[Ketawa]* Jadi, saya hendak tahu apakah cara untuk mendapatkan balik pinjaman yang bernilai tinggi ini? Langkah ini bertujuan agar mereka akan lebih berhati-hati berbelanja pada masa akan datang, jangan membazirkan wang rakyat dengan berbagai-bagai projek yang tidak bermanfaat. Saya nampak di Johor, di Melaka banyak sangat projek yang tidak berfaedah didirikan. *[Disampuk]*

Saya harap perkara ini diambil perhatian. Jika tidak, adalah tidak bermakna kita setiap tahun membuat laporan ini hanya semata-mata untuk rekod, tidak ada tindakan susulan diambil. Saya mohon satu penjelasan dan jawapan, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan balik pinjaman oleh kerajaan negeri ini?

Saya juga ingin tahu apakah garis panduan yang sedia ada sebelum kerajaan membuat apa-apa keputusan untuk menjadi penjamin kepada pinjaman syarikat-syarikat. Kalau kita baca dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2002, kita akan dapati bahawa Kerajaan Persekutuan telah menjadi penjamin kepada syarikat-syarikat di mana ia telah menyebabkan Kerajaan Persekutuan terpaksa membayar balik apabila syarikat tersebut gagal menjelaskan bayaran pinjaman tersebut. Seperti contoh, Pertubuhan Berita Nasional, di mana kerajaan telah menjamin tetapi tidak langsung membayar balik tunggakan sebanyak RM3 juta.

Kita boleh lihat dalam Laporan bahawa Kerajaan Persekutuan adalah terdedah untuk membayar semua jaminan sebanyak RM47,873 juta. Kalau kesemua syarikat ini seperti Pengurusan Danaharta, Kuala Lumpur International Airport, Khazanah Nasional tidak membayar balik pinjaman mereka, Kerajaan Persekutuan terpaksa membayar pula sebab Kerajaan Persekutuan menjadi penjamin.

Saya telah membuat perbandingan Laporan Ketua Audit Negara, Khazanah Nasional – jumlah baki pinjaman yang dijamin adalah sebanyak RM10,000 juta pada tahun 2001 dan pada 2002 juga sebanyak RM10,000. Ini bermakna pinjaman tidak langsung dibayar balik. Jadi, saya risaulah kalau Kerajaan Persekutuan menjadi penjamin tetapi tidak mempunyai satu garis panduan yang ketat ia akan mendedahkan kerajaan kepada tindakan atau terpaksa membayar pinjaman bagi pihak syarikat.

Saya rasa patut juga kerajaan memastikan bahawa perkara yang saya nyatakan tadi tidak berulang lagi, di mana pernah berlaku kerajaan terpaksa membayar balik sebanyak RM1,520 juta bagi sebuah syarikat yang gagal menjelaskan pinjamannya. Jadi saya ingin tahu, apakah nama syarikat tersebut, di mana sebanyak pinjaman lebih dari RM1,000 juta kerajaan terpaksa membayar kerana menjadi penjamin. Saya harap kerajaan

boleh bersikap telus dengan menamakan syarikat tersebut agar perkara ini tidak berulang lagi kerana kita mesti sentiasa ingat bahawa itu adalah wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada topik yang lain. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tahu masa saya berapa lama lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ada empat minit lagi.

**Puan Fong Po Kuan:** Baru-baru ini telah dilaporkan bahawa Polis Diraja Malaysia telah mengadakan pengambilan anggota baru dan ia mendapat sambutan yang baik daripada kalangan wanita. Saya memang sokong lebih ramai wanita yang berminat, yang berkelayakan agar menyertai Polis Diraja Malaysia. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru supaya lebih ramai golongan muda yang bukan Melayu turut menyertai Polis Diraja Malaysia. Tetapi sebelum itu saya harap kerajaan dapat mengkaji semula dasar-dasarnya dan juga mengkaji semula gaji dan mengkaji apakah punca atau faktor yang menyebabkan golongan bukan Melayu kurang berminat untuk menyertai Polis Diraja Malaysia.

Jadi, kalau dasar-dasar ini teratur, dasar-dasar ini baik, gaji juga berpatutan atau mencukupi untuk anggota polis, saya rasa dengan begitu sahaja ia dapat menjadi tarikan kepada orang ramai untuk menyertai Polis Diraja Malaysia sebab baru-baru ini juga dilaporkan bahawa, dengan izin, Deputy Inspector-General telah melaporkan dan berkata terdapat satu kajian bahawa imej polis kurang baik kerana orang ramai memandangi polis yang cenderung kepada rasuah, yang menyalahgunakan kuasa, yang terlibat dengan jenayah, saya rasa adalah penting bagi pihak polis untuk memperbaiki imej. Jadi, kita dapat menarik lebih ramai orang untuk menyertai Polis Diraja Malaysia.

Tadi, saya menyentuh bahawa pengambilan anggota polis wanita, saya menyokong tetapi saya ingin mempersoalkan mengapa dilaporkan bahawa pengarah pengurusan meletakkan sasaran 15% sahaja wanita di dalam Polis Diraja Malaysia ini sebab saya rasa kalau mereka yang layak, yang berminat dan yang berkemampuan pada fizikalnya boleh mengambil tugas yang penting dan berat ini, mereka harus digalakkan. Saya ingin tahu dasar kementerian bahawa hanya 15% anggota wanita dibenarkan di dalam Polis Diraja Malaysia.

Dalam era ini, kita mestilah menggalakkan dan tidak membezakan jantina apabila kita ingin bersama-sama untuk.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Puan Fong Po Kuan:** .....untuk bersama-sama mempertahankan negara, menjalankan tugas bagi memberi satu suasana atau *environment* yang lebih sempurna untuk penduduk negara ini.

Sebelum saya menamatkan ucapan saya, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memberi pandangan bahawa memang saya menyokong pegawai polis kita dihantar untuk ke luar negara untuk belajar bagaimana menangani masalah keganasan rumah tangga atau rogol tetapi sebelum dihantar mereka ke England untuk belajar, biarlah belajar dalam negara ini dahulu kerana saya rasa kalau untuk mengendalikan kes-kes sedemikian, melibatkan keganasan terhadap wanita, kita ada banyak NGO yang begitu fasih dengan tugas ini. Biar pegawai polis kita diajar undang-undang tentang keganasan rumah tangga dahulu sebelum kita hendak berfikir jauh untuk hantar mereka ke luar negara.

Saya akan menyambung berkenaan perkara ini pada masa hadapan semasa perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Pahat.

#### 4.44 ptg.

**Tuan Haji Siam bin Kasrin [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk turut sama membahaskan Bajet 2004 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat

Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia pada hari Jumaat, 12 September 2003 di Dewan yang mulia ini.

Pembentangan bajet yang bertemakan “Meraih Kejayaan Membina Masa Depan” berteraskan lima strategi khusus yang mengandungi beberapa pendekatan *holistic* yang akan diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan martabat negara di arena global. Sesungguhnya Bajet 2004 memperlihatkan usaha gigih Kerajaan Barisan Nasional bagi mengurangkan defisit sehingga 3.3% daripada Keluaran Negara Kasar tahun depan berbanding sebanyak 5.4% pada Bajet 2003.

Usaha-usaha membangunkan sumber-sumber pertumbuhan domestik di samping memberi penekanan yang begitu tinggi kepada sektor industri kecil dan sederhana yang memainkan peranan penting kepada ejen pertumbuhan ekonomi negara yang sebelum ini digalas oleh kerajaan.

Bajet kali ini juga turut mengetengahkan sektor pertanian supaya teras penting ekonomi negara menerusi rancangan menyenaraikan FELDA di Bursa Saham Kuala Lumpur. Langkah ini bukan sahaja akan meningkatkan taraf dan cara hidup peneroka tetapi juga akan melonjakkan kepentingan pasaran modal tempatan dengan menyenaraikan sebuah syarikat yang bakal menjadi syarikat perladangan terbesar di dunia. Usaha ini akan membantu menurunkan perbelanjaan kerajaan bagi menampung agensi kerajaan yang besar, sementara keuntungan daripada entiti tersenarai FELDA akan memberi pulangan semula kepada kerajaan dan sejumlah 144,336 peneroka.

Pembentangan Bajet 2004 juga memperlihatkan tumpuan untuk mengurangkan pergantungan kepada pelaburan langsung asing dengan memberikan pelepasan cukai kepada sektor swasta membuat pelaburan semula yang membabitkan aspek pembangunan sumber manusia tempatan. Ini kerana sudah tiba masanya sektor swasta mengetepikan pergantungan kepada buruh asing yang tidak berkemahiran. Dengan adanya buruh tempatan yang mahir, kualiti barangan yang dikeluarkan dapat ditingkatkan, sekali gus membolehkan syarikat tempatan menongkah arus dan mendapat tempat di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan cukai jalan motosikal di bawah 150 cc yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada pembentangan bajet yang lalu disambut baik oleh semua pihak terutama sekali masyarakat yang berpendapatan rendah dan para pelajar yang mana motosikal dijadikan sebagai pengangkutan utama ke tempat kerja dan pengangkutan bagi kemudahan keluarga.

Dianggarkan seramai 5.6 juta pemilik motosikal di bawah 150 cc daripada 7 juta pemilik motosikal di seluruh negara. Sesungguhnya pengumuman ini menyebabkan kekurangan hasil kerajaan sebanyak RM177.7 juta cukai jalan yang dikenakan sebelum ini mengikut kuasa enjin dan perbezaan yang berkurangan bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Walaupun pemansuhan cukai jalan yang diumumkan baru-baru ini, caj insurans masih wajib dibayar sebagaimana yang ditetapkan dalam peruntukan Seksyen 90, Akta Pengangkutan Jalan 1987. Masalah yang mungkin dihadapi oleh pemilik-pemilik motosikal ialah kerana baru-baru ini kita sentiasa didedahkan melalui media-media cetak harian, kita dapat membaca mengenai kekerapan berlakunya kehilangan motosikal di mana sindiket ini dilakukan oleh individu-individu tertentu dan sindiket yang ada hubung kait dengan kumpulan dari negara-negara jiran.

Di daerah saya sahaja di Batu Pahat, Johor, bagi bulan Ogos 2003 sahaja iaitu lebih kurang dalam lapan bulan, lebih daripada 400 buah motosikal dilaporkan hilang. Saya berasa curiga dengan pemansuhan cukai jalan bagi motosikal di bawah 150 cc, masalah kecurian dan kehilangan motosikal akan meningkat daripada angka sebelumnya kerana kecuaiannya pemilik. Pemilik motosikal hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya mengenai pengambilan perlindungan insurans pihak ketiga dan pembaharuan lesen motosikal sebanyak RM2 di Jabatan Pengangkutan Jalan.

Saya berharap Kementerian Pengangkutan Jalan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan sendiri dan Bahagian Penguat Kuasa dan Bahagian Pendaftaran Kenderaan akan bekerja lebih efektif bagi menentukan kutipan hasil dapat dipertingkatkan daripada tahun-

tahun sebelumnya. Janganlah dijadikan alasan pemansuhan cukai jalan motosikal di bawah 150 cc sebagai penyebab kemerosotan kutipan.

Langkah lebih berkesan harus dilakukan kepada kenderaan berat yang tidak membayar cukai jalan tetapi kenderaan bebas berada di atas jalan raya terutama sekali ada pemilik yang menggunakan kenderaan yang berlainan tetapi nombor pendaftaran yang sama. Kebenaran penggantungan sementara kenderaan hendaklah disiasat oleh Bahagian Penguat Kuasa secara terperinci di mana prosedur sedia ada memadai pemohon mengisi borang dan penyerahan sementara kad pendaftaran sahaja.

Saya juga ingin mencadangkan supaya peraturan yang sedia ada iaitu di bawah Road Transport Ordinance 1997 di mana di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 tidak dinyatakan supaya kenderaan yang tidak diperbaharui cukai jalan selama lima tahun berturut-turut dibatalkan nombor pendaftarannya.

Dengan usaha yang dijalankan secara berterusan, saya yakin JPJ akan dapat mempertingkatkan kutipan hasil jabatan. Saya difahamkan tidak banyak Jabatan Pengangkutan Jalan di peringkat negeri menjalankan kerja notis pembatalan nombor pendaftaran bagi kenderaan yang tidak memperbaharui cukai jalan selama lima tahun berturut-turut. Sudah sampai masanya kerja secara berpusat dilaksanakan di peringkat ibu pejabat JPJ bagi memastikan pelaksanaannya dapat diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana komited dengan masalah kesihatan rakyat. Peningkatan peruntukan sebanyak 20.5% daripada peruntukan tahun 2003 iaitu sebanyak RM9 bilion merupakan satu usaha yang amat membanggakan. Seharusnya rakyat di negara ini menyedari bahawa kos rawatan perubatan di negara ini kian meningkat di mana subsidi kerajaan untuk perkhidmatan kesihatan kepada semua rakyat dengan caj perkhidmatan yang paling rendah sudah menjadi beban yang semakin berat.

Saya menyambut baik saranan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya industri insurans kesihatan negara dapat diperluaskan dengan menawarkan kos premium yang berpatutan dan mampu ditanggung oleh sebahagian besar rakyat. Persoalannya bagaimanakah kesedaran kepada rakyat harus dipertingkatkan khasnya kaum bumiputera supaya menjadikan industri insurans kesihatan sebagai pelindung apabila sakit terutama di waktu hari tua.

Perancangan kewangan sewaktu sakit dan hari tua harus diurus dengan bijak dan penuh kesedaran. Bagi 10% populasi rakyat di negara ini yang bergantung pada pencen kakitangan awam, 65% di sektor swasta bergantung pada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan 25% merupakan yang bekerja sendiri yang tidak mempunyai sebarang sandaran.

Saya mencadangkan kepada kerajaan supaya dengan kerjasama Bank Negara supaya memberikan insentif kepada 16 buah syarikat insurans hayat di negara ini yang mempunyai pelaburan terkumpul sebanyak RM57 bilion agar mengambil langkah-langkah secara praktik kepada masyarakat khasnya di luar bandar supaya dapat membeli polisi insurans kesihatan dan hayat sebagai usaha membantu di waktu ditimpa musibah ataupun kecelakaan. Setakat ini hanya 30% daripada rakyat di negara ini yang membeli polisi insurans berbanding dengan negara Singapura, di mana 80% rakyatnya membeli polisi insurans dan bagi rakyat Jepun pula, kebanyakan rakyatnya membeli dua atau tiga polisi insurans serentak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi pandangan mengenai masalah kaum lelaki yang mempunyai masalah syahwat yang boleh dibahagikan kepada kategori. Yang pertama *disfunction* seks, yang kedua kurang nafsu seks dan yang ketiga mati pucuk. Di sini saya tidak berhasrat untuk menghuraikan spesifikasi ketiga-tiga kategori, tetapi apa yang ingin saya sentuh ialah keegoan lelaki itu sendiri. Apa yang menjadi puncunya dipercayai hampir 3 juta lelaki di negara ini menghadapi masalah lemah seks. Secara tidak disedari, ada di antara lelaki yang saya katakan tadi mengamalkan makanan dan minuman ataupun bahan yang boleh meningkatkan hubungan seks yang berasaskan herba dan akar kayu. Bagi lelaki yang rakus pula sanggup memakan binatang eksotik ataupun binatang liar seperti hempedu ular, darah ular, anak tikus, otak monyet, daging kura-kura, kemaluan

harimau, lintah dan sebagainya yang banyak terdapat di restoran-restoran eksekutif di Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan juga Pulau Pinang.

Selain daripada itu di Kuala Lumpur juga cuba kita meninjau di Jalan Masjid India yang terkenal sebagai pusat *business* produk tradisional yang berkait rapat dengan pemeliharaan dan pemuliharaan bagi syahwat lelaki. Perkara ini saya paparkan kerana lelaki yang bermasalah ini kurang petunjuk daripada pihak yang bertanggungjawab khususnya daripada Kementerian Kesihatan. Lelaki yang bermasalah di Malaysia ini sebenarnya tidak ada tempat untuk mengadu berbanding dengan wanita. Bagi wanita, di mana sahaja pusat perubatan dan institut pengajian tinggi ada pusat kesihatan wanita. Dengan lain perkataan, pusat kesihatan wanita yang memberi rawatan sakit puan banyak terdapat di negara ini, tetapi tiada pusat kesihatan lelaki yang memberikan rawatan sakit tuan di negara kita.

Di Indonesia banyak terdapat pusat sakit tuan yang dikenali sebagai pusat andrologi, malah banyak terdapat fakulti andrologi di pusat-pusat pengajian tinggi di Indonesia seperti di Universiti Surabaya dan juga Universiti Jakarta. Begitu juga di negara-negara India, China, Filipina dan Thailand terdapat pusat sakit tuan. Ketiadaan pusat sakit tuan di negara ini dan juga di negara Singapura yang menjadi jiran kita menjadi satu persoalan yang harus kita jawab. Saya mohon Kementerian Kesihatan mewujudkan pusat sakit tuan di negara ini bagi memastikan kesejahteraan masyarakat apatah lagi ada juga isteri-isteri di negara ini yang mula berani menyuarkan hak nafkah batin mereka secara lebih terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh disiplin pelajar yang semakin menurun terutama sekali di sekolah-sekolah berasrama yang majoritinya dihuni oleh pelajar-pelajar bumiputera. Mereka ini dianggap sebagai dengan izin, *cream of the cream* tetapi malangnya mereka terjebak dengan gejala sosial dan moral yang kurang sihat. Masalah samseng, *raging*, peras ugut dan ada yang semakin berani mencabar autoriti pentadbiran asrama dengan melanggar secara jelas peraturan-peraturan yang ditetapkan. Peristiwa yang berlaku baru-baru ini di Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Maktab Melayu Kuala Kangsar dan juga berlaku terhadap anak buah saya yang menuntut di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat iaitu Mohamad Hafizi Jamhari yang belajar di Tingkatan Empat, yang mana hilang buah pinggang sebelah kirinya, menuntut kita sama-sama untuk merenung dan memikirkan langkah-langkah secara lebih berkesan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar hari ini.

Saya juga mengucapkan syabas kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan yang sudi melawat mangsa di hospital selepas dua hari kejadian dan mendengar taklimat kejadian di pejabat pendidikan daerah. Sebenarnya peristiwa seperti ini sebahagian kecilnya sahaja yang dipaparkan oleh pihak media elektronik dan juga media cetak. Saya yakin banyak lagi insiden yang berkaitan yang selama ini cuba ditutup oleh pihak pentadbiran sekolah atau pihak pejabat pendidikan di peringkat daerah. Kita sering kali menuding jari mencari kesalahan orang lain apabila berlakunya isu ibu bapa menuduh guru-guru dan sistem pendidikan di sekolah. Guru pula menyalahkan ibu bapa dan pengaruh masyarakat persekitaran. Ini semua saya fikirkan tidak membawa penyelesaian secara komplit. Banyak persoalan yang harus kita fikirkan secara berhemah.

Ibu bapa hari ini terlalu bergantung pada guru-guru untuk mendidik dan membentuk moral anak-anak mereka, tetapi pada masa yang sama mereka tidak memantau sifat dan tingkah laku anak-anak sendiri. Sebenarnya kebanyakan pelajar hari ini belum dapat mengawal emosi dan belum mampu berkomunikasi secara berkesan di mana ada di antara pelajar yang berpendapat untuk mengawal emosi ialah dengan memasuki kumpulan gengster. Masyarakat juga perlu memainkan peranan dengan membantu pihak sekolah menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Penglibatan aktif ibu bapa dalam PIBG dapat membantu mereka mengenali dengan lebih rapat masalah sekolah, guru dan para pelajar.

Saya mencadangkan supaya penyertaan ahli-ahli PIBG tidak sahaja terbuka kepada ibu bapa yang ada anaknya di sekolah tersebut. Ia harus diluaskan kepada komuniti masyarakat setempat yang kita fikirkan dapat membantu.

Sebenarnya pertemuan setahun sekali melalui Mesyuarat Agung PIBG tidak mampu memberikan gambaran sebenar situasi yang berlaku di sekolah termasuk persoalan disiplin pelajar. Kekerapan pertemuan ibu bapa dengan pihak sekolah membuka ruang yang lebih baik kepada kedua-dua belah pihak bagi mendekati masalah di sekolah dan juga di rumah bagi anak-anak kita. Bagi sekolah yang berasrama penuh, saya berharap pihak pentadbiran sekolah harus memikirkan bahawa Program Minggu Suai Kenal sudah tidak relevan lagi kerana ada setengah persatuan pelajar mengambil kesempatan dan menyalahgunakan kuasa dengan menghidupkan budaya *raging*. Pentadbiran asrama hendaklah memantau dengan lebih keras minggu suai kenal setiap tahun.

Saya juga ingin mencadangkan supaya warden-warden di sekolah berasrama hendaklah dilantik tidak daripada kalangan tenaga pengajar sekolah, kerana tindakan ini akan mengganggu pengajaran guru berkenaan di waktu sekolah di samping kurang konsentrasi terhadap murid-murid sewaktu berada di asrama. Bagaimana seorang pendidik boleh berkhidmat sepanjang hari kepada anak didik mereka tanpa menjalankan aktiviti-aktiviti untuk keluarga, masyarakat dan aktiviti-aktiviti lain yang boleh menurunkan tekanan perasaan.

Akhirnya saya berharap guru-guru di sekolah perlu bijak menguruskan dan mengendalikan masa di samping menyediakan tempat pembelajaran yang *conducive* bagi mendorong dan bagi menjalinkan hubungan yang harmoni di antara mereka iaitu antara guru dan para pelajar. Saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bandau.

**5.00 ptg.**

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang bagi kami, saya khasnya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Bajet 2004.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita merakamkan tanah ke atas bajet yang begitu bersejarah yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri Malaysia. Seperti mana yang kita sedia maklum, bajet pada kali ini mencerminkan satu bajet yang begitu besar sekali bukan sahaja dari segi jumlah tetapi dari segi pendekatan yang telah pun digunakan dalam soal penggubalan bajet pada kali ini.

Dari jumlah keseluruhan iaitu RM114.3 bilion, sejumlah RM80.5 bilion untuk tujuan mengurus dan tujuan pembangunan RM30 bilion dengan RM2 bilion bagi simpanan luar jangka. Dibandingkan dengan bajet tahun 2003 yang sedang dilaksanakan, bajet pada tahun 2004 ini adalah meningkat sejumlah 2 peruluhan lebih bilion.

Tuan Yang di-Pertua, kita memandangkan bajet pada kali ini satu bajet yang begitu kreatif sekali, sekali gus satu bajet yang 'murah hati' dan bajet yang tepat pada sasaran dari segi tugas menangani cabaran-cabaran ekonomi negara pada masa kini.

Sebagai sebuah bajet, *parting budget* dengan izin, daripada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ia adalah bajet yang boleh diingati sebagai satu bajet yang komprehensif, pragmatik dan bersejarah khasnya yang saya katakan tadi dari segi pendekatan mengurus ekonomi dan kewangan negara. Misalnya tumpuan dan penekanan kepada peranan pelaburan tempatan. Dari segi sumber modal iaitu dari segi teras *direct domestic investment* adalah suatu pendekatan baru walaupun ditekankan beberapa kali pada masa-masa lampau tetapi sekali gus diberi penekanan yang utama dan ini adalah bukan sahaja tepat pada masanya tetapi sebagai satu strategi yang memanglah asas untuk meneruskan *sustainability* pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat daripada isi kandungan bajet tahun 2004 ini yang begitu memberi perhatian sekali lagi kepada pertumbuhan ekonomi dan transformasi ekonomi di rantau seberang Sabah dan Sarawak, di mana dari segi jumlah keseluruhan, pihak Kerajaan Pusat telah memperuntukkan RM5.9 bilion bagi negeri Sabah dan bagi negeri Sarawak sejumlah RM5.5 bilion. Jumlah keseluruhan bagi zon seberang, Sabah dan Sarawak ini sejumlah RM11.4 bilion bagi peruntukan perbekalan dan juga peruntukan bagi usaha pembangunan.

Kalau dilihat memanglah peningkatan itu begitu jelas sekali berbanding dengan bajet-bajet pada masa yang lampau...

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Shah Alam

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ...tapi boleh dikatakan bahawa barang kali keperluan itu memerlukan tindakan seperti tersebut dan masih banyak yang diperlukan. Yes, boss silakan.

**Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat, saya tertarik hati Yang Berhormat punya perbincangan bajet. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, setengah pihak terutama pihak pembangkang dia kritik bajet ini tujuh tahun berturut-turut merupakan *deficit budget*. Dan saya hendak pandangan Yang Berhormat bahawa dalam iklim dan suasana ekonomi sekarang, apakah tuntutan untuk mengeluarkan *deficit budget* ini sebagai satu tanggungjawab daripada pihak kerajaan untuk *generate* ekonomi, dengan izin.

Yang kedua tadi Yang Berhormat kata bahawa sejumlah peruntukan yang besar telah pun disediakan untuk Sarawak dan Sabah. Sarawak saya difahamkan kadar kemiskinan telah pun turun 5% tapi di Sabah masih lagi 20%. Jadi apakah impak dengan pembahagian peruntukan yang besar ke Sabah ini dengan kesan kepada kadar kemiskinan di Sabah.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi BBC. Saya jawab itu habis ucapan saya semua. Terima kasih.

Dari segi penggunaan defisit dalam mana-mana usaha merancang, menggubal suatu bajet atau belanjawan itu *standard* sebenarnya dengan izin, *standard steps* untuk mengimbangkan pendapatan sekali gus perbelanjaan. Jadi kita lihat mana-mana bajet di negara asing pun menggunakan strategi. Ada masa, dia ada *surplus*, dengan izin, ada masa dia ada defisit dan defisit yang ada pada bajet kali ini bagi tahun 2004 adalah lebih rendah daripada defisit peratusan KDNK bagi tahun yang lalu. Dengan izin, *this is a prudent and pragmatic approach* dan dengan izin, *people who never used deficit as partly a strategy for budget planning, I think they are very foolish. So, it is a question of ability* dengan izin, *to balance the budget at the same time, the ability to pay* di mana yang perlu kita tidak dapat tampung daripada pendapatan dalam tahun tersebut.

Seterusnya dari segi negeri Sabah dan Sarawak, di mana dikatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan yang lebih ketara menjunam, menurun di peringkat negeri Sarawak. Di Sabah pun sebenarnya kalau keseluruhan pun difikirkan bahawa kita sudah di bawah 20%. Hanya data-data yang terkini kita belum perolehi dan memanglah di peringkat negeri Sabah sering kita percaya ada beberapa *pocket* yang begitu *persistent* sekali khususnya beberapa komuniti kecil seperti Murut, Rungus dan suku kaum KadazanDusun yang jauh daripada rangkaian jalan raya. Jadi kemiskinan di kalangan mereka ini dengan izin, *persistent* sekali dan barang kali dalam pendekatan belanjawan kali ini, bajet kali ini dan masa akan datang, kita harap pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan membuat satu pendekatan yang lain sedikit daripada pendekatan yang digunakan pada masa yang akan datang. Tetapi keseluruhannya adalah begitu sebenarnya boleh dibanggakan pencapaian selama beberapa tahun ini.

Seterusnya saya ingin terus maju..., dalam soal pembekalan sekali lagi jumlah RM5.9 bilion yang diasingkan bagi negeri Sabah dan sekali gus RM5.5 bilion bagi negeri Sarawak. Memang tumpuan keseluruhan ini bukan sahaja bagi tumpuan peruntukan untuk pembekalan tetapi sebahagian besar kira-kira 30% juga adalah bagi peruntukan pembangunan. Dan dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan sekali misalnya di peringkat negeri Sabah, Ketua Menteri yang baru telah menggubal hala tuju pentadbiran negeri Sabah dan memberi penekanan tiga sektor utama iaitu bahagian sektor pertanian, pemakanan, sektor pelancongan dan sektor perindustrian di peringkat Industri Kecil dan Sederhana dan tidak lupa juga pengurusan bagi kawasan hutan dengan strategi dan konsep berkekalan.

Dalam perkara ini, apa juga tindakan pihak kerajaan negeri untuk meneruskan kadar pertumbuhan dalam sektor pertanian misalnya ataupun dalam sektor pelancongan ataupun dalam sektor perindustrian, ia begitu berdasarkan kepada pembangunan infrastruktur dan pembangunan infrastruktur ini memerlukan bantuan yang luas dan besar daripada pihak Kerajaan Pusat kerana bajet tahunan Kerajaan Negeri hanya sekadar boleh menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang kadar sederhana dari segi perbekalan infrastruktur asas.

Jadi kita lihat begitu ketara peningkatan dari segi pembekalan kewangan dan peruntukan untuk infrastruktur asas misalnya bagi jalan raya kita melihat walaupun tidak diasingkan bagi negeri Sabah dan Sarawak, sejumlah RM450 juta bagi keseluruhan negara Malaysia bagi jalan kampung dan penyelenggaraan. Kita berharap Tuan Yang di-Pertua bahawa sebahagian besar dan ada peningkatan daripada jumlah daripada tahun-tahun yang lalu itu dapat di nikmati oleh negeri Sabah dan negeri Sarawak daripada jumlah RM 450 juta dari segi peruntukan projek jalan kampung dan penyelenggaraannya.

Dari segi perbekalan elektrik, projek jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air adalah tiga daripada elemen asas, unsur-unsur asas dalam pembangunan infrastruktur. Dan kita melihat bahawa dari segi bekalan elektrik bagi negeri Sarawak, RM96.6 juta telah diperuntukkan dan bagi negeri Sabah adalah RM103.65 juta bagi tahun ini. Ini sebenarnya adalah hampir tiga kali ganda daripada peruntukan dalam Bajet 2003. Dari segi bekalan air pun, sejumlah peruntukan dibekalkan bagi negeri Sarawak iaitu RM87.8 juta dan bagi negeri Sabah juga RM87.8 juta. Ini meningkat dua kali ganda daripada peruntukan tahun yang lalu. Jadi, saya rasa semua kita di dalam Kerajaan Barisan Nasional ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan dari segi peruntukan yang begitu ketara peningkatannya bagi negeri Sabah dan Sarawak tetapi saya lihat juga bagi negeri-negeri yang masih membangun di kawasan Semenanjung, peruntukan-peruntukannya juga kelihatan dipertingkatkan.

Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya dalam soal pelaksanaan projek-projek infrastruktur asas ini iaitu bekalan elektrik, bekalan air dan projek jalan kampung supaya penyelenggaraan pelaksanaan program-program ini hendaklah diberikan pendekatan yang baru dari segi penelitian dan kawalan. Sebab kita melihat khususnya dari segi elektrik, misalnya untuk negeri Sabah itu sendiri diperuntukkan RM103.65 juta.

Sering kali apa yang dilaksanakan dari segi pelaksanaan program ini pihak daerah - Pegawai Daerah dan pihak Ahli-ahli Parlimen tidak terlibat sama sekali dari segi perundingan, perbincangan, memprioritikan senarai keperluan-keperluan di setiap daerah. Tiba-tiba payung datang dan selepas itu mereka masuk untuk melaksanakan projek-projek tersebut dan kita lihat bahawa dari segi pemilihan tapak, dari segi pemilihan kampung, banyak yang tidak tepat dari segi prioriti. Dan dalam konteks ini, kita merayu kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya dapat membuat hubungan yang lebih rapat dengan pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar di peringkat negeri dan sekaligus dengan jentera pentadbiran kerajaan di peringkat daerah, iaitu Pejabat Pegawai Daerah.

Begitu juga dengan bekalan airnya, Tuan Yang di-Pertua, begitu juga ceritanya kerana pihak Ahli-ahli Parlimen memberi senarai-senarai tertentu tetapi apabila turun senarai tersebut, sering kali pemilihan senarai terakhir di mana projek itu ditentukan, pihak Pegawai Daerah atau pihak Ahli Parlimen tidak terlibat dalam perundingan rumusan. Jadi sering kali tempat itu tidak tepat dari segi sasaran. Sering kali beberapa kampung banyak kali, dua, tiga kali diberi tumpuan, walhal kampung-kampung yang berdekatan, sekali dalam dua tahun pun belum lagi. Jadi inilah rayuan kita supaya lebih rapat perhubungan khususnya dari segi pelaksanaan projek-projek yang begitu penting ini – projek-projek asas infrastruktur.

Tuan Yang di-pertua, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan juga, beliau menekankan bagi negeri Sabah dan Sarawak sambil menceritakan keperluan-keperluan di negeri-negeri lain di negara kita ini bahawa tidak lama lagi rangkaian jalan bagi negeri Sabah dan Sarawak ini akan mencapai satu status di mana pekan-pekan besar itu dapat dihubungi dengan rangkaian jalan darat dan bukan lagi seperti yang masih dialami

pada saat ini iaitu sebahagiannya dengan jalan kaki, sebahagiannya dengan jalan laut dan ada yang hanya dihubungi dengan kapal terbang. Jadi, kita berharap bahawa dalam soal ini, pihak Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi akan memberi tumpuan untuk menyemak balik pelan induk rangkaian jalan khususnya bagi negeri Sabah supaya jalan-jalan utama yang diperlukan itu harus diberi tindakan yang lebih utama daripada barangkali di satu daerah di mana ada dua jalan sudah wujud dan jalan baru dibuat lagi pula, begitu. Jadi, kita berterima kasih kepada Kerajaan Pusat, yang mana rangkaian jalan bagi negeri Sabah apabila semuanya dapat dilaksanakan, ianya begitu baik sekali.

Misalnya daripada Papar melalui Jalan Kimanis ke Keningau dan daripada Sipitang rangkaian jalan utama ke Kemahon dan seterusnya ke Tenom. Semua jalan ini telah pun diluluskan tetapi difahamkan peruntukan belum turun untuk soal pelaksanaan. Seterusnya daripada Nabawan ke Tawau, itu pun juga dalam proses pelaksanaan. Saat ini daripada Pitas melintasi kawasan kita di Bandau menuju Keningau, Sandakan. Apabila itu sudah siap, maka perhubungan rangkaian jalan akan hampir sempurna bagi beberapa tempat di pedalaman tetapi belum cukup lagi. Misalnya bagi Kota Belud dengan Ranau, itu pun sama. Dan akhirnya jalan Hutan Marudu menuju ke Ranau sebenarnya adalah *last* jalan yang apabila itu dapat dibina, maka hampir selesai semua daerah di Sabah ini dapat dihubungi dengan jentera darat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh ini sebab kita beberapa kali telah menyentuh dan merayu tentang jalan Kota Marudu, Merap Perap, Poring sampai ke Ranau dan Ahli Parlimen Bahagian Ranau dan Menteri daripada daerah Ranau belum menentu ini tetapi alasannya sering kali jalan ini tidak perlu ataupun sama hala tuju dengan jalan pintas ke Kanibungan menuju ke Nangoh. Sebenarnya itu analisis salah kerana itu menuju ke tepi sungai, tepi laut. Tetapi ini adalah jalan yang melintasi kawasan-kawasan pertanian dan pelancongan Gunung Kinabalu menuju ke Ranau. Apabila semua ini dibuat sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita berpendapat bahawa kita, dengan izin, *we are almost there* dari segi perhubungan pekan-pekan seperti mana yang disentuh oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan peruntukan-peruntukan yang diberi bagi Kementerian Pendidikan kerana sekali lagi mendapat peruntukan yang hampir 25% ataupun sesuku daripada jumlah Bajet 2004 iaitu RM2.2 bilion. Dalam perkara ini, tumpuan yang telah diberi bagi semua negeri yang sedang membangun dialu-alukan dan begitu juga bagi negeri-negeri yang terpicil seperti negeri Sabah dan negeri Sarawak. Misalnya di peringkat negeri Sabah, bagi Rancangan Malaysia Kelapan ini, sejumlah RM2 bilion telah pun dipergunakan daripada jumlah yang telah diluluskan pada asalnya RM2.1 bilion. Jadi, kita ada dua tahun lagi sebelum selesai Rancangan Malaysia Kelapan tetapi peruntukan yang diasingkan hampir sudah dipakai kesemuanya.

Saya merayu kepada pihak kerajaan supaya menyemak balik siling Rancangan Malaysia Kelapan ini ataupun Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan supaya menyemak balik siling ini ke tahap yang lebih tinggi untuk membolehkan pembinaan infrastruktur-infrastruktur pendidikan di negeri Sabah dan Sarawak. Kita begitu berterima kasih kerana laporan yang terkini pun begitu menekankan di mana dalam dua tahun ini sejumlah 399 buah sekolah rendah telah pun diperbaiki ataupun telah dibina dan sekali gus 638 rumah-rumah guru (*teacher's quarters*) yang telah dibina ataupun telah diperbaiki dalam dua tahun ini. Saya ucapkan terima kasih tetapi dalam perkara ini dengan izin, di bawah Program Rural Redevelopment Project bagi negeri Sabah dan Sarawak, saya merayu sekali lagi kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya membuat satu pendekatan yang lebih teliti dari segi pengagihan-pengagihan peruntukan bagi sekolah-sekolah tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat perancangan di peringkat daerah itu sering kali tidak dipatuhi apabila kelulusan diberi kepada sekolah-sekolah yang diperbaiki ataupun sekolah baru yang dibina. Sering kali di kawasan perkampungan ada sekolah yang sudah macam di pekan dan tiba-tiba muncul SMK 2 Kota Marudu, SK 2 Kota Marudu, ataupun SMK Tandik 2 tetapi di sebelah sahaja tidak jauh dari sana, tiga sekolah SMK yang sudah empat tahun beroperasi masih lagi meminjam tapak sekolah rendah yang sekolah asal itu. Misalnya di kawasan saya SK Bandau, SMK Bandau, SMK Langkun, SMK Bingkungan.

Semuanya menggunakan tapak-tapak yang dahulu. Jadi kita merayulah supaya ada satu perancangan yang lebih teliti di dalam perkara ini supaya prioriti itu tepat kepada keperluan masyarakat kita.

Saya rasa ini sangat penting untuk memastikan bahawa dalam soal kewangan itu adalah satu *constrain* dan bukan *unlimited*, dengan izin, maka prioriti itu haruslah tepat kepada keperluan memastikan tahap hidup pelajar-pelajar kita dan masyarakat keseluruhannya dapat dipertingkatkan dengan jumlah peruntukan yang diasingkan bagi kawasan tersebut. Ada beberapa sekolah misalnya SK di kawasan sekitar di Kematungung, SK Derasenlaut, kami telah baru-baru ini mengadakan satu perayaan kemerdekaan bersama dengan Bahagian Majlis Keselamatan Negara. Saya sebagai Ahli Parlimen yang merasmikannya di Derasenlaut, sememangnya kita merasa sedih sambil kita merayakan 46 tahun merdeka, selepas itu kita makan jamuan ringan dan masuk dalam bilik darjah, lantai bilik darjah itu berbunyi kalau kita berjalan kerana ia masih lagi menggunakan bangunan semasa zaman British dahulu.

Jadi, hal-hal seperti ini kita buat untuk maklumat supaya perancangan itu tepat kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** ....seperti mana keperluan rakyat di akar umbi. Yes, dipersilakan tetapi pendek sahaja.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini pendek, sama dengan yang dok bercakap, pendek. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Ketawa] Saya sokong apa yang Bandau sebut. Malahan saya hendak supaya Kementerian Pendidikan memberikan lebih tumpuan kepada sekolah-sekolah di Sabah dan di Sarawak, terutama sekolah-sekolah ini mesti ada asrama.

Saya pergi ke Batang Lupar, 30 kilometer. Memang tidak dapat budak-budak ini ke sekolah kalau tidak ada asrama. Jadi, saya daripada Semenanjung ini amat simpati dengan sekolah-sekolah yang ada Sabah dan Sarawak. Itulah sebabnya kadang-kadang anak-anak muda daripada Semenanjung yang menjadi guru hendak ke Sabah dan Sarawak tidak hendaknya kerana inilah masalahnya. Sekolah-sekolah itu tidak cukup infrastruktur dan sekolah-sekolah itu tidak berupa sekolah.

Jadi, saya harap teruskan perjuangan bagi kawan-kawan ahli wakil orang Sabah dan Sarawak, teruskan. Kementerian Pendidikan kena ambil perhatian beratlah kepada sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih atas sokongan yang padu. Sebenarnya kita tidak minta layanan yang istimewa, kita sekadar inginkan perseimbangan itu wujud supaya orang macam saya ini ada peluang masuk asrama dahulu kerana ada asrama. Walaupun kita budak kampung, baru Darjah Tiga masih lagi berjalan kaki pakai selipar, kadangkala tiada selipar. Kita masih boleh bersaing dengan pelajar lain. Di peringkat luar negeri kita juga boleh bersaing kerana kerajaan memberi tumpuan. Jadi, begitulah harapan kita luaskan asrama seperti begitu supaya lebih banyak orang macam Sri Gading dan saya ada di Parlimen ini, betul atau tidak? [Menoleh kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading] Ya!

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dari soal pendidikan ini, sebelum saya tutup ialah mengenai keperluan Guru Sandaran Tidak Terlatih di negeri Sabah iaitu skim *Attachment Teacher*. Mereka ini adalah guru-guru tidak terlatih. Mereka ini diambil dalam perkhidmatan pada tahun 1960-an, 1970-an dan awal 1980-an. Mereka ini ada yang lulus UPSR, SRP sahaja pada waktu itu dan seterusnya kira-kira ada 300 orang jumlah mereka di negeri Sabah pada saat ini. Kebanyakan mereka ini kerana mereka diambil pada lewat tahun 1960-an, jadi sudah 20 hingga 30 tahun berkhidmat. Namun, kerana mereka ini adalah guru sementara dan tidak terlatih di bawah skim *Attachment Teacher*, atau guru sandaran, sementara, maka gaji mereka ini banyak yang sudah mati 20 tahun, tidak ada semakan apa-apa bagi beberapa orang dari mereka ini tetapi ada laporan pula mengatakan

ada yang kelulusan Darjah Enam dapat semakan gaji, yang Tingkatan Tiga pula tidak dapat semakan gaji. Perkara ini telah pun dibawa kepada pihak kementerian.

Saya ingin merayu sebagai ahli kerajaan di sini supaya nasib golongan ini diberi perhatian yang sewajarnya. Kalau sudah hampir 10 tahun, 20 tahun tidak adalah semakan gaji kerana skim tidak membolehkan apa-apa semakan, pastikan kita rasa kerajaan boleh melakukan sesuatu mengambil kira sumbangan mereka kepada sistem pendidikan kita. Mereka ini 28 tahun bertugas dan telah mati gaji 15 tahun sudah misalnya. Jadi, kita harus beri perhatian kerana mereka ini telah menggunakan apa juga peluang untuk menambah pengalaman mengajar, kursus tambahan tetapi tidak ada pergi maktab. Jadi, bukan sedikit jumlah mereka ini, ada 300 orang. Jadi saya merayulah dan saya yakin kerajaan akan mencari jalan mengatasi masalah ini khususnya dari segi semakan gaji dan kelayakan-kelayakan yang lain. Misalnya, mereka ini jika dipindahkan ke sekolah lain yang jauh perlu menyewa rumah tetapi mereka tidak layak untuk dapat apa-apa elaun perumahan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, tajuk terakhir saya ingin sentuh ialah soal keselamatan negara. Sekali lagi kita mengatakan terima kasih kerana pihak Kerajaan Pusat atas tumpuan dan keprihatinan yang diberi di peringkat negeri Sabah khususnya, walaupun masalah ini bukan sahaja di negeri Sabah tetapi di negeri-negeri di persisiran pantai juga di Straits of Malacca, iaitu masalah pendatang asing. Dengan adanya pelaksanaan Ops Nyah Bersepadu II, ini telah berhasil sekali khususnya dalam dua tahun ini untuk mengurangkan jumlah pendatang asing di negeri Sabah. Pihak polis, pihak *military* dan semua pihak agensi yang lain telah begitu ketara mencapai *success* mengurangkan jumlah kehadiran pendatang asing di negeri Sabah.

Namun demikian, tidak boleh dinafikan bahawa masih banyak yang hadir di situ. Dalam konteks ini baru-baru ini kira-kira satu bulan yang lalu Ketua Polis Sabah, Tuan Ramli Yusuf mencadangkan sebagai satu strategi mengurangkan kehadiran pendatang asing di negeri Sabah ini supaya mereka ada satu pendekatan baru iaitu tangkap sepuluh pendatang asing satu hari di setiap distrik yang wujud. Kalau tangkap sepuluh setiap hari, ada 23 daerah di negeri Sabah, jadi 230 orang lah satu hari. Dan kalau dilakukan dalam satu tahun, ia boleh mencapai 883,950 orang yang boleh ditangkap dalam satu tahun. Saya rasa ini satu *figure* yang realistik sama sekali. Jumlah dan strategi ini harus diberi sokongan padu oleh pihak Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dan rakyat jelata di peringkat kampung.

Tangkap 10 orang pendatang asing bukan banyak, Tuan Yang di-Pertua. Kalau 23 daerah besar di negeri Sabah sekadar 230 orang. Jumlah saya difahamkan, kapasiti untuk pusat tahanan 4,000 pada setiap masa. Jadi, kalau sekadar seperti yang saya katakan tadi 230 orang satu hari, satu minggu baru kira-kira 2,000 orang lebih, kapasiti masih lagi boleh menampung mereka dan siapa yang telah ditangkap awal itu hantar pulang cepatlah, tak usahlah simpan di dalam jel, simpan dalam rumah tahanan kerana dia makan nasi kita, mahal bah itu.

Jadi, daripada orang miskin kita tidak makan nasi, mereka ini dapat makan nasi pula. Jadi, saya ingin mengatakan kita menyokong penuh strategi yang dicadangkan oleh pihak polis negeri Sabah menangkap 10 pendatang asing satu hari di setiap *district*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Ya, saya gulung. Jadi, mengatakan 230 orang satu hari, dalam satu bulan sekadar 6,900 orang, dalam satu tahun 83,950 orang boleh ditangkap dan hantar, saya rasa tiga, empat tahun akan selesai masalah. Kita sekat mereka yang datang hanya untuk melahirkan anak di negeri Sabah. Dengan pendekatan begitu, pihak kita menyokong penuh. Saya merayu pihak kerajaan membolehkan strategi itu dapat dilaksanakan, beri mereka peruntukan kewangan dan tenaga untuk melaksanakan itu dan pasti Malaysia akan tambah selamat dan maju. Saya menyokong penuh. Sekian, terima kasih.

**Tuan Jimmy Lim Donald:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa sudah cukup, minta sambung hari esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***